

84 — 41

*sebahagian dari:*

**MEMOIR**

**TUN DATU MUSTAPHA**

**MERDEKA MELALUI  
MALAYSIA**



3.00

*sebahagian dari:*  
**MEMOIR**  
**TUN DATU MUSTAPHA**

# **MERDEKA MELALUI MALAYSIA**



1981

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA  
KUALA LUMPUR.

Penerbitan Pustaka Antara  
399A, Jalan Tuanku Abdul Rahman  
Kuala Lumpur

*Cetakan Pertama . . . . . 1981*

M  
959.521  
mus

Percetakan Wartagrafik Sdn. Bhd.  
37, Persiaran Segambut Tengah,  
Segambut, Kuala Lumpur.

326899<sup>IV</sup>  
APB

11 JUL 1985  
Perpustakaan Negara  
Malaysia



*Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj*



PENDAHULUAN  
OLEH  
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN  
PUTRA AL-HAJ

TIDAK sesiapa yang lebih berkelayakan untuk menulis mengenai langkah-langkah kemajuan Sabah menuju ke arah kemerdekaan dalam Malaysia selain daripada Tun Mustapha. Beliau adalah akiteknya dan telah merancang setiap pergerakan bagi Sabah untuk masuk bersatu dalam Malaysia. Seseorang mungkin dapat menggambarkan kesukarannya, Sabah adalah sebuah negeri yang mengandungi berbagai masyarakat bangsa dan agama, bahkan orang-orang dari kaum dan agama yang sama terbahagi pula dengan perbezaan fahaman kaum masing-masing.

Mengikut Tun Mustapha reaksi awal penduduk Sabah terhadap "cadangan yang dianjurkan oleh Tunku tidaklah begitu bersemangat sebagai yang sepatutnya. Dua daripada pemimpin terkemuka pada masa itu, iaitu, Donald Stephens.... Pemimpin Kadazan dan Kwan Yui Meng... Pemimpin orang Cina, telah menyatakan bangkangan kuat terhadap Malaysia.

Orang-orang Kadazan mengandungi kumpulan bumiputera yang terbesar sekali....orang-orang Melayu, orang-orang Murut, orang-orang Bajau dan lain-lain kumpulan kaum yang membentuk bumiputera lain. Orang-orang bumiputera adalah kurang maju daripada orang Cina, masyarakat besar lain yang tinggal di negeri itu, dengan pelajaran yang lebih baik dan dengan pengetahuan perniagaan”.

Sudah sewajarnyalah, untuk mendapatkan semua orang-orang ini menyetujui kemerdekaan Sabah dalam Malaysia adalah satu tugas yang sukar. Mereka telah tinggal hidup di bawah pemerintahan baik hati British selama beberapa tahun, dan mereka tidak pernah tidak puas hati, dan tidak pula ada sebarang keinginan untuk keluar daripada genggaman British. Orang Cina telah berjaya sebagai ahli-ahli peniaga dan orang-orang bumiputera telah dibenarkan hidup mengikut cara mereka sendiri, dan pengembang-pengembang agama Kristian telah diberi hak-hak istimewa bergerak dalam kawasan-kawasan yang dikhaskan untuk kerja dakwah mereka, dan mereka telah mengenalkan mereka dan membuat banyak orang menukarkan agama di antara penduduk-penduduk yang bukan Islam. Kepada semua orang-orang dan masyarakat ini berpecah daripada pemerintahan British akan bermakna kehilangan hak-hak dan keuntungan yang mereka telah banggakan selama ini.

Dari itulah bila Tun Mustapha mengambil keputusan untuk membentuk USNO, sebuah parti politik, yang mana tujuannya ialah untuk mendapatkan kemerdekaan, adalah menampakkan seolah-olah hanya orang Melayu sahaja berkehendakkan kemerdekaan sementara orang-orang lain menentangnya. Bagaimanapun, ia terus maju dengan USNO dengan azam yang tidak bergoncang untuk hidup atau mati dalam Malaysia.

Mengikutnya, "Datuk saya sebelah ibu, Maharaja Untung Haji Abdul Rahim, yang membuat perjanjian

dengan British telah memberi konsesi..... Bagaimanapun, Mat Salleh, Datuk Saudara sebelah ayah saya, dan gerombolannya telah melancarkan serangan mengejut ke atas British yang pada masa itu sedang sibuk membuka Kudat..” dan ia menyebut saya sebagai berkata, “...Jikalau Datuk saya telah melepaskan Pulau Pinang dan Seberang Prai kepada British, sekarang biarlah saya, seorang cucu, menebus bukan hanya Pulau Pinang dan Seberang Prai tetapi seluruh Malaya daripada British”. Sesungguhnya orang yang menyewakan Pulau Pinang dan Seberang Prai kepada British ialah ayah kepada moyang saya.

Beliau adalah orang yang pertama menyerahkan sebuah daerah Malaya kepada British dengan sewaan terus menerus sebanyak \$10,000. Tidak syak itu adalah satu perkara kebetulan sahaja yang anih yang saya telah pilih sebagai satu hal untuk menebus kembali kesalahan yang dilakukan oleh datuk-moyang kita dan untuk membebaskan Malaya yang lain daripada pemerintahan British.

Tun Mustapha telah menyebut bahawa pergerakan-pergerakan politik dan pandangannya adalah agaknya dipengaruhi oleh saya. Saya harus katakan di sini, apa yang saya selalu telah katakan kepadanya. “Tun, setiap kali Tun datang kepada saya meminta nasihat, saya berasa begitu bangga tetapi setiap kali Tun meninggalkan saya, saya berasa kecewa dan gagal.” “Mengapa?” beliau bertanya. Saya menjawab, “Saya berasa bangga kerana Tun fikirkan saya penting dan bijak hingga datang kepada saya meminta nasihat saya berasa kecewa bila Tun meninggalkan saya kerana saya mengetahui benar-benar bahawa Tun tidak akan mengikut nasihat saya. Sebenarnya, saya mempunyai banyak masa lapang bagi Tun kerana Tun adalah seorang kawan yang jujur dan taat kepada saya tetapi Tun akan mengikut kecenderungan Tun sendiri.

Saya tidak akan melupakan satu masa bila saya pertama kali pergi ke Jeddah sebagai Ketua Setiausaha Pejabat Setiausaha Islam. Saya tidak mempunyai wang langsung kerana Pejabat Setiausaha itu tidak mempunyai wang untuk membayar gaji saya selama setahun. Dengan tiba-tiba saya mendapati seorang yang baik hati telah membayar ke dalam akaun saya lima ribu paun. Bila saya bertanya siapa orangnya, bank itu tidak mahu menyatakan nama orang itu. Tidak lama kemudian rahsia itu telah terkeluar. Orang itu ialah Tun Mustapha yang telah membantu saya dalam masa hidup saya yang amat genting.

Selepas USNO ditubuhkan, Donald Stephens (Haji Ahmad Fuad), Pemimpin UNKO telah masuk bersekutu dan juga Parti Cina, BUNOP. Setelah parti-parti politik di Sabah bersetuju untuk masuk dalam Malaysia mereka telah menyatukan diri mereka ke dalam satu Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Malaysia. Jawatankuasa ini telah menjalankan banyak kerja untuk mempopularkan rencana Malaysia. Mereka telah mengadakan beberapa perjumpaan di Kota Kinabalu, di Kuching dan di Kuala Lumpur dan akhirnya dalam bulan Februari 1962 di Singapura.

Rencana Malaysia telah mereka perbincangkan betul-betul dan mereka telah membuat penjelasan bahawa pembentukan Malaysia telah dipersetujui oleh penduduk-penduduk negeri-negeri Singapura, Sabah dan Sarawak dengan kerelaan mereka dan tidak disak.


Kerajaan British kemudian telah melantik Suruhanjaya Cobbold untuk menentukan hasrat penduduk-penduduk membuat persediaan bagi kemerdekaan. Setelah dipersetujui membentuk Malaysia satu lagi jawatankuasa telah dibentuk di bawah naungan Sir William Goode, Gabenor British Sabah, yang menentang pendapat-pendapat Suruhanjaya Cobbold. Jawatankuasa

Kerajaan ini di bawah Lord Lansdowne, Menteri Negara bagi Hal Ehwal Jajahan, sebagai Pengurus dan Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Pengurus, telah dibentuk. Pendapat-pendapat Jawatankuasa itu adalah menyokong Sabah masuk bersatu dalam Malaysia.

Lepas itu tiba lah masa yang amat merbahaya dalam sejarah Malaysia, penentangan dari Presiden Sukarno bergabung dengan Presiden Macapagal Filipina, yang telah bersatu menentang pembentukan Malaysia dan ini membawa kepada Bangsa-bangsa Bersatu menghantar satu pasukan ke Sabah untuk menentukan bagi pihak mereka akan hasrat penduduk-penduduk di situ. Akhirnya, Presiden Sukarno telah membuat keputusan untuk menjalankan tindakan-tindakan perang terhadap Malaysia di bawah nama konfrantasi untuk menghancurkan Malaysia dan Filipina telah memutuskan perhubungan diplomatik dengan Malaysia.

Semua peristiwa-peristiwa ini adalah dicatatkan oleh Tun Mustapha dalam buku ini dan dengan tambahan-tambahan, pendapat-pendapat Suruhanjaya Cobbbold, Jawatankuasa Lansdowne, kehendak dua puluh perkara oleh Jawatankuasa Perpaduan dan beberapa lagi peristiwa-peristiwa bersejarah, buku ini akan menjadi satu catatan yang terbaik mengenai sejarah Sabah masuk bersatu ke dalam Malaysia.

TUNKU ABDUL RAHMAN AL-HAJ



## BAB PERTAMA

### MERDEKA MELALUI MALAYSIA

PAYAH benar hendak lelap pada malam 29 Mei 1961 itu. Beberapa kali saya berpusing ke kanan dan ke kiri, meskipun sekian lama mata dipejamkan namun tertidur tidak juga. Kepala saya memikir-mikirkan tentang bagaimana rasanya saya dapat hidup dalam tanahair saya yang merdeka.

Siang tadinya saya membaca berita dari akhbar tentang Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang sangat dikasihi oleh rakyatnya itu mencadangkan harapannya agar dibentuk sebuah negara Malaysia yang menggabungkan Singapura, Borneo Utara (Sabah), Brunei, Sarawak dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Tunku membuat cadangan itu dalam jamuan di perjumpaan Wartawan-wartawan Asia di Singapura dua hari sebelum itu iaitu pada 27 Mei, 1961. Sebagai seorang yang sibuk dengan perniagaan saya lambat mendapat tahu tentang berita itu. Saya tidak sempat mendengarnya

melalui radio dan ia hanya saya ketahui buat pertama kalinya bila membaca akbar di rumah saya di Kudat dua hari kemudian.

Bagi saya tidak ada lagi berita yang paling menggembirakan selain dari berita besar itu. Tidak dapat saya hendak membayangkan kegembiraan itu. Saya tidak teragak-agak lagi untuk menyokongnya. Pada saya, yang saya ingatkan ialah hendak memerdekakan Sabah. Semalam-malaman itu saya membayangkan betapa bahagianya rakyat Sabah nanti bila boleh mencapai kemerdekaan dan cara yang terbuka ialah melalui cadangan Tunku itu.

Saya mempunyai sebab-sebab tersendiri mengapa saya sangat gembira dengan perkara itu. Saya seolah-olah tidak percaya pada mulanya cadangan itu boleh datang dari mulut Tunku Abdul Rahman yang sudah pun saya kenal ketika itu. Saya tidaklah rapat dengannya, tetapi tiga tahun sebelumnya, tahun 1958 ketika saya temui beliau di Kuala Lumpur dalam Persidangan ECAFE. Perkara mencantumkan Sabah dengan Tanah Melayu itu sudah saya usulkan kepadanya dalam pertemuan itu.

Saya masih ingat lagi ketika itu Tunku yang sudah menjadi Perdana Menteri itu sangat senang diajak berbual. Saya sendiri kadang-kadang menggunakan perkataan 'saya' dan kadang-kadang 'berpatik' ketika berbual dengannya masa itu. Maklumlah Sabah dan masyarakat yang tidak beraja itu tidak pernah menggunakan bahasa istana. Walaupun saya tahu cara bercakap dengan orang-orang bertaraf raja, tetapi kerana jarang sekali menggunakan, maka bercelaru juga bila hendak berbahasa demikian sekali-sekala. Sekarang saya tidak kekok lagi bertutur dengan mereka dalam bahasa istana. Tunku saya kira dari saat itu sudah dapat mengenali saya dan beliau tentu boleh memaafkan saya dan bahasa saya dalam pertemuan pertama dengannya itu.

Dalam perbualan tidak rasmi itu saya mengajukan kepadanya supaya Sabah yang ketika itu dikenali sebagai Borneo Utara dimasukkan saja sebagai satu unit dalam Persekutuan Tanah Melayu. Saya memikirkan inilah satu cara yang baik bagi membolehkan wilayah jajahan British itu merdeka dan ia boleh selamat.

Tunku yang sangat suka bergurau itu dengan bahasa loghat Kedah memberitahu saya bagaimana dia hendak memasukkan Borneo Utara ke dalam negaranya sedang ia baru saja setahun mencapai kemerdekaan. Pemimpin-pemimpin Tanah Melayu perlu memikirkan dulu bagaimana hendak mengisi kemerdekaan yang baru setahun jagung itu. Tetapi satu perkara yang sangat sukar saya hendak melupakan Tunku ialah kesediaannya untuk mendengarkan rayuan orang seperti saya. Walaupun beliau sibuk dan mempunyai banyak masalah untuk membangunkan negaranya, beliau dapat juga membuat janji untuk memikirkan cadangan saya tadi dari semasa ke semasa.

Ketika saya bertemu dengan Tunku itu saya belum lagi menjadi orang politik. Keadaan di Sabah ketika itu tidak mendorongkan sesiapa untuk berpolitik. Orang-orang yang berpelajaran tinggi yang mengerti soal politik tidak ada terutama di kalangan Bumiputera. Saya yang menyertai sidang ECAFE itu adalah sebagai wakil kerajaan kerana saya masa itu menjadi anggota Dewan Perundangan dan EXCO Negeri Borneo Utara. Saya diangkat oleh British duduk dalam dewan itu.

Dan bila saya membaca berita Tunku mencadangkan pembentukan Malaysia itu, bagi saya inilah saya peluang yang sangat baik bagi Sabah dan rakyatnya untuk melepaskan diri dari belenggu penjajahan British. Kalau ini tidak disambut maka belumlah dapat dipastikan apakah nasib Sabah dan rakyatnya bila British terpaksa meninggalkan kawasan itu.

Siapakah yang tidak gembira mendengar perkara itu bila hal itu kita sendiri pernah menyuarakannya satu masa

dulu. Dan itulah sebabnya maka saya tidak boleh tidur memikirkannya dan mahu sangat menjadikan diri saya ini sebagai orang yang merdeka dan sama gagah dengan lain-lain bangsa dan bebas di dunia ini.

Bagaimanapun reaksi awal dari orang-orang Sabah terhadap gagasan anjuran Tunku tidak begitu menggalakkan. Dua orang pemimpin kaum yang agak terkemuka Donald Stephens yang sangat popular di kalangan kaum Kadazan ketika itu dan Kwan Yui Ming, pemimpin kaum Cina menyatakan tentang mereka yang sangat lantang.

Untung juga ketika itu di Sabah belum ada lagi parti-parti politik. Yang ada ialah persatuan-persatuan yang tidak bercorak politik. Dengan itu tentang itu tidaklah dapat dikira sebagai tentang orang ramai di wilayah itu. Bagaimanapun Donald Stephens adalah ketua kepada sebuah pertubuhan bukan politik yang bernama United National Kadazan Organization (UNKO). Demi menghadapi perkembangan itu dia segera menukar pertubuhan itu menjadi sebuah parti politik.

Saya pada mulanya walaupun tertarik dengan politik tetapi saya merasakan saya tidak berupaya untuk melibatkan diri sebagai seorang yang sangat aktif atau memimpinnya. Pertama kerana saya tidak banyak pengalaman, kedua kelulusan saya rendah. Tetapi saya berdepan dengan masalah bahawa sebuah parti politik untuk menyatukan semua kaum di Sabah perlu ditubuhkan bagi membolehkan cadangan Tunku tadi dijadikan kenyataan. Saya mempunyai ramai kawan-kawan, tetapi tidak ada di antara yang saya kenali itu sanggup untuk memulakan satu gerakan politik.

**S**ABAH adalah sebuah wilayah yang mempunyai penduduk dari berbagai kaum. Kaum yang terbesar ialah Kadazan. Kemudian terdapat orang Melayu, Murut, Bajau dan lain-lain kaum Bumiputera. Selain dari itu

saya dapati mereka adalah menganut berbagai agama - Islam, Kristian dan yang tak beragama. Pada keseluruhan-nya kaum Bumiputera ini adalah ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum Cina dalam bidang pelajaran dan perekonomian. Saya merasakan kiranya kaum Bumiputera yang berbagai suku ini tidak menganut satu parti politik, maka mereka tidak mungkin boleh hidup dan berlumba bersama dengan kaum Cina yang lebih dalam dalam bidang pelajaran dan perekonomian tadi.

Di sinilah saya dan rakan-rakan saya Datuk Ahmad Mahmud, Haji Abdul Ghani, Haji Mustafa, Allahyarham Haji Awang Damit, Haji Salleh Ebourwin, Datu Jamalul, Haji Imam Jailani, Said Keruak, Habil Abdul Rahman, Allahyarhamah Rijah, isteri kepada Othman Yusuf memikirkan apakah munasabah ditubuhkan sebuah parti politik untuk orang-orang yang beragama Islam saja seperti yang terdapat pada UMNO di Semenanjung. Cara yang mudah ketika itu bagi kami yang tidak punya pengalaman ini ialah menubuhkan parti politik untuk orang Melayu dan yang beragama Islam saja. Tetapi kiranya ini yang kami laksanakan, maka lain-lain suku akan mengadakan partinya sendiri. Kalau sesudah itu baru hendak diadakan Perikatan, gabungan antara semua parti - Bumiputera dan bukan Bumiputera - maka nantinya terdapat beberapa banyak parti, yang akhirnya lebih menyulitkan usaha menyatukan seluruh tenaga rakyat untuk menyokong pembentukan Malaysia itu.

Sesudah difikirkan buruk baiknya serta lain-lain aspek, maka kami bersetuju yang parti bakal ditubuhkan itu ialah meliputi semua suku Bumiputera di seluruh Sabah termasuk Kadazan, Dusun dan sebagainya dan tidak mengira apa agama yang dianuti. Walaupun persetujuan sudah ada, tetapi soal pimpinan tetap juga menjadi suatu hal yang sangat menyulitkan bagi diri saya.

Saya tahu benar akan diri saya ketika itu. Saya tidak mempunyai pelajaran yang tinggi yang selayaknya untuk

memimpin sebuah parti. Dan kedua, saya merasakan seorang yang hendak memimpin parti politik haruslah mempunyai wang yang cukup banyak. Saya tidak mempunyai wang yang banyak untuk memimpin parti politik tadi. Inilah yang sangat menggentarkan saya. Rakan-rakan saya yang mengenali saya di seluruh Sabah ketika itu menyerahkan bulat-bulat soal pembentukan parti dan kemudian memimpinnya kepada saya sendiri. Terserahlah kepada saya untuk memikirkannya bagaimana parti politik ini hendak dilaksanakan dan di mana ia hendak dilancarkan.

Oleh kerana perhubungan yang agak sulit antara satu kawasan dengan satu kawasan, jalan raya tidak begitu baik, jarak antara satu kota dengan kota yang lain juga jauh, maka saya menumpukan segala usaha pembentukan parti itu di Kudat saja. USNO, kependekan dari United Sabah National Organization yang berdasarkan kepada semangat UMNO, United Malay National Organizations di Semenanjung telah dipilih untuk menjadi nama kepada parti yang ditaja untuk menyatukan Sabah dengan Tanah Melayu.

Saya memilih Kudat kerana hendak memudahkan kerja penubuhan itu. Selain dari Kudat itu kampung halaman saya, Kudat adalah kota bersejarah yang menjadi pusat segala kemajuan bagi Sabah sebelum kedatangan Inggeris. Malah di Kudatlah tempat Inggeris mula bertapak dan dari sinilah mereka memulakan penjajahannya di Sabah. Kiranya USNO juga dimulakan di Kudat, secara simbolik, kena benarlah langkah untuk mengambil semula kekuasaan politik itu dari tangan penjajah yang bermula dari tempat yang sama.

Ketika British datang buat pertama kali di situ Kudat dipenuhi belukar. Kawasan itu dulunya adalah meliputi kawasan Limau-Limauan. Datuk saya sebelah emak saya iaitu Maharaja Untung Haji Abdul Rahim adalah orang yang berkuasa pada ketika itu. British datang

membuat perjanjian dengannya bagi membenarkan Inggeris membuka Kudat. Bagaimanapun tidak semua orang bersetuju dengan perjanjian itu terutama Mat Salleh, datuk saudara saya sebelah bapak. Dia dengan kumpulannya telah melancarkan serangan mengejut ke atas British yang sedang membuka Kudat itu. Serangan mengejut inilah yang menukar nama Limau-Limauan kepada Kudat. Kudat itu berasal dari bahasa Bannaran yang bererti 'terperanjat.' Nama itu diambil dari suasana terkejut akibat serangan kumpulan Datu Mohd. Salleh itu.

Saya teringat kepada ucapan Tunku Abdul Rahman Putra ketika Tanah Melayu hendak mencapai kemerdekaan tahun 1957 dulu. Tunku ada berkata, "Kalau dulu datuk saya menjualkan Pulau Pinang dan Seberang Prai kepada British, maka sekarang biarlah saya sebagai cucunya menebus kembali bukan saja Pulau Pinang dan Seberang Prai, bahkan seluruh Tanah Melayu." Saya kira Tunku telah melakukan sesuatu yang betul untuk menebus kesilapan yang telah dibuat oleh datuk neneknya.

Semangat yang serupa nampaknya menjelma kepada saya. Kalau datuk saya sendiri yang menyetujui perjanjian membenarkan Inggeris membuka Kudat, dan kemudiannya inilah yang memuncakkan terjahanya seluruh Sabah, maka saya kira, adalah juga menjadi kewajipan saya sebagai cucunya untuk menebus kembali kehilangan itu. Saya juga berazam untuk menebus bukan sekadar Kudat, bahkan seluruh Sabah. Inilah yang menguatkan lagi azam saya untuk bergerak dalam politik.

Oleh kerana orang-orang Kudat boleh dikatakan kebanyakannya berkeluarga dengan saya, maka tidak sukar saya mendapatkan bantuan bagi memulakan kerja-kerja USNO. Lagipun kedudukan saya ketika itu bolehlah dikatakan terkemuka juga disebabkan saya adalah seorang yang telah dipilih oleh British duduk sebagai anggota Dewan Undangan Negeri yang sama kedudukan

dengan wakil rakyat sekarang dan juga EXCO yang sama kedudukan dengan EXCO di negeri-negeri sekarang.

Semasa kerajaan British itu saya sendiri sudah diberi menikmati kekayaan bumi Sabah. Saya menjalankan perniagaan sebagai pemberong. British telah memberi saya kawasan kayu balak. Walaupun saya diberikan keistimewaan, tetapi saya tahu British telah memberikan lebih banyak kemudahan kepada saudagar-saudagar asing sehingga mereka boleh menjadi kaya raya sedang rakyat Sabah sendiri seluruhnya menderita. Bolehlah dikatakan ketika itu saya adalah dari kalangan Bumiputera yang pertama diberikan kawasan kayu balak. Saya tahu juga Donald Stephens juga kemudiannya diberikan kayu tetapi tidaklah sebanyak mana.

Ketika saya memulakan gerakan USNO itu pendapatan saya kira-kira \$80 ribu sebulan. Dengan wang inilah saya gunakan untuk perjuangan itu. Wang sebanyak itu hendak dibawa ke mana bagi keadaan seperti Sabah. USNO tidak punya wang dari sumber lain. Oleh itu ahli-ahlinyaalah yang mengeluarkan wang dari saku sendiri. Pada ketika itu setiap orang yang menjadi ahli sanggup berkorban wang ringgit. Mereka sendiri saya tahu tidak punya wang, tetapi mereka telah sanggup memberikan wang yang ada dan apa juga yang ada pada mereka.

Sakit sungguh keadaan ketika USNO mula ditegakkan dulu. Dan keadaan itu kiranya dibandingkan dengan USNO sekarang, jauhlah sekarang lebih senang. Walaupun saya tahu adanya tekanan dari pihak tertentu. Dan kalau diperhatikan USNO sekarang ternyata sebahagian dari ahli-ahlinya terlalu manja dan terlalu memboros kepada wang dan apa yang boleh didapat dari USNO. Orang-orang yang saya sebutkan namanya tadi, tidak pernah memikirkan wang dan harta yang akan mereka dapati dari memasuki USNO, tetapi yang pentingnya ialah seluruh rakyat Sabah mesti disatukan bagi membolehkan Sabah merdeka melalui Malaysia.

Menubuhkan USNO dan menggerakkannya bukanlah satu usaha yang senang. Lain-lain ancaman, termasuk ancaman nyawa juga datang dan terpaksa dihadapi. Banyak sekali pujuhan dan ugutan yang terpaksa saya tempuh. Saya masih ingat betapa sahabat karib saya Haji Abdul Ghani menangis-nangis datang kepada saya: katanya dia ada mendengar saya akan ditahan oleh British dan saya akan dicampakkan ke dalam jel. Seorang taukeh Junior Kwan dari Sandakan datang bersama Residen Keith Wookey datang menawarkan wang \$1.5 juta meminta saya supaya jangan mencampuri politik. Seorang lagi taukeh Sabah bernama Chung Chao Long juga ikut menemui saya dan menawarkan satu juta kiranya saya sedia meninggalkan USNO.

Saya ikut menerima banyak amaran dari kalangan bukan Islam yang antaranya mengugut keselamatan jiwa. Tetapi segalanya ini tidak saya endahkan. Bagaimanapun saya tidak dapat melupakan betapa setianya seorang anak keturunan Bugis bernama Abdul Kadir Labah yang sentiasa mengawal keselamatan saya ke mana juga saya pergi.

Saya dapat memahami mengapa orang-orang Cina begitu bimbang dengan penubuhan Malaysia itu dan saya juga mengerti mengapa Bumiputra yang bukan Islam ikut mencurigai saya ketika itu. Orang-orang Cina adalah golongan yang mendapat layanan istimewa dalam pemerintahan British. Selain dari mereka diberi peluang berniaga dan membuat kekayaan, mereka juga diberi peluang untuk menduduki Legco (Majlis Perundangan) dan EXCO. Mereka juga ikut menakut-nakutkan Bumiputra bukan Islam terhadap pembentukan Malaysia itu. Bagi mereka, keadaan yang ada itu adalah sudah baik, dan masa yang hendak datang itu belumlah memberikan apa-apa jaminan tentang keselamatan mereka. Mereka bimbang bahawa nasib mereka tidak terjamin kiranya British tidak lagi ada di Sabah.

Padri-padri ikut menyebarkan dakyah kononnya Sabah menyertai Malaysia agama Islam akan dipaksakan ke atas mereka. Orang-orang Melayu akan menjadi rakyat kelas satu, manakala yang lainnya akan menjadi rakyat kelas dua dan kelas tiga. USNO nanti akan menegakkan keunggulan orang Melayu di atas penderitaan orang lain. Dan USNO akan dibantu oleh UMNO di Tanah Melayu untuk menjalankan semua tindak-tanduknya. Segala dakyah ini dibantu sama oleh pegawai-pegawai British. British juga menggunakan kakitangan kerajaan untuk menentang Malaysia.

Saya sendiri memang mengaku yang saya tertarik dengan perjuangan UMNO. Sejak tahun 1953 lagi saya sudah mengikuti perjuangan UMNO dari dekat. Ketika itu saya menuntut di Maktab Pertanian Serdang. Tan Sri Ong Kee Hui terdahulu dari saya menuntut di Maktab Serdang. Ketika itu juga saya ada bertemu dua kali di maktab itu sekali di rumah kediamannya minum teh dengan Allahyarham Datuk Sir Onn bin Jaafar yang mulai memimpin Parti Negara. Pertemuan itu adalah perantaraan seorang guru maktab itu Cikgu Rashid Ahmad yang sangat karib dengan Datuk Onn ketika itu. Datuk Onn ada bertanya apakah saya tidak tertarik dengan politik Semenanjung ketika itu. "Saya tidak berani ikut campur, kerana saya adalah rakyat Borneo Utara," itu penjelasan saya. Datuk Onn sesungguhnya sangat senang berbual dengan orang-orang yang bawah-bawahan. Saya masih terasa akan kemesraannya dalam pertemuan yang ketiga kali itu.

Tetapi ketika itu perjuangan UMNO dalam mencapai kemerdekaan sungguh menarik perhatian saya. Saya ikuti setiap perkembangan dan perjuangannya juga saya perhatikan dari dekat. Saya hampir menyertainya. Bagaimanapun saya dinasihatkan oleh kawan-kawan yang rapat bahawa adalah tidak bijak bagi seorang yang ada kedudukan dalam sebuah wilayah yang terjajah untuk mencampuri urusan politik dalam negeri lain. Kawan-

kawan itu menasihatkan kalau pun saya tertarik dengan politik UMNO maka tugas saya bukanlah dalam UMNO, saya harus balik ke Sabah dan memperjuangkan nasib orang Sabah dulu. Dengan itu betapa pun kuatnya kecenderungan saya untuk mencampuri UMNO, maka ia terpaksa saya lupakan saja.

**W**ALAUPUN saya sangat tertarik dan sangat mengagumi perjuangan UMNO, tetapi saya tidak berhajat untuk menjadikan USNO itu sebahagian dari UMNO ketika USNO ditubuhkan.

Seperti yang saya sering sebutkan bahawa saya memahami keadaan di Semenanjung bahawa orang-orang Melayu adalah keseluruhannya beragama Islam, sedang peribumi Sabah pula menganuti berbagai-bagai agama. USNO tidak dapat mewajibkan yang ahlinya harus terdiri dari orang Islam saja seperti yang dilakukan oleh UMNO. Tetapi memang diakui ketika ditubuhkan, memang USNO mendapat sokongan rata-rata dari orang Islam saja. Orang-orang bukan Islam yang ikut mengasaskan USNO cuma orang kaya-kaya India yang kemudiannya memakai nama Hamdan bila memeluk agama Islam. Dia kemudian ditunjuk oleh Yang Dipertuan Agung untuk menjadi Yang Dipertua Negara dan dikenali Tun Hamdan. Ketika USNO diasaskan Allahyarham itu tidak beragama. Seorang lagi ialah Datuk Haji Abdul Malik Jangkat. Ketika itu dia adalah seorang Kristian bernama Ganing Jangkat.

USNO dilancarkan pada bulan Disember 1961 - enam bulan selepas Tunku menganjurkan pembentukan Malaysia itu. Ketika itu UNKO yang dipimpin oleh Donald Stephens sudah menjadi parti politik. Ada orang mengatakan saya mahu menyaingi Donald, tetapi saya tidak hiraukan segala-galanya kerana saya mahu memastikan yang projek Malaysia mesti mendapat sokongan dari rakyat Sabah.

Donald ketika itu belum lagi memperlihatkan kesungguhan-nya untuk menyokong Malaysia. Dari awal lagi dia sudah pun menyatakan tentangannya.

Saya tidak dapat menerima UNKO dari mula, pertama kerana ia tidak cepat-cepat menyatakan sokongan kepada Malaysia, dan kedua UNKO cuma untuk orang-orang Kadazan. Bagaimana dengan lain-lain suku kaum.

USNO saya tubuhkan guna menyatukan semua kaum peribumi Sabah yang beragama Islam dan yang bukan Islam. Kemudian dua kumpulan yang terbesar di kalangan Bumiputera ini hendaklah bergabung pula parti kaum Cina, satu lagi kumpulan yang terbesar juga di Sabah. Inilah kira-kira cara yang sudah berjaya di Semenanjung dan cara inilah yang boleh dicontohi bagi Sabah. Saya sangat tertarik dengan cara Tunku Abdul Rahman membawa kerjasama antara UMNO, MIC dan MCA. Bagi Semenanjung ia menyatukan kaum dari segi orang Melayu, Cina dan India, tetapi dari aspek Sabah ia menyatukan Bumiputera dan Cina. USNO mengambil moto 3B sebagai perjuangannya iaitu Bersatu, Bercita dan Berkhidmat.

Untuk membangunkan USNO kami memerlukan sokongan semua pihak. Oleh kerana orang-orang yang ada pelajaran tinggi terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, maka USNO sangat mengharapkan sokongan dan bantuan mereka. Malangnya pegawai-pegawai kerajaan ini ramai menerima amaran. Malah pegawai-pegawai dalam swasta juga ikut diberi amaran oleh majikan masing-masing. Bukanlah suatu yang mudah pula bagi pegawai-pegawai yang mempunyai kedudukan untuk meninggalkan jawatan bagi memimpin USNO. Oleh itu USNO terdedah kepada pimpinan orang-orang yang bebas saja. Bagaimanapun secara sembunyi-sembunyi pegawai-pegawai ini memberikan sokongan dari belakang.

Tugas menubuhkan USNO sudah dikira selesai. Saya memang dari mula lagi sudah menyatakan bahawa saya tidak berhajat untuk terus memimpin USNO. Saya mahu

USNO wujud dan sesudah ditubuhkan biarlah ia dipimpin oleh lain-lain orang yang lebih berkelayakan. Saya sendiri tidak punya ilmu, tidak punya pengetahuan dan tidak punya pengalaman. Saya nyatakan hasrat saya ini kepada kawan-kawan saya, malah dalam perjalanan saya yang sering keluar negeri saya sentiasa juga meminta nasihat dari Tunku Abdul Rahman Putra dan Ghazali Shafie, seorang pegawai tinggi di Kementerian Hal Ehwal Luar Persekutuan Tanah Melayu ketika itu, termasuklah Zainal Abidin Sulong. Kemudian pula bergelar Datuk dan menjadi Duta Besar. Kemudian beliau bergelar Tan Sri dan menjadi Menteri Kerajaan Pusat Malaysia.

Saya menghormati fikiran mereka itu. Saya kemukakan nama-nama Said Keruak dan Zakaria Gunn untuk menjadi pemimpin USNO. Tujuan saya menyerahkan pimpinan itu kepada orang lain bukanlah kerana hendak melarikan diri dari tanggungjawab, tetapi adalah untuk memastikan parti yang baru ditubuhkan itu akan mendapat kejayaan.

Tunku memahami maksud saya, tetapi Tunku meminta saya memikirkan lagi perkara itu. Dia seboleh-bolehnya mahu saya terus memimpin USNO kerana katanya: "Datulah orang yang paling sesuai untuk memimpin USNO."

Kawan-kawan saya seperti Said Keruak dan Ahmad Mahmud juga mempunyai pendapat yang sama dengan Tunku dan Ghazali Shafie. Lagi pun lain-lain nama yang saya kemukakan antaranya adalah pegawai kerajaan dan mereka dalam saat seperti itu agak ragu-ragu untuk meninggalkan jawatan dalam kerajaan. USNO sendiri pula merasakan memang ada baiknya kalau kita mempunyai orang-orang dalam badan-badan kerajaan supaya mereka boleh membantu secara yang dimampukan. Akhirnya saya membuat keputusan untuk terus memimpin USNO dan Tunku serta kawan-kawan saya telah menunjukkan kepercayaan mereka yang besar kepada saya dan saya

tidak patut menghamparkan harapan mereka. Dan saya sendiri pun agak terpesona dengan sokongan yang diberikan oleh penyokong-penyokong USNO yang sanggup berkorban wang ringgit untuk membangunkannya.

**S**ABAH bukanlah kali ini baru dilanda angin politik dan kemerdekaan. Sebelum rancangan pembentukan Malaysia kawasan Brunei sudah sepenuhnya dikuasai oleh politik Partai Rakyat Shikh Azahari. Kebanyakan penduduk Brunei adalah menyokong parti politik yang pertama yang ditubuhkan di negeri itu. Pengaruh Parti Rakyat ini menjalar juga ke Sabah dan Sarawak. Tetapi saya tahu Partai Rakyat itu tidak mendapat sambutan di Sabah dan saya sendiri menyedarkan bahawa British tidak bersedia untuk memberikan kemerdekaan melalui perjuangan yang hendak dilaksanakan oleh Azahari itu.

Shikh Azahari berjuang untuk mencantumkan tiga wilayah di Brunei, Sabah dan Sarawak. Walaupun dia menyarankan untuk mencantumkan ketiga-tiga wilayah itu dan kemudian baru memikirkan untuk menyertai Malaysia, tetapi saya percaya dan British juga percaya bahawa perjuangannya adalah lebih banyak untuk bercantum dengan Indonesia dari bercantum dengan Malaysia.

Saya tidak bersetuju untuk mencantumkan Sabah dengan Indonesia kerana saya tahu ini tidak akan disetujui oleh British. Bukanlah saya tunduk kepada kehendak British, tetapi keadaan-keadaan yang ada tidak menunjukkan yang rakyat Sabah berkemampuan untuk menghadapi dan bertentangan dengan British. Kaum Bumiputera terutama Melayu yang beragama Islam tidak begitu tertarik untuk bercantum dengan Indonesia kerana hubungan rapat mereka dengan orang-orang Melayu di Semenanjung. Selain dari sistem yang dikembangkan oleh British di Semenanjung dan Sabah adalah sama, orang-orang Islam

Sabah adalah kuat berpegang kepada agama, dan mereka tidak tertarik dengan pegangan agama yang agak longgar yang dianjurkan oleh Pancasila Indonesia itu. Oleh keadaan-keadaan ini Partai Rakyat tidak mendapat sokongan dari rakyat Sabah. Pengaruhnya ada tetapi dari kalangan suku Jawa yang sememangnya terpengaruh dengan Sukarno. Oleh itu USNO kurang mendapat perhatian dari orang-orang yang berketurunan Indonesia. Bagaimanapun pengaruh Partai Rakyat tadi hancur terus apabila Shikh Azahari melancarkan pemberontakan di Brunei dalam tahun 1962.

Dengan perkembangan itu menguatkan lagi bahawa jalan-jalan yang saya ambil untuk membawa Sabah bersama dengan Tanah Melayu adalah lebih betul dan saya memperkuat setiap benteng perjuangan USNO. Azam saya untuk mencapai kemerdekaan melalui Malaysia bertambah kuat.

Pemberontakan Brunei itu sesungguhnya sangat mendukacitakan saya. Ia sangat menyulitkan hubungan Sabah dengan jiran-jirannya kemudian hari. Sabah muah kemerdekaannya dikongsi kegembiraan oleh jiran seperti Indonesia dan Filipina. Tetapi sekarang ternyata bahawa saya tidak dapat menyetujui pemberontakan itu. Sebaliknya Indonesia dan Filipina pula adalah menyokong pemberontakan itu. Nampaknya Sabah tidak lagi dapat mengelakkan diri dari menjadi persoalan antarabangsa dan walaupun kami tidak ada kena mengena dengan perkembangan itu, sudah tidak dapat dielakkan lagi Sabah sudah terseret dalam bara krisis bernama konfrantasi.

Dengan perkembangan itu menguatkan lagi keyakinan saya bahawa jalan yang ditempuhi oleh Sabah untuk mencapai kemerdekaan melalui Malaysia adalah betul, dan walaupun apa berlaku, tidak ada jalan untuk berpatah ke belakang. Sabah sudah berada dalam kancah dan rebutan negara-negara lain. Dan kalau Sabah tidak memilih untuk meneruskan perjuangannya hidup bersama Malaysia,

maka nantinya kemerdekaannya belum dapat dijamin, kerana Filipina dan Indonesia sudah pun melibatkan diri dalam pergolakan itu. Saya berazam lebih kuat supaya USNO mesti berusaha keras hingga Sabah dapat juga menyertai projek Malaysia bersama Tanah Melayu dan lain-lainnya.

**A**PA yang sangat menyenangkan saya dan USNO ialah pada ketika USNO dibentuk dalam bulan Disember 1961 itu, Donald Stephens dan partinya UNKO mulai mengubah sikap. Dia mulai memperlihatkan kecenderungan untuk menyokong Malaysia. Saya tidak pasti apa yang mendorongkannya berbuat demikian. Tetapi ada tandanya bahawa perubahan sikap itu setelah Donald Stephens berkenal dengan pemimpin-pemimpin dari Singapura terutama Lee Kuan Yew.

Perubahan sikap Donald dan UNKOnya itu memudahkan lagi usaha USNO. Tetapi perkembangan itu tidak boleh mengurangkan pula perjuangan USNO yang mulai mendapat tempat itu. Ada pihak yang menganjurkan supaya saya terus bersama dengan Donald dalam UNKO. Tetapi saya yang sudah kenal dengannya belum ada pengalaman bekerjasama dengannya dalam perkara sebesar itu. UNKO di bawah Donald adalah sebuah parti untuk orang Kadazan. Walaupun Donald berusaha meminta orang-orang Murut dan Dusun menganggap diri mereka sebagai Kadazan, tetapi beliau tidak begitu berjaya. Donald cuma mahu menyatukan Bumiputera yang beragama Kristian, sedang USNO pula adalah untuk menyatukan Bumiputera dari semua kumpulan. Oleh itu walaupun ada syor supaya USNO dan UNKO bersatu, masanya belum lagi tiba, tetapi pada ketika itu saya sedia bekerjasama dengannya kerana mereka mulai menyetujui pembentukan Malaysia.

Donald Stephens sangat ghairah pula untuk memperjuangkan Malaysia pada peringkat ini. Ada cadangan agar dibentuk satu badan perunding setiakawan rakyat Malaysia. Fikiran itu datangnya dari Tunku. Tetapi untuk menguatkan sokongan Donald Stephens dalam gagasan Malaysia itu, maka adalah baik dapat dia memainkan peranan utama menyuarakan dan menganjurkannya. Donald sesungguhnya sangat berjaya menganjurkan penubuhan Jawatankuasa Perunding Setiakawan Malaysia (Malaysian Solidarity Consultative Committee). Jawatankuasa ini memberi peluang setiap negeri yang terlibat dalam rancangan itu membincangkan tentang pembentukan Malaysia. Saya tidak teragak-agak langsung untuk menyokong Donald dalam usaha itu asal saja ia bertujuan untuk melicinkan pembentukan Malaysia. Jawatankuasa ini mengadakan sidangnya empat kali secara bergilir-gilir dari Jesselton (nama Kota Kinabalu sebelum merdeka,) Kuching, Kuala Lumpur dan akhir sekali di Singapura dalam bulan Februari 1962. Donald Stephens dipilih untuk mempengerusikan sidang jawatankuasa itu tiap-tiap kali.

Saya hadir setiap kali dalam sidang itu sebagai Ketua Perwakilan Sabah. Lain-lain anggota ialah Khoo Siak Chew dan Phang Tset Tsung. Chung Choo Loong mengundurkan diri dari jawatankuasa itu selepas sidangnya yang pertama dan ini tidak menghairankan kerana pihak ahli perniagaan Cina Sabah memang dari awal lagi menentang Malaysia.

Pembentukan Malaysia bagi saya sudah bertambah terbuka bila peranan penting mulai dimainkan oleh Donald Stephens. Saya sentiasa merasakan Donaldlah orang yang punya agak besar pengaruh dalam menjaya atau menggagalkan penyertaan Sabah nanti. Tetapi kalau Donald Stephens sudah menjadi seorang dari orang yang bekerja keras untuk menjayakan rancangan itu maka tidak lagi banyak halangan yang dihadapi oleh Sabah. Bagaimanapun saya tahu bahawa masih ada lagi golongan yang tidak bersetuju dengan projek yang ditentang sama

oleh British itu. United Parti (UP) parti taukeh-taukeh balak dan Pasok Momogon (United National Pasok Momogon Party) yang dipimpin oleh Datuk Sundang Gunsanad adalah secara terang-terang menyatakan tentangannya terhadap penyertaan Sabah itu. Antara alasannya ialah kerana ini adalah satu bentuk imperialisme baru oleh golongan orang-orang Melayu ke atas Sabah.

Tentangan mereka meskipun lantang, tetapi tidak begitu menakutkan kerana pengaruhnya sudah tidak begitu besar kalau USNO dan UNKO sudah bekerjasama. Sikap dari dua buah parti ini sudah menjadikan ia suara majoriti rakyat Sabah.

**S**EBELUM Malaysia dapat dibentuk beberapa proses lagi terpaksa dilalui. Untuk menghindarkan rasa salah faham yang perkara itu bukanlah kehendak satu pihak saja, maka kerajaan British dan kerajaan Tanah Melayu bersetuju untuk mengadakan badan peninjau pendapat rakyat di dua wilayah Sabah dan Sarawak. Suruhanjaya penyiasat itu diketuai oleh Lord Cobbold, bekas Gabenor Bank England, lain-lain wakil British ialah Sir Anthony Abell dan Sir Edward Watherson. Malaysia mengirim Tan Sri Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Luar, dan Tan Sri Wong Pow Nee, Ketua Menteri Pulau Pinang untuk menganggotai Suruhanjaya Cobbold itu.

Suruhanjaya ini meninjau pendapat semua pihak secara perseorangan, secara perkumpulan dan sebagainya. USNO telah menyediakan memorendum yang lengkap yang menyatakan persetujuan untuk menyertai Sabah.

Lain-lain parti juga ikut mengemukakan memorendum. Tetapi USNO tidak banyak mengemukakan syarat. Apa yang dipentingkan ialah mahukan Sabah menyertai Malaysia. Saya menekankan sangat hal ini kepada USNO supaya tidak mengemukakan terlalu banyak syarat kerana

ini nantinya boleh menyulitkan lagi pembentukan itu. Kalau USNO mengemukakan banyak syarat, maka ia akan diikut oleh lain-lain pihak yang memangnya diketahui tidak mahu menyertai Malaysia, maka ini akan menyulitkan lagi.

USNO sebagai yang sering saya tegaskan adalah mahukan adanya persamaan hak antara rakyat di semua wilayah. Apa yang boleh didapati oleh rakyat Tanah Melayu, itulah juga yang dikehendaki oleh rakyat dari Sabah.

Suruhanjaya Cobbold menyelesaikan tinjauannya dalam bulan Julai 1962. Bila laporannya siap dan disiarkan ternyata keputusannya sangat menggalakkan. Suruhanjaya itu mendapati rakyat Sabah adalah menyokong pembentukan Malaysia dan mahu menyertainya. Whitehall yang bertanggungjawab atas soal tanah jajahan British itu terpaksa menghormati Suruhanjaya yang dipengerusikan oleh orangnya sendiri itu, bersetuju membebaskan Sabah dan Sarawak untuk menyertai Malaysia. Whitehall sebaliknya menggesa pihak yang terlibat bersedia untuk menyambut tarikh penyatuan itu pada 31 Ogos 1963. Dan Whitehall juga menyarankan agar diadakan rundingan antara kerajaan-kerajaan yang terlibat bagi memudahkan pembahagian kuasa dalam percantuman itu.

Gabenor British di Sabah Sir William Goode dan sekalian Residen British serta penentang-penentang Malaysia merasa agak kecewa dengan keputusan itu. Sir William Goode dan lain-lain pihak yang tidak puas hati kini mempunyai peluang yang terakhir iaitu melalui mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan untuk menyatakan betapa tidak bijaknya projek Malaysia diteruskan.

**P**ERSIDANGAN antara kerajaan sepatutnya saya tidak ikut kerana saya tidak duduk dalam kerajaan. Saya adalah orang luar. Tetapi dalam kira bicara serupa ini saya ikut serta sebagai wakil dari pihak rakyat khususnya

wakil dari USNO. Donald Stephens dan Khoo Siak Chew ikut sama.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Lord Lansdowne, Menteri Negara bagi Tanah Jajahan British. Allahyarham Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu menjadi Naib Pengurus. Saya sudah tahu benar bahawa pihak yang menentang pembentukan Malaysia akan menggunakan berbagai-bagai tuntutan dan syarat dalam sidang ini. Dan Donald Stephens menjelang mesyuarat yang pertama di Jesselton mencadangkan agar semua parti mengadakan satu muafakat mengemukakan satu memorendum supaya dapat dibentangkan dalam persidangan Jawatankuasa Antara Kerajaan itu.

Inilah cadangan yang saya mahukan sangat kerana tenaga di belakang Donald dan tenaga USNO kiranya disatukan boleh mengatasi iain-iain suara. Cadangan itu ada dalam fikiran saya, tetapi kalau saya yang mengemukakannya, tentu saja mudah dianggap sebagai suara dari Semenanjung. Tetapi kaiau ia datang dari Donald Stephens, maka ia lebih menyenangkan. Saya segera menyokongnya kerana ini memudahkan segala urusan yang dihadapi. Saya bersetuju sangat dengan cadangan Donald itu kerana masanya memang telah tiba bagi setiap pihak yang menyokong Malaysia melupakan segala perselisihan. Jadi bila sidang pertama Jawatankuasa Antara Kerajaan diadakan di Jesselton, maka satu memorendum yang terkenal dengan memorendum yang mengandungi '20 perkara' dibentangkan. Di dalamnya ikut sama sokongan dari USNO. Antara kandungan 'syarat 20 perkara' itu ialah hak istimewa, bahasa, agama, imigresi, perwakilan persekutuan dan sebagainya.

Semasa sidang-sidang itu dijalankan baik di Jesselton, di Kuching dan di mana-mana saja saya tidak mengambil banyak bahagian dalam perbahasan. Saya duduk dan mendengar dan kalau ada kuih saya makan kuih, dan bila

ada air dihidangkan, kerja saya minum dan makan. Sikap saya itu rupanya diketahui juga oleh anak-anak muda dalam USNO dan kerana itu terus saya dihentam oleh mereka. Antara kata mereka, "Bagaimana pemimpin USNO duduk saja memanaskan bangku dalam mesyuarat, tak bercakap sedikit pun."

Yang lain pula merasakan saya ini memalukan mereka, kerana diam saja. Sikap diam itu mereka kira saya ini bodoh dan tak tahu apa. Malah ada yang mengkritik saya berhadapan, di masjid-masjid dan lain-lain perjumpaan. Saya kira pandangan mereka itu ada juga betulnya kerana mereka tidak tahu mengapa saya mengambil sikap mendengar.

Saya mempunyai muslihat tersendiri. Bila saya ditanya, "Datu Mustapha ada apa-apa fikiran?" Maka saya hanya menjawab, "fikiran saya ada dinyatakan dalam memorendum USNO kepada Suruhanjaya Cobbold. Lihatlah!" Memang pernyata Cobbold itu ada dan mereka pun membalik-balik laporan itu.

Saya sebenarnya tidak mahu menyulitkan pembentukan Malaysia itu. Banyak benda dan fikiran yang hendak saya nyatakan. Tetapi kalau semuanya saya kemukakan, maka ia boleh menimbulkan berbagai-bagai persoalan lain yang tentunya sangat disukai oleh penentang-penentang Malaysia. Mereka memang ada dalam mana-mana perjumpaan juga. Segala sesuatu yang dicakapkan hendaklah benar-benar menyumbangkan kepada penyegeeraan pembentukan Malaysia. Saya tidak mahu membuat silap. Kerana itu saya lebih banyak mendengar dan menyokong saja segala hujah orang lain yang menyuarakan sokongan kepada Malaysia. Sokongan saya kepada Malaysia sudah tidak berbelah bagi. Asal yang berbunyi pro Malaysia saja, maka akan saya sokong. Itu sikap saya yang mungkin setengahnya mengira itu sikap yang bodoh.

Tetapi saya ini memerhatikannya. Ada juga dalam perjumpaan-perjumpaan itu orang yang sangat cerdik dan

sangat kurang juga bercakap. Dia ialah Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura. Bukankah dia adalah seorang yang pintar. Dia juga tidak banyak bercakap. Sekali-sekala saja. Saya memang memerhatikan caranya dan sikapnya. Saya kira dia juga macam saya tidak mahu menyulitkan pembentukan itu dan dalam hal ini memang Lee Kuan Yewlah orang yang sangat kecewa kalau projek Malaysia itu gagal. Singapura tidak mungkin merdeka kalau tidak melalui projek Malaysia itu. Tetapi dari caranya itu saya faham bahawa Lee Kuan Yew mahu menjadikan Malaysia itu laksana ragi. Bila sudah jadi tapai nanti tahulah dia apa yang hendak dibuatnya. Saya juga menunjukkan bodoh saya, kerana bila Malaysia sudah menjadi kenyataan, barulah boleh kita rancang apa yang patut.

Lain-lain perwakilan bukan main hebat lagi. Donald misalnya sampai berbuih-buih mulutnya. Berbagai-bagai fikiran dan cadangan dikemukakan. Saya tahu semuanya itu adalah baik. Dan saya bersyukur walaupun ada dari perkara yang ditimbulkan oleh perwakilan berupa mempertikaikan Malaysia, tetapi akhirnya laporan-laporan yang kita dapat keadaannya memang menyokong Malaysia.

Ada juga yang merasakan sikap berdiam saya itu disebabkan oleh saya ini kononnya terlalu pro Tanah Melayu. Saya beritahu sesiapa saja bahawa saya adalah pro Malaysia. Apabila saya pro Malaysia, maka ini tidaklah bererti saya pro Tanah Melayu atau pro Sarawak atau pro Singapura. Selain dari pro Malaysia pertama sekali saya adalah pro Sabah. Dalam lain perkataan saya adalah pro Sabah menyertai Malaysia.

Meskipun segala perundingan menampakkan sokongan kepada Malaysia, tetapi adalah munasabah rakyat diajak menyatakan pendapat melalui pilihanraya. Fikiran ini sesuai dengan keadaan yang ada di Tanah Melayu dan Singapura. Wakil-wakil mereka adalah dipilih oleh rakyat. Maka Sabah mestilah mengadakan pilihanraya juga. Pertama ini membolehkan wakil-wakil yang mengadakan

rundingan seperti saya dan lain-lainnya benar-benar mewakili hasrat rakyat, dan kedua untuk menyatakan bahawa penyertaan Sabah dalam Malaysia adalah disokong oleh rakyat.

Lain-lain hujah yang menyebabkan pilihanraya patut diadakan sebelum mencapai kemerdekaan ialah bagi menyatakan kepada dunia terutama Indonesia dan Filipina bahawa rakyat Sabah mahu menentukan nasib sendiri dan penentuan itu dinyatakan melalui pilihanraya. Pemberontakan Brunei telah dijadikan hujah oleh penentang Malaysia di luar dan dalam negeri bahawa rakyat seluruhnya tidak menyokong Malaysia, dan British telah mematahkan kebangkitan rakyat. Pilihanraya saja yang dapat menyangkal pendapat itu.

Saya sendiri mengira inilah peluang yang sebaik-baiknya untuk menggembeling tenaga bagi menyatukan rakyat Bumiputera. Menjelang pilihanraya itu ada cadangan agar disatukan parti-parti Bumiputera dan melalui satu perikatan yang lain pula akan disatukan parti Bumiputera dengan parti orang-orang Cina seperti keadaannya Perikatan di Tanah Melayu. Kerana adanya rancangan hendak mengadakan pilihanraya itu maka adalah peluang bagi USNO dan UNKO mengadakan dialog. Pada saya penyatuan atau kerjasama antara keduanya memang tidak jadi masalah, kerana telah saya katakan bahawa itulah cita-cita saya. Berikut dengan dialog antara kedua parti itu dengan mudah dipersejuillah pelancaran Perikatan antara dua buah parti Bumiputera itu pada 4 September 1962 dan ia dirasmikan pada 16 Oktober 1962. Seminggu kemudian, pada 22 Oktober parti orang-orang Cina pula menyertai Perikatan. Parti Cina itu ialah BUNAP (Borneo Utara Nasional Parti) satu gabungan dari United Party dan Democratic Party of North Borneo.

Kemasukan parti-parti Cina itu satu perkembangan baik dan ini memberikan gambaran bahawa projek Malaysia sudah disokong oleh sebahagian besar masya-

kat keturunan Cina. Ini memulakan adanya perubahan besar dalam fikiran dan pendirian orang-orang Cina. Ini juga menandakan bahawa hasrat untuk menyatukan semua kaum dalam sebuah parti tercapai.

Datuk Sundang juga ikut menerima kenyataan bila dia bersetuju menggabungkan Pasok Momogon dengan Perikatan Sabah. Setiausaha Agung parti itu ikut menandatangani 'syarat 20 perkara' yang disebutkan tadi. Sebenarnya usaha mengadakan pilihanraya ini berlaku serentak dengan kegiatan Jawatankuasa Antara Kerajaan. Pilihanraya berlangsung dari bulan November hingga bulan Disember 1962. Pilihanraya ini adalah satu dugaan besar bagi Perikatan Sabah. Tidak terdapat persetujuan sesama parti komponen dalam penentuan atau pembahagian kerusi. Ini memaksa setiap parti terpaksa bertanding sesama sendiri. Tetapi untung juga kejadian itu tidak pula memecahkan Perikatan Sabah.

Pilihanraya bebas ini berakhir dengan memberikan kemenangan besar kepada parti-parti yang menyokong Malaysia, tetapi USNOlah yang paling gembira sekali kerana ia lahir sebagai parti yang paling banyak mendapat kerusi. USNO membolot 53 kerusi, UNKO 39 kerusi, BUNAP 29 dan Pasok Momogon mendapat 12 kerusi. Dengan keputusan itu kami masuk tahun 1963 dengan penuh harapan dan dengan senjata itulah kami melawan konfrantasi Indonesia dan Filipina.

**M**ESKIPUN tahun 1963 itu memberikan penuh harapan tetapi tahun 1963 jugalah memberikan banyak kesulitan. Kemerdekaan yang ditunggu-tunggu itu rupanya tidak semudah itu untuk disambut dan diisytiharkan. Kami yang sudah sekian lama dijajah tidak mahu lagi menunggu lebih lama dari 31 Ogos, 1963 yang dirancang itu. Tetapi pemberontakan Brunei pimpinan

Shikh Azahari sebelumnya memberikan kesempatan yang sangat baik bagi Sukarno dan Disdado Macapagal untuk campur tangan dengan lebih giat.

Sukarno memang mempunyai pengaruh di kalangan Parti Rakyat Brunei. Dia mengambil kesempatan itu untuk penglibatannya. Filipina pula tidak teragak-agak lagi untuk menyatakan sokongannya dan memang dari awal pemberontakan itu membenarkan Azahari menggunakan Filipina sebagai pengkalan untuk mengisyiharkan pemberontakan itu. Azahari telah diberinya perlindungan dan lebih dari itu Filipina tidak pula melucutkan tuntutan ke atas Sabah - dan saya tidak bertolak ansur tentang hal ini.

Sukarno adalah terkenal di seluruh dunia. Dia mengecam bahawa pembentukan Malaysia itu adalah satu bentuk penjajahan baru yang dinamakannya 'neo-kolonialisme.' Dan sedikit sebanyak pendapatnya diberikan perhatian juga oleh dunia. Tetapi dalam keadaan yang kacau itu, saya sendiri tidak pasti apakah Sukarno membisikannya kepada Macapagal, suatu idea yang sangat cemerlang, telah diutarakan oleh pemimpin Filipina itu. Dia mencadangkan agar dibentuk satu Konfederasi Melayu Raya sebagai jalan keluar dari perbalahan itu. Ketiga negara yang bertikai - Filipina, Indonesia dan Malaya - bersekutu dalam sebuah ikatan negara yang lebih besar. Sukarno memberikan nama Maphilindo. Dan Macapagal pun menyebutnya Maphilindo juga. Sukarno nampaknya sangat cocok dan ghairah dengan perkembangan terbaru itu, kerana dia sentiasa mengira dirinya sebagai jaguh anti imperialism, maka dia mengira pembentukan Maphilindo itu kelaknya boleh menjadikan dirinya sebagai lambang kebangkitan semula umat Melayu.

Tunku Abdul Rahman Putra adalah seorang yang sangat cintakan perdamaian dan seorang yang tidak suka bergaduh. Itu yang saya tahu sepanjang saya berdamping dengannya. Demi menghindarkan perbalahan yang berlanjutan, Tunku bersetuju untuk membincangkan hal itu. Lee

Kuan Yew ada menyatakan kebimbangannya terhadap perkembangan itu, tetapi Tunku menyarankan yang beliau sudah pergi begitu jauh untuk menghindarkan perbalahan, maka beliau tidak teragak-agak untuk menimbangkan sebarang cadangan yang boleh menyelamatkan rantau Asia Tenggara ini dari menjadi medan kekacauan. Dan saya sangat memahami perasaan dan masalah yang dihadapi oleh Tunku ketika itu. Apapun yang berlaku dan yang akan disetujui oleh Tunku, saya mengharapkan akan memberikan kesempatan kepada Sabah menyertai Malaysia terlebih dahulu dan harapan saya ialah lakukanlah apa saja asalkan pembentukan Malaysia tidak terhalang.

Sebelumnya Perikatan Sabah sudah pun mengutus surat kepada Sukarno. Kami terangkan kepada pemimpin Indonesia itu sejelas-jelasnya sikap kami terhadap Malaysia dan sokongan yang telah kami terima dari penduduk-penduduk Sabah sebagai yang dibuktikan dalam pilihanraya yang baru saja berlangsung itu.

Oleh kerana Azahari menerima sokongan moral dari Sukarno, dan kami juga sangat bimbang yang kemungkinan dia juga akan mendapat sokongan fizikal, kami nyatakan harapan agar Indonesia tidak lagi meneruskan sokongan seperti itu. Kami tegaskan kepadanya bahawa kami juga adalah tidak kurang anti penjajahan sepertinya dan kami telah mencapai keputusan bahawa cara yang baik bagi kami untuk mencapai kemerdekaan ialah melalui Malaysia. Sukarno mendiamkan saja surat kami itu.

Sukarno sebenarnya tahu sikap kami dan apa yang kami telah buat.

Pada 9 September 1962 Partai Rakyat Brunei, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Pasok Momogon dari Sabah telah menghantar satu memorendum bersama kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, meminta badan dunia itu campur tangan dalam projek Malaysia itu. Tetapi pada 9 Februari 1963 Perikatan Sabah menghantar satu telegram kepada badan dunia itu menolak dakwaan

ketiga-tiga buah parti itu. Ketika itu Pasok Momogon telah pun menyertai Perikatan Sabah dan ini memudahkan kami untuk membuktikan kekuatan kami kepada Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan penyertaan Pasok Momogon dalam Perikatan Sabah tentulah dengan sendirinya penyertaannya dalam memorendum 9 September itu batal.

Pada 20 Februari, 1963 Perikatan Sabah menghantar pula satu memorendum kepada PBB bagi menjelaskan lagi kedudukan yang sebenarnya. Kami merasakan sekiranya jawatankuasa dekolonization Bangsa-bangsa Bersatu memberikan peluang kepada Azahari untuk membentangkan kesnya kepada mereka, maka Perikatan Sabah juga patut diberi layanan yang sama. Bagaimanapun akhirnya kami membuat keputusan untuk tidak pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu yang mendengar kes itu dalam bulan Jun 1963.

Dari kalangan kami dalam Perikatan Sabah, Stephens adalah seorang yang tidak putus-putus dengan idea. Dia mencadangkan satu persidangan parti-parti yang pro Malaysia dari negeri-negeri yang terlibat iaitu Sabah, Sarawak, Singapura, Brunei dan Tanah Melayu. Sidang itu dicadangkannya di Jesselton, kononnya untuk menunjukkan kepada dunia tentang perpaduan kita di samping membincangkan satu pembentukan Perikatan yang lebih besar di antara parti-parti yang tersebut tadi. Fikiran untuk menubuhkan Perikatan yang lebih besar itu sebenarnya datangnya dari Tunku dari mula-mula lagi. Bagi Tunku adalah wajar pelancarannya diadakan di Kuala Lumpur yang dicadangkan untuk menjadi Ibu Kota Malaysia.

Mengikut cadangan Tunku yang asal parti-parti yang pro Malaysia seperti Parti Perikatan di Tanah Melayu, Perikatan Rakyat Singapura pimpinan Lim Yew Hock, Perikatan Sarawak dan Parti Kebangsaan Brunei haruslah diundang dalam pembentukan parti gabungan yang lebih besar itu. Tunku tidak begitu tertarik untuk membawa sama PAP atau Petir pimpinan Lee Kuan Yew kerana parti itu

tidak begitu bersedia untuk menerima parti-parti Cina yang sedia ada dalam Perikatan seperti MCA dan Perikatan Rakyat Singapura. Lee Kuan Yew ingin menyertai Perikatan di Malaya tetapi mahukan supaya MCA dikeluarkan. Banyak perkhabaran yang saya dengar bahawa Lee Kuan Yew sering memujuk Tunku supaya menggantikan Petir dengan MCA. Tetapi Tunku sedia bekerjasama dengannya kalau Petir mahu bersama-sama bekerjasama dengan MCA dalam Perikatan seperti yang telah ditunjukkan oleh lain-lain parti yang bersekutu dengannya. Atas latar belakang inilah maka Tunku tidak tertarik untuk membawa Lee Kuan Yew bersama-sama dalam muafakat yang hendak dirancangnya itu.

Bagaimanapun Donald Stephens mahu agar Petir diundang juga dalam pertemuan yang dirancangkan di Jesselton itu. Kerana perjumpaan itu atas dayausaha dan kemahuan Stephens, dia lalu mengundang juga Petir. Saya tahu Tunku tentu tidak setuju dan mungkin menghalang pengaruh Petir dari berkembang dalam Perikatan. Tunku juga tidak mahu pengaruh Lee Kuan Yew yang sudah ada di Sabah dan Sarawak itu bercambah di masa-masa akan datang. Tunku lalu meminta Stephens membatalkan jemputan kepada Petir dan persidangan itu diadakan saja di Kuala Lumpur. Tetapi Stephens dalam keterangannya kepada Tunku menyatakan bahawa persiapan telah pun dibuat dan semua parti yang diundang telah pun menyatakan kesediaan masing-masing untuk hadir.

Akhirnya Tunku sesuai dengan sifatnya sebagai Bapa Malaysia lalu memilih jalan tolak ansur dan dia bersetuju pertemuan di Jesselton tetapi pertemuan itu biarlah merupakan persidangan parti-parti yang pro Malaysia. Ada pun pertemuan bagi pembentukan Perikatan yang lebih besar tadi biarlah diadakan di Kuala Lumpur kemudiannya dan parti-parti yang akan menyertainya ialah parti-parti yang menganggotai Perikatan saja. Saya percaya Stephens

juga tidak mahu menyulitkan keadaan itu lalu dia menerima cadangan balas Tunku itu.

Persidangan di Jesselton itu pun diadakan pada 16 dan 17 Februari 1963. Tujuan persidangan itu adalah seperti yang telah saya tegaskan dalam ucapan saya di majlis itu adalah "untuk mempastikan kemerdekaan harus dicapai melalui Malaysia." Di akhir pertemuan dua hari itu satu kenyataan bersama dikeluarkan yang antaranya ialah untuk mewujudkan Malaysia pada 31 Ogos, 1963 dan sokongan terhadap rakyat Sabah dalam menolak tuntutan Filipina dan menyatakan rasa kesal terhadap sokongan terbuka Sukarno kepada pemberontakan Brunei.

**P**ADA 30 dan 31 Mac, 1963 barulah Perikatan Tanah Melayu pula menganjurkan perjumpaan di Kuala Lumpur. Parti Perikatan Rakyat Singapura dan Parti Sosialis Liberal Singapura ikut hadir. Tujuan perjumpaan itu seperti yang diterangkan oleh Tunku dalam ucapan pembukaannya ialah untuk membolehkan parti-parti Perikatan di setiap negara berhubung dan berbincang dengan lebih rapat tentang masalah-masalah besar yang dihadapi oleh negara. Ia juga membincangkan untuk menubuhkan Perikatan Malaysia yang terdiri dari semua parti-parti politik yang sehaluan dari tiap-tiap wilayah.

Hasil sidang dua hari itu membuat dua resolusi. Pertama memberi mandat kepada Tunku untuk menerus dan merumuskan perundingan mengenai Malaysia dan kedua bersetuju dengan pembentukan Perikatan Malaysia dan ahli-ahli jawatankuasa merangka perlembagaannya akan dibentuk kemudian.

Petir yang tidak diundang telah menghantar kawat ucap selamat atas persidangan itu, tetapi perutusannya itu tidak bermakna mereka menerima keadaan itu begitu saja. Dari 6 hingga 17 Mei, 1963 satu rombongan mengkaji

persoalan politik dari Petir yang diketuai oleh Gerald de Cruz telah datang ke Sabah dan mengadakan perbincangan dan berbagai ceramah tentang berbagai topik politik yang menarik. Antaranya, politik di Tanah Melayu, politik di Singapura, Nasionalisme, idea dan praktik demokratik sosialisme, revolusi kebangsaan di Asia dan bermacam-macam lagi. Saya melihat Stephens dan rakan-rakannya sangat ghairah menyambut rakan-rakannya dari Petir itu. Buat diri saya pula saya tidak ingin memberi mula langsung kepada mereka yang saya percaya nantinya mereka akan menjadi satu masalah besar bagi Malaysia.

**P**ADA ketika yang sama saya terus memberikan perhatian kepada usaha-usaha Sukarno dan Macapagal yang tidak henti-henti menjalankan kegiatan untuk menghalang pembentukan Malaysia dan sekurang-kurangnya mereka boleh melambatkan usaha kami yang sangat murni itu. Di awal tahun 1963 itu Filipina dan Britain telah pun mengadakan perundingan mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah. Pertemuan mereka tetap tidak mendatangkan sebarang hasil dan dalam soal ini saya tetap menekankan bahawa rakyat Sabah saja yang berhak untuk memberikan kata putus di pihak mana mereka hendak serta. Dan rakyat Sabah dalam hal ini adalah bulat mahu bersama-sama dalam Malaysia. Rakyat Sabah tetap memberikan perhatian dalam setiap perundingan yang melibatkan masalah Sabah.

Dari 9 hingga 17 April, 1963 rundingan di peringkat pegawai antara Filipina, Indonesia dan Malaya telah diadakan di Manila. Sidang ini diikuti kemudiannya sidang peringkat Menteri-menteri Luar pada 7 hingga 11 Jun, 1963 juga di Manila. Allahyarham Tun Razak telah menyertai sidang itu bersama Emanuel Pelaez dan Dr. Subandrio.

Setiausaha Luar Filipina Pelaez dalam sidang itu telah mencadangkan sebagai jalan keluar, bahawa persoalan tuntutan Filipina ke atas Sabah itu haruslah diselesaikan dalam konteks konfederasi Maphilindo seperti yang disarankan oleh Presiden Macapagal yang disebutkan sebelum ini. Dalam sidang inilah gagasan Maphilindo itu dicipta secara rasmi. Soal paling penting yang dicapai oleh pertemuan ini ialah supaya penentuan dari rakyat Sabah dan Sarawak hendaklah diadakan sekali lagi bagi memastikan yang mereka secara sukarela mahu menyertai Malaysia.

Saya mengira persetujuan apa lagi yang dikehendaki kerana pendapat dari rakyat dalam soal itu sudah pun dinyatakan melalui pilihanraya dan pendapat Suruhanjaya Cobbold. Kemahuan ini bagi saya sesungguhnya tidak menghormati pendapat dan kemahuan rakyat Sabah dan Sarawak. Tetapi demi keamanan dan mahu menghindarkan kekacauan, kemahuan Pelaez dan Dr. Subandrio itu terpaksa juga kami telan meskipun pahit.

Mereka mahu sekali lagi rakyat Sabah dan Sarawak menyatakan pendapat mereka. Tinjauan ini dilakukan sendiri di bawah perhatian Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu atau wakilnya. Menteri-menteri Luar itu juga membuat persediaan sidang kemuncak antara Tunku, Sukarno dan Macapagal dalam bulan Julai. Ini adalah untuk membolehkan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu membuat peninjauannya dan dengan demikian perkara pembentukan Malaysia itu boleh dilaksanakan pada 31 Ogos, 1963.

Sidang kemuncak itu diadakan dari 30 Julai hingga 5 Ogos dan tarikh pembentukan Malaysia 31 Ogos tinggal beberapa hari saja lagi. Bagaimanapun Tunku pergi ke Manila dengan penuh harapan untuk menemui Sukarno dan Macapagal. Beliau mengharapkan semua persoalan akan dapat diselesaikan dengan baik dan Sukarno dan Macapagal akan memberikan restu. Tetapi malangnya

Sukarno tidak bersetuju dengan Tunku yang kepastian dari rakyat Sabah dan Sarawak itu sekadar satu tinjauan. Sukarno mahukan tinjauan itu dibuat dalam bentuk referendum. Sukarno telah berkeras. Kemahuannya itu tentunya tidak boleh dilakukan dalam waktu yang sudah agak terhad itu. Kiranya kemahuuan Sukarno itu diturutkan, maka Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu tidak punya cukup masa bagi menyediakan keputusannya sebelum 31 Ogos. Apa juga yang dinyatakan oleh Tunku tidak diterima dan Sukarno dalam rundingan itu disokong pula oleh Macapagal. Macapagal menurut saja apa yang disuarakan oleh Sukarno. Kerana Tunku itu seorang yang sangat cintakan perdamaian akhirnya bersetuju bertolak ansur: pembentukan Malaysia ditunda.

Tiga hari selepas sidang kemuncak itu, pada 8 Ogos Majlis Perundangan Sabah mengadakan sidangnya bagi membincangkan keputusan yang dicapai di Manila itu. Sekalian anggota hadir dan setiap orang yang berucap adalah menyatakan kekesalan masing-masing atas kejadian itu. Kesemua yang berucap mahukan supaya tarikh pembentukan Malaysia itu biarlah pada 31 Ogos itu juga.

**R**ASA marah kepada Sukarno dan Macapagal menjadi-jadi. Malah ada juga yang marah kepada Tunku yang menyetujui sangat tekanan Sukarno itu. Tetapi saya sendiri memahami perasaan Tunku pada ketika itu dan apakah yang dapat dilakukannya dalam saat beliau mengharapkan sangat supaya pembentukan Malaysia tidak menimbulkan perbalahan yang memanjang. Walaupun saya sendiri tidak begitu setuju dengan persetujuan Tunku Abdul Rahman itu, tetapi bagi diri saya, saya tetap mematuhiinya, kerana kami sangat mengharapkan pimpinannya dan persetujuannya bagi mewujudkan juga Malaysia. Keputusan yang disetujui oleh Tunku itu

walaupun saya kira sangat pahit rasanya, tetapi itu adalah lebih baik dari membatalkan saja rancangan itu. Apa akan kita dapat kalau Tunku tidak mahu lagi meneruskan pembentukan itu?

Besoknya Perikatan Sabah mengadakan sidangnya. Keputusan Manila itu terpaksa diterima. Langkah-langkah terpaksa diatur bagi menyatakan yang rakyat tetap mahukan Malaysia. Mereka mestilah menyatakan hasrat ini kepada rombongan dari Bangsa-bangsa Bersatu yang akan datang itu. Satu tunjuk perasaan secara besar-besaran diikuti dengan rapat umum dirancang di Lapangan Terbang Jesselton pada hari ketibaan misi Bangsa-bangsa Bersatu itu. Pada ketika yang sama rancangan diatur supaya seminggu sebelum ketibaan misi itu wakil dari tiap-tiap parti yang bergabung dengan Perikatan Sabah mengadakan siri ucapan masing-masing di Radio Sabah bagi menggesa rakyat memberikan sokongan penuh kepada pembentukan Malaysia.

Perikatan Sabah juga menyediakan memorendum untuk diserahkan kepada misi Bangsa-bangsa Bersatu itu. Antara lain kandungannya memuatkan hasil tinjauan Suruhanjaya Cobbold, keputusan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) dan hasil pilihanraya kerajaan tempatan yang menunjukkan kejayaan cemerlang kepada Perikatan.

Tentang perisytiharan kermerdekaan pada 31 Ogos juga ikut dibincang. Seluruh rakyat jelata sudah bersedia dan antaranya mengadakan kenduri dengan menyembelih lembu dan sebagainya. Bagaimana hendak membatalkan perkara itu begitu saja dan perisytiharan itu tidak boleh dilakukan. Ada yang menyuarakan supaya perisytiharan itu dilakukan juga, tetapi saya membuat kesimpulan supaya segala-galanya haruslah dirundingkan dulu secara muktamad terlebih dahulu dengan Tunku Abdul Rahman. Dan pada peringkat yang buntu itu Lee Kuan Yew ada datang ke Sabah untuk memberikan nasihat. Tetapi nasihat yang muktamad ialah dari Tunku saja. Itulah keputusan saya dan

saya tidak akan berbuat sesuatu tanpa menemui Tunku dan Tun Razak.

Bangsa-bangsa Bersatu telah membuat kerjanya sebagai yang dikehendaki. Perikatan Sabah memberikan sepenuh kerjasama dengan harapan kemahuan kami dan kemahuan Tunku terlaksana dengan baik. Tetapi masalah datang juga. Kesalahan tetap tidak datang dari kami dan tidak juga dari Tunku. British yang menyatakan muh memudahkan pembentukan Malaysia itu ikut mendatangkan kepayahan juga. Mengikut persetujuan Manila bahawa pungutan suara itu harus ikut diperhatikan sama oleh wakil-wakil dari Filipina, Indonesia dan Malaya.

Bila tugas Bangsa-bangsa Bersatu itu berjalan dari satu kawasan ke satu kawasan hanya pemerhati-pemerhati dari Malaya saja yang ikut. Pemerhati-pemerhati dari Filipina dan Indonesia tidak boleh datang pada waktu yang sepatutnya. Mereka tidak boleh datang kerana kebebalan masing-masing. Dalam visa yang mereka minta, masing-masing menyatakan untuk pergi ke Kalimantan Utara, sedang British tidak bersedia mengeluarkan kebenaran kerana mereka tidak tahu di mana Kalimantan Utara dan Kalimantan Utara tidak ada dalam jajahan mereka. Ini menimbulkan masalah.

Apakah ini sengaja dirancang oleh Sukarno? Tetapi mengapa orang Filipina juga ikut muh ke Kalimantan Utara? Kerana wilayah-wilayah itu masih dalam naungan British, maka apa salahnya dalam saat seperti itu dinyatakan saja untuk ke British Borneo dan ke Sarawak? Dan kalau selama ini wakil Indonesia yang di Sabah boleh menggunakan nama yang dipakai untuk urusan rasmi, mengapa baru kali ini mereka menggunakan Kalimantan Utara? Dan British tidak sekali-kali membenarkan mereka datang selagi nama Kalimantan Utara tidak ditukar kepada nama yang diterimanya. Saya tidak dapat menyalahkan British walaupun perbuatan British itu ikut menyulitkan hal itu. Saya tahu British memang mempunyai banyak

kepentingan di Sabah, dan memang dia mencari apa kelemahan kita, dan mengapa Indonesia dan Filipina boleh mencari perkara yang sengaja dikehendaki oleh British itu.

Melalui bantuan orang tengah akhirnya Indonesia dan Filipina bersetuju menggunakan nama yang dikehendaki oleh British. Tetapi ketika mereka tiba sebahagian dari tugas Bangsa-bangsa Bersatu sudah pun berjalan. Ini bererti pemerhati-pemerhati dari kedua buah negara itu dapat menyaksikan sebahagian dari perjalanan pungutan suara itu. Ini juga telah dijadikan satu alasan mengapa kedua negara itu tidak begitu yakin yang Bangsa-bangsa Bersatu telah menjalankan tugasnya dengan jujur.

Keputusan pungutan suara itu memberikan bahawa rakyat Sabah dan Sarawak adalah menerima pembentukan Malaysia. Keputusan itu bagaimanapun boleh diduga oleh Sukarno yang dari awal-awal lagi bahawa Malaya akan beroleh kemenangan. Tetapi dia tetap menjadikan kelambatannya tadi sebagai alasan untuk menolak juga Malaysia.

Adanya langkah Tunku membentangkan rang undang-undang pembentukan Malaysia di Parlimen Malaya sebelum keputusan pungutan suara itu diumumkan, juga telah dijadikan alasan oleh Sukarno mengapa ia mestilah menolak keputusan pungutan suara itu. Tunku yang menangguhkan tarikh pembentukan Malaysia itu telah pun membuat 16 September sebagai tarikh baru. Keputusan pungutan suara itu diduganya siap sebelum tarikh itu dan dengan itu adalah wajar baginya menyediakan persiapan. Dan berdasarkan tinjauan dan pilihanraya sebelumnya jelas menunjukkan rakyat Sabah dan Sarawak menyokong Malaysia, maka Tunku merasakan keputusan yang sama akan diperolehi. Atas keyakinan itulah rang undang-undang tadi dibentangkan. Tetapi Sukarno menjadikannya alasan untuk menolak juga pembentukan Malaysia. Bagaimanapun tarikh 16 September, 1963 tidak dapat ditunda lagi.

Secara rasmi Malaysia lahir juga pada hari itu, tetapi hari kemerdekaan tetap pada 31 Ogos.

GABENOR William Goode ikut menyulitkan kami dalam pembentukan Malaysia itu. Saya tidak pasti apakah dia tidak memahami fikiran pemimpin-pemimpinnya di London pada saat-saat terakhir menjelang pembentukan Malaysia itu. Keputusan Tunku untuk menunda tarikh kelahiran Malaysia dari 31 Ogos kepada 16 September telah diterima oleh sahabat-sahabat Malaysia sebagai langkah berlebut dan sedia bertolak ansur dari pihak Tunku. Ia dibuat demi menghindarkan kekacauan di rantau Asia Tenggara dan demi inginkan kelahiran Malaysia itu disambut baik oleh semua pihak termasuk jiran-jiran yang terhampir seperti Indonesia dan Filipina tadi. Saya sendiri terkilan dengan sikap Indonesia dan Filipina, tetapi saya juga harus menjaga perasaan Tunku yang mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dari lain-lain orang dalam projek pembentukan Malaysia.

Gabenor Goode tetap merancang untuk mengisytiharkan penyertaan Sabah dalam Malaysia pada 31 Ogos juga. Biarkan keputusan yang dibuat oleh Tunku ditunda hingga 16 September, tetapi sepanjang persoalan Sabah ia mahu kelahiran itu pada 31 Ogos juga. Donald adalah bersama-sama dengan Gabenor Goode dalam hal ini. Rancangan-rancangan telah diatur untuk melaksanakannya.

Saya tahu hal ini boleh menimbulkan kesulitan. Saya tidak mahu campur. Saya tetap menghormati Tunku dan perasaannya dan hatinya mesti dijaga. Pembentukan Malaysia itu bergantung kepada dirinya seorang saja ketika itu. Kalau Tunku mengatakan yang dia tidak mahu lagi meneruskan rancangan itu, maka dengan sendirinya Malaysia tidak dapat dilahirkan. Dan Tunku berkemungkin-

nan melakukan kerana tekanan-tekanan dari beberapa orang tokoh dalam partinya - UMNO - telah pun menyuarakan kesulitan dan beban yang akan dipikul oleh Tanah Melayu dengan pembentukan Malaysia itu.

Suara-suara yang dikemukakan oleh Tan Sri Syed Jaafar Albar, seorang tokoh terkemuka UMNO telah memberikan fakta-fakta yang sangat menarik perhatian orang ramai di Tanah Melayu. UMNO ikut membincangkan hal itu dan hampir-hampir menggagalkan pembentukan Malaysia. Hujah-hujah yang dikemukakan itu sangat sukar untuk ditolak oleh Tunku. Kerana azamnya yang kuat dan rasa tanggungjawabnya untuk membebaskan kawasan-kawasan di rantau ini dari belenggu penjajahan, maka beliau berkeras untuk meneruskan projek Malaysia itu.

Saya mengetahui benar bahawa langkah Gabenor Goode itu akan menyulitkan. Tetapi apa yang dapat dibuat kerana dia adalah seorang yang paling berkuasa di Sabah. Sementara itu ada pula anak negeri yang menyokongnya. Saya menghilangkan diri dari Jesselton bila mereka berkira-kira untuk mengisyiharkan kemerdekaan - mendahului keputusan yang telah dicapai oleh Tunku.

Benar seperti yang saya duga, bahawa Tunku sangat kecewa dengan langkah Gabenor Goode tadi. Ia dikira sebagai satu tamparan ke mukanya. Tunku seolah-olah tidak mahu lagi meneruskan rancangannya kerana perbuatan Goode itu telah diketahui oleh seluruh dunia. Tunku memanggil Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur dan menyatakan yang beliau tidak mahu lagi meneruskan projek itu kerana William Goode tidak menghormati keputusan yang telah dicapai.

Langkah Goode itu boleh dikira sebagai satu sabotaj dari pihak British. Tunku tidak dapat menerima hal ini sebagai satu rancangan dari gabenor itu sendiri. Pihak Tanah Jajahan British di London merasa kelam kabut dengan perkembangan terbaru itu dan mereka berusaha mencari jalan bagaimana Tunku boleh dipujuk kerana

British tidak bersedia untuk memikul tanggungjawab atas kegagalan itu nanti. Pihak Tanah Jajahan telah memerintahkan William Goode mencari jalan untuk memujuk Tunku.

Ternyata William Goode tidak mungkin berjaya, jangankan untuk memujuk Tunku, menemuinya pun tidak akan mungkin. Saya tidak tahu apakah perasaan Donald Stephens ketika itu, adakah dia gembira atau sedih. William Goode terpaksa mencari saya. Dia menghantar orang untuk menjemput saya. Tetapi saya pula bagi dirancang pergi dari satu pekan ke satu pekan di luar Jesselton. Mula-mula mereka cari saya di Kudat. Ketika mereka tiba, saya baru saja berlepas ke pekan lain. Mereka ikut pula ke situ, saya baru juga berlepas ke pekan lain. Demikianlah berlaku beberapa kali. Yang menyulitkan mereka untuk menemui saya ialah kerana saya menggunakan bot dalam perjalanan itu. Akhirnya mereka temui saya dan memberitahu Gabenor Goode memerintahkan saya pulang ke Jesselton.

William Goode seolah-olah menyembah saya supaya pergi ke Kuala Lumpur untuk bertemu dengan Tunku dan memujuk supaya jangan membatalkan pembentukan Malaysia itu. Saya tahu bahawa itu adalah satu tugas yang amat berat. Melalui perkenalan saya yang singkat dengan Tunku itu saya cukup kenal bahawa Tunku bukanlah orang yang mudah dipujuk, tetapi saya terpaksa juga mencubanya kerana ini melibatkan masa depan Sabah. Kalau Tunku tidak bersedia, maka saya tidak dapat membayangkan apakah nasib Sabah selepas itu dan bagaimanakah ia hendak mencapai kemerdekaan dan bagaimana pula nasib rakyatnya yang terdiri dari berbagai-bagai suku kaum itu.

Lain-lain pihak di Kuala Lumpur tidak ada yang berani untuk melembutkan hati Tunku dalam perkara itu. Saya sudah tinjau bahawa Tunku memang sudah nekad tidak lagi mahu meneruskan usahanya. Tetapi saya sangat gembira kerana Tunku masih bersedia untuk bertemu dengan saya.

Bila saya temui Tunku di pejabatnya di Residensi - Jabatan Perdana Menteri dari jauh lagi Tunku sudah berkata, "Hang piii laa dengan penjajah British hang tuu !!"

Tunku cukup marah. Saya tidak dapat hendak menyalahkannya. Saya juga akan berlaku demikian kalau saya berada di tempatnya. Saya tahu bahawa yang boleh saya buat hanya berlembut saja. "Begini Tunku," saya cuba melembutkan hatinya. "Orang-orang di pedalaman di Sabah itu sudah membuat persiapan, hendak kenduri dan sebagainya. Begitulah kuatnya hati mereka hendakkan kemerdekaan, jadi mereka sudah tidak sabar lagi."

Saya menambah, "kalau tidak diadakan apa-apa perayaan, maka nanti kita tidak tahu bagaimana pula kekecewaan mereka ...."

"Tak apalah ...." itu yang saya dengar dari Tunku sesudah saya berbual beberapa ketika dengannya. Tunku kemudiannya meminta saya pulang bagi membuat persiapan menyambut kelahiran Malaysia pada 16 September. Saya tidak pasti adakah sikap barunya itu kerana alasan yang saya berikan, atau kerana melihat saya datang dengan serba rendah diri, atau kerana lain-lain sebab. Tetapi yang saya tahu bahawa kedatangan saya untuk menemuinya itu telah membukakan semula cahaya kemerdekaan bagi Sabah untuk bersama dalam Malaysia.

Saya bersyukur kerana Malaysia akhirnya lahir juga walaupun terpaksa ada konfrantasi "ganyang Malaysia" dari Indonesia dan Filipina.

## BAB KEDUA

### YANG DI PERTUA NEGARA ORANG POLITIK

**A**LLAH dengan khudrat dan iradat-Nya telah mentakdirkan saya menjadi Yang Dipertua Negara Sabah yang pertama. Dengan ini saya kira mungkin sayalah satu-satunya anak Sabah pernah memegang jawatan dari serendah-rendahnya hingga yang setinggi-tingginya. Serendah-rendahnya sebagai budak pejabat dan setinggi-tingginya sebagai ketua negeri - Yang Dipertua Negara.

Saya tidak pernah mimpi untuk memegang jawatan itu dan saya tidak pernah bercita-cita sebelumnya walaupun saya sangat berazam untuk memerdekakan tanahair saya, Sabah. Bila Sabah merdeka, saya tahu Sabah akan beroleh seorang ketua negeri dan saya ikut membincangkan dan meluluskan peruntukan perlombagaan yang membolehkan Sabah mempunyai seorang ketua negeri yang dikenali sebagai Yang Dipertua Negara. Meskipun demikian tidak pula terfikir bahawa saya akan menjawat jawatan itu.

Saya sendiri sebenarnya tidaklah begitu ghairah bila dipilih menjadi Yang Dipertua Negara. Benar seperti yang pernah disebutkan oleh seorang penulis bahawa jawatan itu saya terima "with reluctance" atau dengan hati yang berat.

Sebagai seorang ahli politik saya tahu jawatan yang saya pegang itu menghendaki saya meninggalkan politik. Seorang ketua negeri memang selayaknya bebas dari politik. Dan itulah kira-kira kedudukan saya bila saya dijadikan seorang ketua negeri. Tetapi sebagai orang politik yang menjadi Yang Dipertua Negara, manalah senang hati membiarkan politik itu dimainkan oleh orang lain saja sedang kita tidak boleh ikut serta.

Kerana itu saya menekankan sangat kepada Majlis Tertinggi Perikatan Sabah supaya memasukkan ke dalam catatan mesyuarat bahawa setiap tindakan kabinet hendaklah diberitahu kepada Yang Dipertua Negara dan dia mestilah menyetujuinya terlebih dahulu. Syarat itu sememangnya adalah satu "gentleman agreement" dan saya tidak ingin ianya diambil ringan atau dilupakan begitu saja.

Meskipun begitu, saya tetap berbangga dan bersyukur dengan tawaran jawatan yang begitu tinggi itu kerana ia adalah satu penghargaan kepada diri saya dan ini juga satu penghormatan negara kepada saya.

Dengan penerimaan Majlis Tertinggi Perikatan untuk menyetujui permintaan saya itu, maka dengan sendirinya saya telah memberikan makna yang lebih kepada jawatan Yang Dipertua Negara itu. Tidaklah ia menjadi tunggal saja atau dalam maksud yang lebih diplomasi, tidaklah ia menjadi lambang semata-mata. Sebagai seorang Yang Dipertua Negara saya ingin sekurang-kurangnya menjadi pengawas dan pengimbang kepada kabinet.

Tentunya orang boleh mempertikaikan saya sebagai seorang yang sepatutnya bebas dari politik telah ikut campur dalam perkara politik. Tetapi bukankah saya ini orang politik asalnya dan siapakah yang tidak tahu. Dan dalam suasana politik Sabah pada peringkat permulaan merdeka itu bagaimana dapat saya memisahkan diri saya seratus peratus dengan politik.

Dan keputusan saya untuk menjadi Yang Dipertua Negara itu sendiri pun saya buat kerana politik. Tidak siapa

memaksa dan menekan saya supaya saya menjadi ketua negeri sedang saya sendiri tahu bahawa jawatan Ketua Menteri itulah satu jawatan politik yang sangat penting bagi negeri seperti Sabah. Jawatan itu saya terima sesudah lama memikirkannya dan setelah mendengar nasihat dari sahabat-sahabat saya. Allahyarham Tun Fuad (Donald) Stephens sendiri, saya kira, tidak pernah memikirkan yang saya bersedia untuk menjadi Yang Dipertua Negara.

Soal siapa menjadi Yang Dipertua Negara dan siapa pula yang menjadi Ketua Menteri adalah perkara yang sangat sensitif kepada USNO dan UNKO. Perikatan Sabah tidak pernah membincangkan perkara itu dari mula lagi kerana saya tidak mahu perkara itu menyulitkan pembentukan Malaysia. Biarlah Malaysia dipastikan boleh lahir dulu, maka sesudah itu barulah siapa menjadi Yang Dipertua Negara dan siapa pula menjadi Ketua Menteri diputuskan oleh parti-parti yang terlibat dalam Perikatan Sabah.

Memang ada percubaan untuk menimbulkan siapakah yang akan menjadi Yang Dipertua Negara dan siapa pula yang menjadi Ketua Menteri sesudah merdeka nanti. Tetapi Perikatan Sabah tidak pernah membincangkannya secara terbuka. Saya sendiri mengelakkannya. Soal Yang Dipertua Negara sebenarnya tidak menjadi rebutan, tetapi setiap pihak mahukan kerusi Ketua Menteri itu diberikan kepada partinya. Siapa yang beroleh jawatan itu, bererti ialah yang beroleh kesempatan untuk mencorakkan negeri itu kerana kuasa politik itu sebenarnya berada dalam tangan Ketua Menteri.

**S**AYA mengambil masa yang sangat lama memikirkan bagaimana saya harus memecahkan persoalan itu. Gambaran yang nyata ialah bahawa kedua-dua jawatan itu nampaknya harus diserahkan antara saya dan

Donald Stephens kerana kami berdua adalah mengetuai parti-parti terbesar dalam Perikatan Sabah. Kalau saya Ketua Menteri, Donald mestilah Yang Dipertua Negara atau sebaliknya. Lain-lain parti akan diberi tempat yang sewajarnya dalam kabinet.

Mengelakkan perbincangan tentang perkara itu memang baik, tetapi perkara itu nantinya akan dibincangkan juga. Lama mana harus perkara itu dihindarkan. Dan bila ia dibincangkan bagaimana pula pembahagian kuasa itu boleh menghindarkan salah faham dan perpecahan di kalangan kami. Itu yang saya timbangkan dan saya sering meninjau pendapat dan nasihat dari kawan-kawan baik dari dalam parti saya USNO dan teman-teman saya dari Sabah dan Kuala Lumpur. Tentunya perkara ini juga menjadi perhatian para pemerhati luar termasuk pemimpin-pemimpin di Kuala Lumpur.

Satu perbincangan mendalam dan berterus terang yang mula-mula sekali saya buat ialah di atas kapal S.S "KIMANIS". Masa itu satu lawatan tidak rasmi oleh Pegawai-Pegawai dari Kuala Lumpur yang bertugas di persidangan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) diadakan di Kota Kinabalu, yang ketika itu masih bernama Jesselton. Allahyarham Tun Abdul Aziz Majid yang ketika itu bergelar DATUK datang mengunjungi saya di Kudat bersama Datuk Nik Daud, Encik Abdul Kadir Shamsuddin, pada masa itu Tan Sri Kadir belum lagi bergelaran Tan Sri, dan Encik Aziz Yeop. Demikian juga Encik Aziz Yeop pada masa itu belum bergelar Tan Sri. Datuk Abdul Aziz masa itu menjadi Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri satu jawatan yang sama kedudukannya dengan Ketua Setiausaha Negara sekarang. Datuk Nik Daud pada masa itu belum lagi bergelar Tan Sri, dan pada ketika itu Datuk Nik Daud ialah Setiausaha Tetap atau dengan nama sekarang ialah Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Encik Abdul Kadir Shamsuddin pula ketika itu menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan mana-

kala Encik Aziz Yeop masa itu menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran. Tetapi mereka adalah pegawai kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang datang untuk mengiringi Tun Abdul Razak Datuk Hussein, Timbalan Perdana Menteri yang mengetuai perwakilan Tanah Melayu dalam sidang di Jesselton itu.

Dalam perjalanan pulang ke Jesselton dari Kudat dengan kapal SS Kimanis tiba-tiba Datuk Aziz dan Datuk Nik Daud bertanyakan apakah peranan yang akan diambil oleh USNO dalam Sabah yang merdeka kelak. Adakah USNO akan mengambil jawatan Yang Dipertua Negara atau Ketua Menteri?

Saya tidak pasti apakah pertanyaan itu mereka buat atas daya fikiran mereka sendiri yang ingin tahu atau mereka itu bertanya bagi pihak Tun Razak. Bagaimanapun saya percaya mereka sendiri juga pernah membincangkan hal itu dengan Tun Razak atau lain-lain pemimpin di Kuala Lumpur seperti Tunku Abdul Rahman Putra dan sebagainya.

"Perkara itu belum dibincangkan lagi," itu jelas saya pendek. Bagaimanapun Perikatan Sabah sudah pun bersetuju bahawa kedua parti terbesar iaitu USNO dan UNKO akan mengambil salah satu dari dua jawatan yang terpenting itu. Kiranya USNO menjadi Ketua Menteri, maka UNKO akan mengambil Yang Dipertua Negara dan demikianlah sebaliknya. Datuk Aziz dan Datuk Nik Daud memberikan pandangan bahawa adalah baik bagi USNO memilih jawatan Ketua Menteri. Saya sendiri sangat bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh sahabat-sahabat saya itu. Memang itulah yang saya fikirkan selama ini. Tetapi bagaimana ia dapat saya lakukan?

Donald Stephens satu hari mengajak saya untuk mengadakan sidang Perikatan bagi membincangkan pembahagian jawatan itu. Ternyata perkara itu sudah mendesak dan tidak boleh ditangguhkan lebih lama lagi. Tetapi saya memintanya supaya menangguhkannya dulu

kerana saya terlebih dahulu mahu membincangkan perkara itu dengan Tunku Abdul Rahman. Saya segera berangkat ke Kuala Lumpur.

Tunku Abdul Rahman agak sibuk bila saya tiba di Kuala Lumpur. Maka saya bertemu saja dengan Tun Razak. Cadangan saya ketika itu adalah nekad iaitu saya mahu USNO diberikan jawatan Ketua Menteri. Tun Razak rupanya mempunyai pendapat yang berlainan. Dari satu segi beliau bersetuju ada baiknya jawatan Ketua Menteri itu dipegang oleh USNO kerana ia mempunyai kuasa yang lebih. Tetapi keadaan yang wujud di Sabah ketika itu tidak begitu memudahkan USNO untuk menjalankan pertadbirannya. Kesukaran, beban dan rintangan yang bakal dihadapi oleh seorang pemegang jawatan itu sangat besar.

Kesemua jawatan penting dalam negeri Sabah adalah di tangan pegawai-pegawai British. British menjadi ketua di semua jabatan dan hingga setiap Pegawai Daerah adalah orang Inggeris, kecuali seorang sahaja orang tempatan menjadi Pegawai Daerah bernama LEONG AH KHOON. Mereka sudah tentunya mengutamakan kepentingan-kepentingan British.

Saya memilih cara yang dijalankan oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, bahawa beliau tidak mengusir pegawai dagang dengan serta-merta bila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pegawai-pegawai dagang diperlukan hingga satu masa yang sesuai, hingga warganegara mempunyai kelayakan yang cukup untuk menggantikan mereka. Cara yang demikian membolehkan pentadbiran berjalan licin seperti sediakala dan bila perubahan dilakukan nanti, maka ia tidak akan menjelaskan apa-apa.

Mereka boleh digantikan dengan orang kita ketika itu, tetapi harganya terlalu mahal untuk ditanggung. Kita belum cukup orang untuk mengambil alih semua jawatan. Menyalahkan British kerana tidak melatih Bumiputera untuk menjadi pegawai tadbir ketika itu tidak akan memberi

apa-apa erti lagi dan tidak banyak membantu mengatasi masalah yang ada. Tetapi kekurangan yang ada tidaklah bererti bahawa kita tidak layak dan tidak harus mencapai kemerdekaan. Kita tetap boleh merdeka tetapi kita memerlukan bantuan untuk sementara.

**C**ADANGAN Tun Razak itu sangat memberi kesan kepada saya dan saya nampak akan masalah yang dihadapi kalau saya menjadi Ketua Menteri dalam keadaan yang demikian. Nasihat Tun Razak pun saya terima bahawa untuk jangka waktu yang singkat itu saya harus melepaskan jawatan Ketua Menteri untuk UNKO. Dan USNO atau dalam konteks ini saya sendiri akan mengambil jawatan Yang Dipertua Negara dulu. Tun Razak menasihatkan, "kalaupun tak lama, sekurang-kurangnya peganglah jawatan itu buat satu atau dua penggal.

"Dan ada baiknya jawatan Yang Dipertua Negara yang pertama kali ini diduduki oleh anak Melayu," tambah Tun Abdul Razak.

Saya sangat senang menerima nasihat itu walaupun ini bererti saya terpaksa melepaskan kegiatan politik yang aktif. Saya ketika itu sudah merasakan politik sebagai suatu yang payah untuk dipisahkan. Walaupun dunia politik yang aktif cuma baru beberapa ketika saja saya lalui, tetapi saya sudah menghayati kehidupan itu dan masih muh meneruskannya. Bagaimana kehidupan yang baru dirasai itu hendak dipisahkan dengan saya. Demi muslihat politik saya dan USNO maka satu tindakan yang tegas dan cepat perlu diambil.

Satu faktor lagi mengapa saya harus mengambil jawatan itu ialah kerana pertimbangan bahawa adalah sukar sekali bagi orang Melayu atau orang Islam untuk menerima seorang Yang Dipertua Negara yang bukan dari Islam. Oleh kerana agama rasmi Malaysia adalah Islam

maka ketua negeri atau wakil Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung sewajarnya terdiri dari orang Islam.

Kesulitan yang ditimbulkan oleh perlantikan mendiang Tun Leong Yew Koh sebagai Gabnor Melaka dalam tahun 1957 menjadi pengalaman yang baik. Orang Melayu merasakan keadaan itu tidak kena dan adalah munasabah ketua negeri yang antara fungsinya adalah sebagai ketua agama di negerinya dipegang oleh seorang Islam.

Dalam masalah ini kiranya USNO mengambil jawatan Ketua Menteri, maka UNKO akan diberikan jawatan Yang Dipertua Negara. Sehingga saat itu sekalian anggota UNKO adalah orang bukan Islam. Krisis tentunya boleh timbul kalau Donald Stephens tidak diberi jawatan yang selayak untuknya sebagai sifatnya pemimpin UNKO. Kalau USNO diberikan Ketua Menteri, maka tidak dapat tiada pemimpin utama UNKO Donald Stephens akan menjadi Yang Dipertua Negara.

Tunku Abdul Rahman tidak mahu hal itu berlaku kerana beliau tidak lagi mahu mengulangi suasana seperti Tun Leong Yew Koh menjadi Gabnor Melaka dulu. Tunku sebenarnya pernah membayangkan kepada saya, memang sayalah orang yang wajar untuk menjadi Yang Dipertua Negara yang pertama sesuai dengan susur galur keturunan saya yang berasal dari kesultanan Sulu. Sebagai mengambil sempena keturunan dan darjah kesultanan Sulu itu, elok benarlah saya memegang jawatan itu.

Apabila saya bertemu pula dengan Tunku selepas pertemuan dengan Tun Razak itu, maka Tunku sangat gembira mendengar keputusan saya untuk menerima jawatan Yang Dipertua Negara itu. Tunku selepas itu meminta saya segera pulang ke Sabah untuk membuat persediaan untuk menyambut kelahiran Malaysia.

Saya segera memanggil mesyuarat Majlis Tertinggi USNO bagi membincangkan keputusan yang telah saya tundingkan dengan Tun Razak itu. Saya mahu keputusan saya itu diketahui oleh USNO dan mereka memahami

benar-benar mengapa saya bertindak demikian. Saya memang menduga bahawa mereka tentunya tidak setuju dengan apa yang telah saya putuskan dengan Tun Razak itu. Saya kemukakan pendapat Tun Razak dan saya terangkan masalah yang akan dihadapi oleh seorang Ketua Menteri USNO sejelas-jelasnya. Saya sendiri sebenarnya tidak mahu menghadapi kegagalan di pangkal jalan, dan saya sungguh bimbang bahawa kiranya kemahuan Majlis Tertinggi USNO itu diikuti maka nantinya USNO akan menghadapi kebuntuan.

Tanpa malu dan silu lagi saya terangkan kepada mereka bahawa berat sangat hati saya untuk menerima jawatan Ketua Menteri kerana bagi saya jawatan dan tanggungjawabnya adalah terlalu berat untuk saya yang belum ada pengalaman itu. Tanpa belajar dari pengalaman orang lain, saya mungkin tidak terdaya untuk memikul tugas yang sangat berat itu.

**T**IDAK layak." Sesungguhnya dua perkataan itu sering berputar di otak kepala saya sejak dari mula-mula saya menceburkan diri untuk memimpin USNO dulu lagi. Memang dari awal lagi saya cuba utarakan lain-lain teman yang saya kira layak untuk mengepalai USNO supaya pimpinan itu nanti setanding dengan lain-lain pimpinan yang sudah ada, baik di Sabah maupun dari kawasan-kawasan lain di Malaysia ini. Saya memang tahu ada dari rakan-rakan yang lebih sesuai dan juga punya kepintaran untuk memimpin.

Saya terkenang akan kekurangan saya termasuk kekurangan saya di bidang pelajaran. Di peringkat awal saya hanya berpeluang untuk mendapat pendidikan rasmi selama sembilan bulan. Di peringkat usia yang saya sewajarnya sibuk bersekolah, saya dilemparkan oleh takdir menjadi house-boy di kediaman Resident E.W. Morrell.

Dan bila saya meningkat usia 16 tahun saya menjadi Orderly - budak pejabat, pada 18hb. Oktober, 1934 di bawah Pegawai Daerah Kudat Tuan R.F. Evans. Dari situ juga saya ditugaskan untuk menjadi "Proces server" yang tugasnya adalah menghantar notis kepada tuan punya tanah yang tidak menjelaskan hasil tanahnya. Tugas inilah yang saya pegang hingga saya dinaikkan jawatan saya menjadi "Native & Chandu Clerk" mulai 1hb. Januari 1937.

Semasa saya menjadi budak pejabat, saya sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan. Sentiasa saya gunakan masa lapang saya untuk menulis dan membaca. Sebagai seorang budak yang belajar cuma dalam "standard 1" maka buku yang saya baca ialah siri Royal Reader, "see-saw up and down." Mana-mana perkataan yang saya tidak faham erti dan maksudnya nanti saya minta penjelasan dari Ketua Kerani (CC), Ho Kwang Kim. Kerap kali saya bertanya dari beliau apabila dia saya dapat tidak banyak kerja. Saya juga sering bertanyakan maksud-maksud dalam bahasa Inggeris dari Encik Maligreto, seorang keturunan Filipina yang bertugas sebagai Pembantu Ketua Pegawai Hutan. Dia sering datang ke Kudat untuk menjalankan tugasnya. Seorang lagi pegawai hutan keturunan Filipina yang sentiasa menjadi tempat saya bertanya ialah Alberto Apostol. Dia tinggal di Kudat. Dia seorang yang peramah dan memang suka membantu saya.

Sebelah malam pula saya belajar dari seorang sahabat baik saya Luis Chung. Saya bayar sagu hati seringgit sebulan. Pada ketika yang sama saya belajar menulis Jawi dari seorang guru sekolah Melayu bernama Hamzah bin Michek yang berasal dari Negeri Sembilan. Apabila Cikgu Hamzah bertukar ke lain daerah maka saya belajar pula dari Cikgu Abdul Majid bin Hakim yang berasal dari Perak. Demikianlah cara hidup saya sehingga Jepun masuk untuk mengambil alih pemerintahan dari Inggeris dalam Perang Dunia Kedua.

**A**DALAH benar bahawa Orang Putih memang memandang rendah kepada anak-anak Bumiputera tempatan. Ini adalah hakikat yang tidak dapat ditolak. Tetapi Sir Roland Turnbull yang menjadi Gabnor North Borneo (Sabah) dari tahun 1953 hingga penghujungan tahun 1959 telah banyak juga memberikan perhatian dan bimbingan kepada saya.

Dengan pengalaman dan ilmu yang ada pada saya, saya sudah diterima menjadi Native Chief mulai tahun 1946. Pada tahun 1951 saya telah dinaikkan pula ke tingkatan pertama yang bergelar "Orang Kaya-kaya" jawatan ini agak besar pengaruhnya. Dalam tahun 1953 saya terpilih untuk berkursus di bidang pertanian di Maktab Pertanian Serdang, Selangor bagi mengikuti kursus penghulu-penghulu dari beberapa negeri di Persekutuan Tanah Melayu.

Pemilihan itu sangat besar ertiannya kepada saya yang tidak punya pendidikan rasmi ini. Ia akan saya gunakan untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan saya. Saya berazam bahawa setiap pelajaran yang saya dapati nanti akan saya manfaatkan sepenuhnya kepada rakyat Sabah khususnya, kerana pada masa itu golongan Bumiputera lahir puak yang paling ketinggalan sekali dalam tanah jajahan takluk British itu.

Semasa di Serdang inilah mata saya mulai terbuka tentang dunia politik yang ditunjukkan oleh kegiatan politik orang-orang Melayu Semenanjung. Mereka ketika itu sedang giat untuk mencapai kemerdekaan. Sedikit sebanyak kegiatan dan dorongan mereka itu telah memberi kesan kepada saya dan dari sinilah darah politik itu tersemai di jiwa saya.

Serdang itu sendiri adalah pusat kegiatan politik. Seorang tokoh Parti Negara, Cikgu Muhammad Rashid Ahmad yang menjadi orang Kanan Datuk Sir Onn bin Jaafar, bertugas di maktab pertanian itu. Oleh itu tempat inilah sentiasa menjadi tumpuan dan tempat berulang

orang-orang politik. Cikgu Rashid inilah yang memperkenalkan saya kepada Datuk Onn seperti yang telah saya sebut dalam bahagian "Merdeka melalui Malaysia."

Semasa di Serdanglah saya sempat mengetahui dan berkenalan dengan beberapa orang penghulu dan ketua kampung, dan di situ lah juga saya berkenalan dengan seorang pegawai RIDA (MARA) yang berketurunan DIRAJA, namanya Raja Mohar bin Raja Badiozaman sekarang ini bergelar Tan Sri. Beliau adalah seorang yang pintar dan lemah-lembut tutur katanya.

Sekembalinya saya ke Sabah sesudah tamat kursus, Gabnor telah memberikan tugas yang menjadikan saya orang yang sibuk. Saya belum sempat memikirkan soal-soal politik yang mulai saya minat, tugas baru diserahkan kepada saya tetapi ada juga kaitnya dengan politik. Saya dilantik menjadi ahli Majlis Kerja dan Perundangan Negeri. Tugasnya ialah membincangkan tentang belanjawan dan soal perundangan negeri. Tugas inilah yang memberikan saya penglibatan politik yang paling awal sekali. Tugas ini memberikan saya peluang untuk memberikan sedikit sebanyak khidmat kepada rakyat dan negeri, dan ini juga membolehkan saya lebih memahami soal pentadbiran dan politik.

Politik yang dapat saya mainkan dalam bentuk yang ada ini adalah sangat terhad. Tetapi dalam konteks Sabah ketika itu keadaan seperti itu sudah cukup baik. Penglibatan politik seperti yang dilakukan oleh orang Tanah Melayu, walaupun menarik perhatian saya, belum dapat saya usahakan lagi.

Dari kegiatan politik yang terhad dan ilmu pengetahuan yang sedikit itu saya dapat memberikan khidmat kepada rakyat. Saya ada menghubungi rakyat. Hal itu diketahui oleh Gabnor Sir Roland Turnbull, tetapi dia tidak pula marah atau menghalang saya berbuat demikian. Sebaliknya Gabnor Turnbull menunjukkan sikap yang sangat saya hormati pula kerana dia cuba menonjolkan saya lebih

kemuka lagi. Dia, satu hari selain dari menunjuk ajar cara pentadbiran, telah mencadangkan supaya saya berangkat ke England pula untuk melanjutkan pelajaran.

Gugup dada saya menerima tawaran itu. Rasa rendah diri kerana kekurangan pelajaran memang banyak menyelubungi saya pada peringkat awalnya. Tetapi tawaran itu menguatkan lagi tekad saya untuk berkhidmat kepada rakyat. Tawaran itu dibuat tentulah kerana bakat-bakat dan kebolehan saya dalam soal pimpinan. Bagi melibatkan diri dalam kegiatan sosial dalam negeri tentunya tidak saya tolak. Tetapi untuk belajar ke United Kingdom dalam suasana saya tidak banyak mengerti bahasa Inggeris yang tinggi tentulah memaksa saya banyak berfikir dan memang pada mulanya saya tolak kemungkinannya.

Yang saya fikirkan, dalam usia yang sudah lanjut itu mungkinkah saya berjaya dalam bidang pelajaran kerana asas pelajaran tadi sebenarnya tidak cukup? Dan kiranya saya pergi, apakah manfaatnya kepada orang ramai akan lebih baik dari keadaan saya meneruskan saja khidmat dengan apa yang ada ketika itu?

**S**EBAGAI ahli Majlis Perundangan saya sudah pun berusaha untuk membaiki nasib rakyat Sabah terutama Bumiputera - kerana mereka tidak syak lagi adalah golongan yang termundur dan tertinggal dalam semua lapangan. Kalau saya ke London, mungkin untuk beberapa tahun, banyak manakah bantuan yang tidak mungkin mereka perolehi. Atau apakah ada suara lain yang dapat memberikan layanan kepada mereka sepeninggalan saya nanti?

Kecenderungan saya kepada orang ramai sudah tumbuh benar. Saya sudah mulai berkeliling ceruk rantau dalam negeri Sabah untuk menemui rakyat. Boleh dikatakan hampir di semua daerah sudah saya tiba. Dan ke

mana saja saya tiba saya ada kenalan dan dapat kenalan baru.

Di Pulau Banggi saya tinggal enam bulan. Pegawai-pegawai Inggeris tidak berjaya untuk mendapatkan kerjasama orang tempatan. Mereka tidak suka Inggeris dan Inggeris menganggap mereka orang liar. Mereka tidak dapat menembusi tempat itu. Dan bagi saya sendiri, adakah kerana Inggeris hendak menguji kebolehan dan kemampuan saya untuk mendekati rakyat, maka saya dihantar ke Pulau Banggi guna mendampingi rakyat dan menarik perhatian mereka tentang kemajuan dunia luar. Mungkin ia suatu ujian bagi saya. Baik ia ujian ataupun tugas, saya terima saja segala arahan dengan hati yang terbuka.

Mungkin kerana datuk-datuk saya dulu pernah menguasai pulau itu, atau mungkin kerana saya memang mudah bergaul dan mudah mereka terima, maka saya dapat hidup bersama-sama orang-orang yang dikira oleh Inggeris liar itu. Memang benar orang-orang di situ ketika itu tertinggal dengan perkembangan dunia luar, dan tidak mudah untuk difahami, tetapi berkat izin Allah saya dapat menjalankan tugas saya dengan baik dan mereka menerima saya.

Saya turunkan ilmu pertanian yang saya pelajari kepada mereka. Kerja-kerja dan tunjuk ajar yang saya beri adalah sangat menakjubkan mereka. Bila saya berjaya menghasilkan beberapa jenis limau dari percantuman mata tunas antara satu dahan dengan dahan yang lain, seorang laki-laki (Dusun Banggi) merasa sangat kagum.

"Dia tentunya Tuhan," kata orang yang tak beragama itu. Kata-katanya mempengaruhi lain-lain orang. Dan dari situ datang satu macam pendewaan terhadap diri saya oleh orang-orang di Pulau Banggi.

Saya terangkan yang saya bukan Tuhan, tetapi hasil yang saya tunjukkan itu adalah satu dari hasil kajian sains, dan setiap bangsa yang maju di dunia ini boleh

mengusahakan pokok-pokok kahwin itu. Malah mereka sendiri pun boleh melakukannya. Oleh itu kalau mereka boleh membuat perkara yang serupa, apakah mereka juga Tuhan? Dan mereka adalah sama dengan saya.

Benar mereka juga boleh membuat limau kahwin sesudah belajar dari saya. Mana yang kemudiannya memeluk agama Islam tentunya tidak terus menganggap saya Tuhan, tetapi sekurang-kurangnya rasa pendewaan sedikit sebanyak ada juga. Tetapi yang lebih mudah disebut ialah penghormatan mereka terhadap saya masih kekal hingga sekarang.

Orang-orang Banggi itu dengan demikian dapat dijinakkan. Mereka sekarang menganggap saya terus sebagai saudara mereka. Hingga sekarang Berjaya dan Datuk Harris tidak dapat memujuk mereka.

Orang-orang Inggeris tentunya memerhatikan kejayaan itu dengan penuh penghormatan. Bukan semua perkara boleh dilakukan oleh orang Inggeris yang punya kuasa ketika itu, tetapi ada tempatnya orang-orang tempatan boleh membuat sesuatu dengan baik, malah lebih baik. Apa yang kita mahu ialah kesanggupan memberikan peluang kepada anak negeri. Dan Inggeris telah memberikan peluang kepada saya.

Sebagai seorang ahli Majlis Perundangan, saya juga seorang anggota Exco. Seorang anggota Exco di sebuah wilayah yang terajah apakah yang dapat kita buat. Tetapi saya menggunakan setiap kesempatan yang ada untuk menyuarakan masalah Bumiputera sama ada secara langsung di sebaliknya. Walaupun saya tahu bahawa kebanyakan dari suara saya tidak jatuh di telinga-telinga yang dipekkakan, namun saya percaya setidak-tidaknya ada juga dari buah fikiran saya itu tembus dan memukul kendang-kendang telinga ejen penjajah itu. Yang sedikit-sedikit didengar itu mungkin boleh meninggalkan kesan juga.

Perkara-perkara yang dapat saya mainkan tidaklah meliputi persoalan politik yang besar-besar. Saya tahu bahawa ketika itu saya belum tiba kepada peringkat untuk memikirkan soal politik yang tinggi dan jauh sekali dari membicarakan isu antarabangsa. Sesuai dengan peranan saya sebagai seorang yang dilantik oleh penjajah, saya memainkan soal yang ada hubungannya dengan kehidupan sehari-hari rakyat. Soal hendakkan sekolah, mahukan jalan dan sebagainya. Ada orang yang terfikir bahawa perkara-perkara yang saya bangkitkan itu cuma benda remeh-temeh, tetapi bagi saya ia adalah perkara yang dikehendaki oleh rakyat dan bagi mereka hal-hal itu adalah besar. Mungkin ada orang yang terfikir hal seperti itu kurang tepat untuk dikemukakan dalam Majlis Perundangan, tetapi bagi saya, sesuai dengan keadaan di sekitar tempat tinggal saya, perkara seperti itu adalah sama besarnya dengan soal-soal politik yang besar-besar itu. Antara yang masih saya ingat sebagai usaha yang saya lakukan ialah supaya lesen-lesen enjin sangkut dibatalkan. Ia diberikan perhatian.

Rupanya segala yang saya suarakan tadi, meskipun ada yang menganggapnya kecil, dan ia semata-mata saya buat kerana saya merasakan yang saya harus menjalankan kewajipan saya sebagai seorang ahli majlis, telah menarik perhatian Gabnor Turnbull. Dia memberikan penuh perhatian terhadap persoalan yang saya bangkitkan sepanjang saya menjadi ahli majlis.

Justeru itu Gabnor Turnbull menawarkan saya untuk melanjutkan pelajaran ke United Kingdom. Pertama kali ia ditawarkan ialah dalam tahun 1957. Tahun itu Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Saya memberitahu gabnor itu, kiranya saya berada di bumi Sabah, maka sedikit sebanyak dapat juga saya menyumbangkan sesuatu kepada rakyat, sedang mereka berharapkan benar orang yang memerhatikan masalah mereka.

Gabnor Turnbull menerima alasan saya dan memahaminya. Tetapi dia cuba meyakinkan saya bahawa dengan pelajaran yang lebih lengkap, pasti saya boleh memberikan sumbangan yang lebih besar kepada rakyat dan kepada Sabah. "Mereka perlukan pimpinan dari kalangan mereka sendiri," wakil kerajaan British itu cuba memujuk saya. Dia mengakui bahawa Burniputera Sabah memang ketinggalan, tetapi pembelaan harus dibuat oleh orang mereka sendiri. Orang yang boleh memberikan pimpinan ialah orang yang mempunyai sedikit sebanyak fikiran. Baginya, kalau saya mempunyai pelajaran yang lebih baik dari yang ada pada ketika itu, saya boleh memberikan pimpinan yang lebih berkesan.

Kata Gabnor Turnbull lagi, "Datu mempunyai potensi besar untuk memimpin mereka dengan jayanya." Saya terharu dengan perhatiannya dan mengucapkan terima kasih atas galakan dan pandangan baiknya itu. Saya bagaimanapun belum tertarik untuk mendengar nasihatnya, kerana apa yang terfikir pada saya ketika itu, dalam usia yang mulai menjangkau tua itu, berapa banyak sangat pelajaran yang boleh saya timba. Isteri dan anak-anak yang memerlukan perhatian saya setiap ketika adalah antara yang menghalang saya untuk cepat-cepat menerima tawaran itu.

Gabnor Turnbull tidak berputus asa. Bila-bila ada waktu yang baik, dia selalu menimbulkan lagi soal itu. Dari kesungguhannya itu, maka saya yakin dia adalah seorang yang sangat jujur buat diri saya. Walaupun dia seorang yang mewakili penjajah, tetapi saya tidak menaruh rasa benci kepadanya, sebaliknya dialah orang yang sedikit sebanyak ada meniupkan kesedaran dan rasa tanggungjawab saya kepada bangsa dan negara serta agama.

**S**ETAHUN kemudian, dalam tahun 1958 saya mengubah fikiran dan bersedia untuk berangkat ke United Kingdom bagi mengikuti kursus yang sewajarnya. Keputusan itu saya buat sendiri dan bukanlah atas desakan dari Gabnor Turnbull. Tetapi setidak-tidaknya cetusan fikiran Gabnor Turnbull mengilhamkan saya untuk berfikir panjang dan membuat keputusan sendiri. Antara yang mendorongkan saya membuat keputusan itu ialah ingin untuk memajukan diri saya dan mengubah kehidupan saya dari keadaan yang ada kepada keadaan yang lebih baik. Dengan keadaan itu nanti saya boleh memberikan khidmat yang lebih berkesan kepada Sabah dan rakyatnya.

Hujung tahun 1958 itu saya pergi ke Jesselton untuk menghadiri sidang Exco. Saya tinggal di rumah sahabat saya Encik Robert H. Hansen seorang pegawai polis berpangkat Superantendant. Saya kenal Hansen yang sekarang bergelar Datuk Sabah ketika beliau menjadi OCPD Kudat. Saya kenal rapat dengan isterinya Dorothy dan anak-anaknya Peter, Edward dan anak perempuannya Gillian. Pendek kata saya adalah sahabat kepada keluarga Hansen. Yang membolehkan saya bersahabat dengan mereka ialah kerana mereka tidak memilih bulu dan warna kulit. Mereka berdamping rapat dengan orang-orang Bumiputera. Itulah sebabnya saya suka tinggal di rumahnya bila saya ke Jesselton.

Robert Hansen ketika itu memangku jawatan Setiausaha Sulit Gabnor Turnbull untuk sementara waktu. Saya minta beliau membuatkan appointment dengan gabnor itu. Sejam kemudian saya diberitahu bahawa Gabnor Turnbull bersedia menemui saya sebelah petang di pejabatnya.

Beberapa ketika sebelum waktu yang dijanjikan saya sudah berada di kawasan pejabat gabnor. Memang saya sangat memberatkan disiplin bila saya membuat janji. Saya berusaha untuk menepati janji yang saya buat seboleh-bolehnya. Saya tidak mahu Gabnor Turnbull menunggu

saya. Biar saya menunggu dia. Kalau boleh saya juga tidak mahu menunggunya bila janji sudah dibuat.

Encik Hansen mengiringkan saya ke bilik gabnor. Hansen segera meninggalkan kami berdua sesudah saja kami bersalam dan mengambil tempat duduk masing-masing. Gabnor Turnbull menghulurkan rokok "Players No. 3." Sebaik saja saya selesai memasang api rokok gabnor itu terus masuk ke topik perbincangan.

"Datuk, apa yang hendak dirundingkan?" Gabnor Turnbull memulakan perbincangan.

Saya jawab, "Saya telah mengambil keputusan dan sedia bertolak ke England untuk melanjutkan pelajaran.

Dia tidak segera menjawab. Kedua-dua kami tidak berkata-kata seketika. Dia mengecam muka saya dengan pandangan yang sangat tajam. Untuk memecahkan kesunyian dia membuka mulutnya, "Nampaknya masih ada sesuatu yang merunsingkan Datu. Betulkah begitu?"

Dengan tidak teragak-agak lagi terus saya menjawab, "Ya, betul Tuan." Saya sendiri tidak pasti apakah Gabnor itu tahu apa masalah saya. Atau dia sengaja hendak mengada-adakan sesuatu bagi meninjau keadaan saya lebih jauh.

"Apa dia?" tanyanya.

Secara spontan saya menerangkan, "Bukanlah yang saya rungsingkan itu kerana umur saya yang sudah tua sedikit, tetapi saya mempunyai ramai anak yang harus saya beri nafkah dan di England pula sara hidup adalah mahal. Dan bila saya kembali dari England nanti tentu lebih merumitkan saya, kerana sebahagian besar dari penduduk Kudat menganggap saya sebagai pemimpin mereka ...."

Gabnor Turnbull terdiam lagi dan dia merenung saya lagi. Perlahan-lahan dia berkata, 'Saya sedia faham. Saya akan berangkat cuti pendek kerana kesihatan saya agak terganggu. Sesudah saya pergi nanti, maka Tuan R.N. Turner (Chief Secretary) akan memangku jawatan Gabnor buat sementara. Pada masa itu Datu pergi bertemu

dengannya. Saya akan beritahu kepada beliau supaya mengeluarkan lesen kayu balak untuk Datu sebagai Annual Licencee."

Dengan tidak payah diterangkan lagi bahawa saya sangat mengerti. Dengan pemberian lesen itu bererti saya tidak perlu bimbang dengan saraan hidup keluarga yang tinggal dan perbelanjaan saya yang akan berangkat ke England. Tentulah pemberian seperti itu tidak akan saya tolak.

Gabnor Turnbull menyambung, "Begin juga dengan pemergian Datu dan Datin ke England, akan saya uruskan. Segala mata pelajaran yang akan Datu ambil nanti juga akan saya uruskan."

Saya tidak segera mengucapkan terima kasih kepada pemberian yang saya tidak minta itu. Tetapi saya membuat pula pertanyaan:

"Kenapakah Tuan memberikan kepercayaan yang begitu besar kepada saya? Bukankah ramai lagi ketua-ketua dari kaum Bumiputera yang lebih bijak dan lebih pintar dari saya.....?"

Tidak sempat saya menghabiskan pertanyaan lalu dia memotong cakap saya, "I don't trust them. Please look after this country as I love it. Datu, you may go, and good luck."

**A**PA ada pada saya ketika itu? Tetapi Gabnor Turnbull telah meletakkan saya pada satu kedudukan yang telah menghilangkan segara rasa rendah diri saya dan saya tidak lagi takut dan segan silu dengan sekalian Orang Putih. Apa lagi bila Gabnor Turnbull kemudiannya telah memperkenalkan saya dengan orang kedua pentingnya dalam keluarga bangsawan Inggeris iaitu Putera Philip, suami Baginda Queen Elizabeth. Saya sempat sarapan pagi bersama Putera Philip semasa beliau

mewarai kawasan pertunjukan yang di bawah jagaan saya di Taman Ratu Philip di Tanjung Aru pada 1hb. Mac, 1959. Dalam beberapa hal, keadaan yang ada pada saya seolah-olah saya sudah menjadi orang merdeka walaupun negara saya masih belum merdeka. Saya mulai terasa bahawa sebagai manusia tidak ada apa-apa perbezaan antara saya sebagai anak jajahan dengan orang-orang Inggeris yang menjadi penjajah. Perbezaan nantinya berlaku apabila seseorang mempunyai pelajaran atau tidak. Dan sekarang saya sudah pun bersedia untuk berangkat ke England bagi menambah kekurangan saya dalam bidang pelajaran.

Orang-orang Inggeris ketika itu memang terkenal dengan kesombongannya. Sebagai kaum yang menjajah memanglah mereka menjaga kedudukan, dan mereka sengaja mahu merenggangkan hubungan antaranya dengan anak-anak tanah jajahan. Dengan hubungan seperti itu, maka anak tanah jajahan nantinya akan merasa rendah diri dan sentiasa memandangnya besar dan terhormat. Perasaan rendah diri di kalangan anak-anak tanah jajahan memang ada pada setiap orang, malah orang-orang yang berkedudukan baik termasuk anak-anak orang bangsawan yang mempunyai pelajaran juga ada yang tidak berani dengan orang-orang Inggeris. Begitulah licinnya muslihat penjajah menghadapi orang-orang yang di bawah daerah pengaruhnya. Pengalaman-pengalaman yang saya lalui banyak telah menyedarkan saya.

Satu peristiwa yang saya kita zalim berlaku semasa pemerintahan British Chartered Company di North Borneo (Sabah) dalam tahun 1935. Kejadian itu adalah antara seorang pegawai Inggeris dengan dua orang Bumiputera dari kaum Dusun-Rungus. Kedua-dua mereka adalah dari Kudat dan telah didakwa di mahkamah atas tuduhan lambat bangun memberi tabik hormat kepada Pegawai Daerah Inggeris itu. Saya sendiri telah menjadi juru bahasa dari Bahasa Dusun-Rungus kepada Bahasa Melayu.

Pegawai itu menyuruh saya bertanya kepada yang dituduh adakah mereka mengaku salah atau tidak.

Kedua mereka menjawab, "Salah apa Tuan?"

Pegawai Daerah itu terus menengking, "Jangan banyak cakap. Akur salah atau tidak?"

Mereka menjawab, "Kami tidak akur salah."

Dia lalu dengan tidak teragak-agak lagi menjatuhkan hukum, "Baiklah. Tiap-tiap seorang dari kamu kena hukum penjara dua minggu."

Saya sangat sedih dan mengira yang pegawai itu sangat kejam.

**S**ATU peristiwa lagi berlaku ke atas diri saya sendiri dalam tahun 1938. Ceritanya demikian: Satu pagi saya masuk pejabat pukul 8.45. Tiba-tiba seorang budak pejabat datang memberitahu saya, "Tuan DO panggil sama Datu."

Ketika itu saya sudah menjadi Kerani Anak Negeri (Native Clerk).

Saya pun tidaklah berlengah lagi, terus masuk ke bilik pejabat DO Inggeris itu. "Selamat pagi Tuan," hormat saya kepadanya.

Pegawai itu tidak langsung menjawab ucapan selamat saya kepadanya, terus bertanya, "Kenapa engkau lambat datang pagi ini?"

"Tidak lambat Tuan. Saya sudah masuk pejabat pukul 8.45 tadi," jawab saya terus terang.

Dia terlalu marah mendengar jawapan itu. Saya tidak tahu apa sebabnya. Dengan suara keras yang marah dia memberikan perintah lagi, "Tidak! Engkau mesti berada dalam pejabat ini tidak lewat daripada pukul 8.30 pagi."

Saya menjawabnya, "Tuan. Bukankah peraturan bekerja ialah dari pukul 9 pagi dan kemudian keluar rehat dari pukul satu sampai pukul dua. Dan dari pukul dua nanti hingga pukul empat petang."

Dia lalu menyergah saya. Katanya, "Gaji engkau dipotong satu hari iaitu hari ini." Saya berasa cukup geram kepada pegawai itu, tetapi apalah yang dapat saya buat terhadapnya.

Saya tahu saya tidak bersalah, tetapi sesungguhnya nasib saya sebenarnya malang. Esoknya saya masuk ke pejabat tepat pukul 8.30 pagi. Seorang budak pejabat sudah sedia menunggu ketibaan saya. "Tuan DO mahu jumpa Datu," ujarnya. Rupanya DO itu datang lebih awal dan saya tidak tahu apa pula yang dikehendakinya lagi dengan tidak menunggu-nunggu terus ke bilik Pegawai Daerah.

Belum sempat saya bercakap apa-apa, dia terus mengherdik, "Mengapa engkau lambat lagi masuk pejabat pagi ini?"

"Tidak Tuan," saya membela diri. "Saya masuk tepat pukul 8.30 sebagai yang Tuan beritahu pagi semalam."

Terus dipotongnya cakap saya, "Diam!" katanya dengan muka yang marah.

Saya juga ikut marah terhadap sikapnya dan secara spontan saya menjawab, "Apakah Tuan sudah gila?" Saya tidak berkata apa-apa lagi. Tanpa menunggu jawapannya saya terus keluar dari bilik itu.

Setengah jam kemudian saya dipanggil pula oleh Penolong Pegawai Daerah, Tsen Shau Kong. Dia memberitahu, "Datu, Tuan DO memerintahkan kepada saya bahawa hari ini Datu bekerja dengan tidak bergaji....."

Wah! Mendidih rasanya hati saya. Sudah dua hari saya tidak bergaji sekarang, dan saya tidak sedar mengeluarkan perkataan kesat, "Orang Putih bangsat. Kejam." Sehari saya tidak bercakap dengan sesiapa hari itu. Tetapi kepada siapa saya hendak mengadu. Tuan DO adalah orang yang paling berkuasa di situ.

Dengan takdir Allah, saya masih ingat esoknya iaitu hari Rabu. Tuan Pegawai Daerah itu mengarahkan kepada seorang sahabat saya Ismail bin Ali, yang menjadi imam masjid Kudat, supaya mengatur satu perlawanan bola secara persahabatan antara orang bujang dan orang kelamin.

Ismail bin Ali yang bertugas sebagai orderly di Pejabat Pos itu diarahkan memungut nama-nama pemain dan mengatur permainan itu. Saya memberitahu Ismail bahawa saya akan bermain dalam pasukan orang bujang.

"Mengapa Datu? Bukankan Datu punya isteri?" Ismail kehairanan bertanya.

Saya menjawab, "Benar saya beristeri, tetapi sekarang isteri saya balik kampung. Jadilah saya sekarang orang bujang."

Tetapi Ismail menaruh syak bahawa saya menaruh sesuatu niat. Dia tahu saya bertengkar dengan Tuan DO dan dalam perlawanan itu Tuan DO bermain bagi pasukan orang beristeri.

Setengah jam kemudian budak pejabat datang lagi. "Tuan DO mahu jumpa," katanya. Hati saya berdebar-debar lagi. Mungkin pula sehari lagi saya kerja tanpa gaji kerana engkar, tidak bermain dalam pasukannya seperti biasa. Kalaulah gaji saya dipotong lagi, kali ini saya sudah berniat, bahawa pegawai Inggeris itu akan saya tumbuk.

Bila saya berhadapan dengannya, dia terus bertanya, "Mengapa kamu bermain dalam pasukan orang bujang?"

Saya menjelaskan, "Mengikut adat kami Tuan, kalauolah isteri itu balik ke kampung, bermaknalah bujang sementara."

Dia terus menghina saya, "Memanglah adat orang Suluk busuk. Pergi."

Bila waktu bermain tiba, saya mengambil tempat centre-half. Saya tahu pegawai Inggeris itu bermain centre-forward. Dia mula-mula membawa bola naik ke arah pasukan saya. Saya memang sudah mengambil keputusan

untuk menghadapinya. Fikiran saya sudah nekad, sama ada saya yang patah atau Orang Putih itu yang patah kakinya. Melihatkan peluang itu dengan tidak membuang masa saya mengucapkan kalimah "Bismillah" dengan memejamkan mata saya hayun kaki kiri ke betis Orang Putih itu.

Orang tidak boleh menuduh sebarang kepada saya kerana pada kenyataannya saya berhadapan dengannya ialah kerana hendak merebut bola yang di kakinya. Dan bila saya menghayunkan kaki, adalah kerana hendak menyepak bola, tetapi apa boleh buat sudah terkena kakinya. Memang dalam permainan bola seperti itu ramai orang yang tersepakkan kaki orang bila hendak menyepak bola. Apa juga yang berlaku dalam padang bola, ia adalah satu kemalangan. Siapa yang malang saya belum pasti.

Saya mendengar bunyi meletup. Saya sedar diri saya terduduk di atas padang. Saya rasa dan urut betis saya. Kebas rasanya. Saya lihat Orang Putih itu juga terduduk dan mengurut-urut kakinya kira-kira enam depa jauhnya dari tempat saya. Saya bangun dan cuba kijak-kijak kaki saya ke bumi. Saya juga bimbang mana tahu kalau saya yang patah. Saya dapati saya boleh berjalan dan tidak cedera. Hanya kulit tulang kering saja yang kelihatan merah.

Tetapi Orang Putih itu tidak dapat lagi berdiri. Sejurus kemudian pengadil (referee) dan seorang yang lain saya tidak pasti siapa, memapah Pegawai Daerah itu dibawa keluar padang. Dia dipapah ke keretanya dan dipandu sendiri oleh isterinya pulang ke rumah. Permainan telah diberhentikan oleh pengadil.

Salah seorang dari rakan saya bertanya kepada pengadil "Patahkah kaki Orang Putih itu?"

Pengadil menjawab, Barangkali tidak patah, tetapi kulit tulang keringnya pecah."

Besoknya saya telah berada lebih awal di pejabat. Pukul 7 pagi saya sudah berada di pejabat. Saya percaya

bahawa Orang Putih itu akan mengadakan satu tindakan balas. Saya sendiri ketika itu sudah berniat tidak baik, maklumlah darah masih muda. Kiranya pegawai Inggeris itu memaki dan menghina saya lagi, kemungkinan saya akan menikamnya dengan pisau belati yang paling tajam dan saya akan mengamuk. Saya tahu, kalau saya sudah melakukan penikaman itu, sudah tentu saya akan dihadapkan ke mahkamah dan akan digantung sampai mati. Itulah fikiran yang berlegar di kepala saya sementara menunggu kalau saya dipanggil lagi.

Pukul 9 pagi budak pejabat datang lagi. "Tuan DO panggil," katanya. Saya merasakan masanya telah pun tiba. Tidak membuang masa saya terus ke bilik Tuan DO. Hari itu saya pakai baju kot dan pisau belati saya selitkan di pinggang sebelah kanan supaya mudah dicabut dengan tangan kiri.

Bila kami berhadapan, dia memandang muka saya. Dia tidak bercakap-cakap. Saya hanya membisu saja. Maklumlah orang bawah dan berhadapan dengan ketua yang boleh mengenakan apa juga hukum ke atas saya. Dia pandang saya dan saya pandang dia. Tiga minit kira-kira dalam keadaan begitu. Mata saya tidak berkelip kerana memerhatikan tangannya mana tahu kalau-kalau dia meraba pistolnya.

Pegawai itu kemudianya memecah kesunyian. "Apa Datu sudah buat pada saya kelmarin di padang bola?" tanyanya selamba.

"Saya tidak ingat apa yang berlaku," jawab saya dan menyambung, "yang saya ingat cuma permainan telah diberhentikan."

Pegawai itu merenung muka saya lagi beberapa saat dan ferus katanya, "Mari ikut saya ke Treasury," sambil dia bangun dari kerusi dengan bertongkat. Dia hanya boleh berjalan dengan kaki kanan saja, manakala kaki kirinya tidak boleh menjek bumi. Saya sangat kasihan pula melihatnya lalu saya apit lengan kirinya bagi membantunya

berjalan. Apabila kami sampai di Treasury dia bercakap dengan Penolong Pegawai Daerah dan Tukang Wang, "Kasi balik wang gaji Datu yang sudah dipotong itu. Kalau tidak mungkin dia akan bunuh saya."

Mendengarkan kata-katanya itu saya segera minta maaf. Dan saya sebenarnya sangat mudah lembut kalau orang sudah berlembut. "Saya tidak sengaja," saya terangkan kepadanya tentang kejadian di padang bola semalam.

Dia merenung saya dengan pandangan yang sangat tajam. Katanya, "Mana boleh tidak sengaja. Tetapi tidak mengapa, lupakan saja hal semalam. Lain kali kamu tidak boleh bermain dalam pasukan yang berlawan dengan saya."

Mulai hari itu sikap pegawai itu berubah, tidak saja terhadap diri saya, malah terhadap lain-lain kakitangan pejabat dan orang-orang dari luar. Dia melayan orang dari kawasan Kudat yang datang ke pejabat dengan cara yang baik.

**S**ATU lagi peristiwa yang saya kira zalim dan paling tidak adil berlaku dalam tahun 1952. Saya telah diberi oleh kerajaan satu kawasan perusahaan kulit kayu tangar di Sungai Sabur, Pulau Banggi. Kulit kayu ini dijual kepada orang Filipina dan mereka gunakan untuk ramuan minum bersama tuak. Kawasan itu saya pajakkan kepada orang Filipina yang berasal dari Pulau Bohol.

Dalam perjanjiannya, mereka ambil kulit tangar itu dan kayunya diberikan kepada saya. Orang-orang Filipina itu datang dengan menaiki perahu yang mereka panggil "Banca." Sebuah banca muat 25 orang. Sebuah banca boleh muat kira-kira sepuluh ribu batang tangar yang kira-kira tiga kaki panjang. Kayu itu saya eksport ke Hong Kong bagi dijadikan kayu api. Hong Kong ketika itu masih

banyak yang memakai dapur kayu api dan setengahnya digunakan untuk kilang-kilang. Saya bertanggungjawab terhadap pembayaran leseninya kepada Kerajaan Sabah.

Ketika itu datang seorang Pegawai Daerah yang baru di Kudat dari bangsa New Zealand. Pada ketika yang sama saya ada beberapa orang tetamu tentera Inggeris yang datang dari Seletar Singapura. Tentera Inggeris itu datang berehat-rehat di Kudat. Mereka ialah Flight Lieutenant Johnson, Flying Officer Swalwell dan tiga orang lagi. Mereka datang dengan kapal terbang yang boleh turun di air jenis Sunderland. Mereka datang kerana cuti selama lima hari.

Saya terpaksa melayan tetamu saya dengan cara yang sebaik-baiknya dan terbukti bahawa mereka sangat gembira semasa bersama-sama saya di Kudat. Bagi membalaik jasa baik saya, mereka telah mempelawa saya dan beberapa orang lagi sahabat saya di Kudat untuk menaiki kapal terbang dan berpusing-pusing di sekitar ruang angkasa Kudat hingga ke Pulau Banggi.

Saya tidak pasti mengapa dengan tiba-tiba Pegawai Daerah hendak berangkat ke Pulau Banggi. Adakah kerana dia cemburu saya terlalu berbaik-baik dengan orang-orang Inggeris yang datang dari Singapura itu. Ketika saya sedang mencuci injin bot sangkut (outboard) di jambatan kastam Kudat dengan dibantu oleh anggota-anggota tentera udara diraja British itu tiba-tiba saya lihat Pegawai Daerah bersama isterinya datang membawa barang-barang makanan cukup untuk dua atau tiga hari. Dia hendak berangkat ke Pulau Banggi dengan kapal "Langisan."

Saya beritahu kepadanya biasanya kalau Pegawai Daerah hendak ke Pulau Banggi, atau hendak keluar dari Kudat, sayalah yang mengiringinya. Bagaimana pemergian ini dibuat dengan mengejut? Dia menjawab, "Saya nak bawa mem makan angin dan Datu tak payah ikut kerana nanti tidak ada orang mahu melayan tuan-tuan kapal

terbang ini." Saya terasa seolah-olah dia menyindir saya. Dan saya pun tak berkata apa-apa.

Besoknya saya dapat kapal "Langsian" pulang dengan menarik tiga buah perahu "banca." Orang-orang dalam banca itu adalah orang-orang yang bertugas untuk mengambil kulit kayu tangar yang mengikat janji dengan saya dulu. Terus saya hampiri kapal Langsian dan bertanya halnya dari Pegawai Daerah. Dia memberitahu saya bahawa orang-orang itu mencuri kulit kayu tangar.

Terus kemudiannya saya bertanya pula dari nakhoda perahu "banca" akan keadaan sebenar. Mereka menerangkan yang mereka tidak tahu apa-apa. Kata nakhoda itu, "sedang kami mengambil kulit kayu, Orang Putih ini datang ke Sungai Sabur dan terus memberkas dan menarik kami ke sini (Kudat) dan menuduh kami mencuri."

Orang-orang Filipina itu ditangkap atas tuduhan mencuri. Tetapi apa buktinya? Mereka adalah orang-orang yang bekerja atas kawasan concession yang ada lesen dari kerajaan. Sejauh mana penyiasatan telah dilakukan terhadap mereka?

Tetapi Pegawai Daerah itu yakin benar, "Mereka telah mencuri kulit kayu tangar di Pulau Panukaran dan Pulau Modom."

Saya tanya lagi pegawai itu, "Adakah Tuan dapat mereka mengambil kulit kayu itu di atas pulau yang Tuan katakan itu?"

"Tidak," jawabnya. "Tetapi kulit kayu tangar di dua buah pulau itu telah dicuri ....."

Dengan berani saya membela mereka, "Tuan! Tidak adil Tuan menuduh mereka mencurinya kerana Tuan tidak dapat mereka di pulau itu."

Dia berkeras juga. "Sudah pasti mereka mencurinya. Mana ada orang lain?" katanya untuk membetulkan tindakannya.

Saya ingatkan pegawai itu, "Tuan tidak boleh menuduh mencuri kepada sesiapa pun hanya dengan

sangkaan dan tidak punya bukti."

Dia kemudian memberi amaran kepada saya, "Datu jangan tolong orang-orang yang membuat kesalahan dan yang melanggar undang-undang." Suaranya mulai kasar dan saya pun mulai naik darah. Saya kemudiannya berdiam dan hendak melihat apa tindakan yang akan dilakukannya nanti.

Pagi esoknya orang-orang Filipina yang bekerja dengan saya itu dihadapkan ke mahkamah dan Pegawai Daerah itu sendiri yang membicarakannya. Setiap orang daripada mereka dikenakan hukuman denda \$50. Perahu dan barang-barang muatannya dirampas. Ketua kampung Pulau Panukaran dan Ketua Kampung Pulau Modom juga didenda \$50 seorang kerana tidak menjalankan tanggung-jawab mereka di tempat masing-masing.

Selepas perbicaraan itu saya terus berjumpa dengan Pegawai Daerah itu bagi membantah langkah yang telah diambilnya. Terus terang saya katakan bahawa perbicaraan yang dijalankannya itu tidak sah.

Alasan saya sangat mudah. "Tuan sendiri menangkap mereka dan Tuan sendiri pula yang membicarakannya. Kemudian Tuan denda pula Ketua-ketua kampung itu. Ketua Kampung itu tidak dibayar gajinya oleh kerajaan. Kerajaan cuma memberi commission 10 sen saja kepada Ketua Kampung itu bagi setiap orang yang membayar cukai (Poll-tax) Lagipun pada ketika kejadian itu kedua-dua ketua kampung itu tidak berada di tempat masing-masing. Seorang berada di Pulau Jambangan dan seorang lagi di Sungai Kanibongan. Mereka mencari nafkah untuk isteri dan keluarga mereka ....."

Dia sangat angkuh. Katanya, "Datu jangan banyak cakap. Ini adalah masalah saya dan saya punya kuasa."

Saya tidak boleh lagi melawan orang yang tidak mahu mendengar hujah-hujah dan alasan. Dia sudah tidak lagi menghormati saya sebagai sifat saya Native Chief. Saya terus pulang ke rumah. Saya ambil surat kuasa sebagai

Native Chief atau Ketua Anak Negeri, dan segala Bintang-bintang dan pingat yang diberi oleh British atas jasa-jasa saya dalam perjuangan dalam Perang Dunia Kedua. Saya bawa semuanya balik ke bilik Pegawai Daerah itu dan saya campakkan semuanya ke atas mejanya.

Saya katakan kepadanya, "Nah! Ambillah harta nenek moyang awak, dan saya tidak pernah lihat seorang pegawai Orang Putih bangsat seperti awak." Marah betul saya kepadanya.

Saya lihat dia hendak bangkit dari tempat duduknya. Mungkin untuk menerkam saya, tetapi tangan saya lebih cekap untuk menyambar sebatang kayu bulat jenis kayu merbau kira-kira satu kaki setengah panjang. Kayu itu digunakan untuk penggaris kertas (roller) dan saya genggam kayu itu seolah-olah menggenggam sebilah pedang yang tajam.

"Awak jangan cuba bangun kalau awak mahu jumpa lagi awak punya bini," amaran saya kepadanya. Roller di tangan saya sengaja saya acu-acukan ke mukanya. Saya marah dia atas perbuatannya. Ketika itu saya nampak dari hujung mata saya Ketua Kerani datang untuk mengaman-kan saya. Ketua Kerani itu ikut saya marah. Kata saya kepada kerani itu, "Mr. Chong, awak jangan campur, nanti awak sama ikut maut. Ketua Kerani itu berundur semula ke biliknya. Pegawai Daerah itu terdiam dan duduk tidak bergerak seolah-olah kayu tungkul. Sesudah saya bahasakan dia cukup-cukup saya keluar dari biliknya dengan roller tergenggam di tangan. Saya terus balik ke rumah.

Saya bimbang kalau Orang Putih itu memerintahkan polis untuk bertindak terhadap saya. Saya pun mengambil senapang dan peluru. Saya sediakan lima magazine peluru senapang carbine jenis Amerika dan pistol automatik jenis .45 Calibre. Kemudian saya beritahu isteri saya, Rahmah supaya bersiap kerana hendak berangkat ke Pulau Banggi. Di tengah jalan saya teringat sahabat-sahabat dari Seletar tadi yang berada di rumah rehat. Saya suruh isteri

saya terus ke pengkalan dulu kerana saya mahu berjumpa tetamu-tetamu saya. Mereka bersimpati dengan saya nampaknya. Tentera-tentera Inggeris itu tahu yang saya ketika itu memang sedia untuk bergaduh. Gaya saya betul-betul macam cowboy dengan senapang tersandang di belakang dan pistol tergantung di pinggang sebelah kiri. Cuma saya tidak berkuda. Mereka bagaimanapun menasihatkan saya agar bersabar dan bertenang. Saya sangat berterima kasih atas nasihat sahabat-sahabat saya itu.

Dari situ saya berjalan ke pengkalan. Isteri dan anak-anak saya sudah menunggu untuk berangkat. Kami terus belayar ke Pulau Banggi. Hanya sehari saya berehat di Pulau Panukaran untuk membolehkan saya menulis surat kepada Gabnor Sir Ralph Hone dan salinannya kepada tiga Resident dan Pegawai Daerah Kudat. Saya terangkan segala peristiwa yang berlaku dan seterusnya saya meletakkan jawatan dari Native Chief. Kemudian saya pun terus belayar ke Cagayan, Filipina dan menetap di sana selama empat bulan.

Dengan sebab kejadian itulah maka kerajaan North Borneo (Sabah) membuat satu undang-undang iaitu tidak dibenarkan sekali-kali seorang Pegawai Pentadbir Orang Putih melakukan tangkapan dan dia sendiri yang membicarakannya.

Walaupun dalam beberapa hal saya bertindak keras, tetapi saya berpuas hati, langkah-langkah yang saya ambil itu telah membuat beberapa perubahan dan menyedarkan setengah pegawai-pegawai Inggeris.

**P**ADA hemat saya bukan sekalian pegawai Inggeris itu sompong dan kejam. Ada juga antara mereka yang baik dan bertimbang rasa seperti Gabnor Sir Ralph Hone, Mr. George Robertson, Gabnor Sir Roland Turnbull, G.R. Hedly dan Peter Edge. Mereka telah memberikan

khidmat yang baik sesuai dengan sifat mereka pegawai yang dikirim oleh penjajah. Memang benar ada di antara pegawai itu yang sompong dan kejam, tetapi tidak munasabah kita meletakkan satu cap dan level kejam kepada semua pegawai Inggeris. Cara mereka mentadbir sangat saya sanjung tinggi, tetapi saya tidak bersetuju dengan mereka kerana mereka adalah penjajah dan tiada sebab yang mereka lebih berhak dari anak negeri yang menjadi tuan punya negeri ini.

Walaupun ada antara pegawai-pegawai tadbir Inggeris itu yang menindas, tetapi saya kira penindasan itu masih lembut kiranya dibandingkan dengan penindasan pemerintahan komunis. Dalam penjajahan Inggeris, kebebasan beribadat masih dijamin. Tetapi tidak dalam pemerintahan komunis. Bagaimanapun kedua-duanya adalah asing bagi kita yang berjiwa merdeka.

Saya tahu budibicara orang-orang asing ini kerana saya banyak bergaul dengan mereka. Saya banyak bercampur dengan Orang Putih. Saya berkawan dengan mereka bukanlah kerana saya terpengaruh atau hendak menjadi seperti Orang Putih. Saya tahu kedudukan saya yang kurang pelajaran disebabkan peluang bersekolah terlalu singkat. Peluang untuk menambah pelajaran bagi saya ialah dengan bergaul dengan orang yang lebih pandai. Kalau kita bercampur dengan mereka, sedikit sebanyak buah fikiran mereka dapat kita timba dan pelajaran mereka sedikit sebanyak dapat kita pelajari. Orang-orang Inggeris rata-rata ada pelajaran. Dengan berdamping dengan mereka dapatlah sedikit sebanyak saya memahami masalah dunia dan bagaimana hendak hidup sebagai bangsa yang maju.

Antara Orang Putih yang menjadi sahabat saya yang saya kira sangat luas bergaul dengan orang-orang tempatan ialah John Nicholson. Dia berbeza dengan lain-lain pegawai Inggeris. Dia tidak sekadar bergaul dan

berbual dengan Bumiputera, malah cara hidupnya sudah macam Bumiputera. Makan dengan tangan dan makanannya adalah terdiri dari ulam-ulam dan apa yang dimakan oleh orang Melayu. Walaupun usianya sudah lanjut dia tidak beristeri.

John Nicholson sering berbual-bual dengan saya tentang kemajuan dan kemerdekaan. Dalam percakapannya dengan Ketua-ketua Kampung sering dia menimbulkan: Kamu hendaklah rajin-rajin belajar dan berusaha melengkapkan diri kamu, kerana negeri ini lambat laun akan diserahkan semula oleh kerajaan Inggeris kepada Bumiputera.

Dengan kata-katanya itu saya teringat akan pesanan Gabnor Sir Roland Turnbull satu ketika kepada saya yang bunyinya kira-kira begini: Datu, you have to equip yourself from now on. As the British government sooner or later has to return back this country to the local people.

Saya masih teringat yang saya bertanya kepadanya: "Kalauolah British menyerahkan negeri ini dengan begitu segera, saya bimbang rakyat negeri ini belum ada kemampuan untuk berdiri di atas kaki sendiri. Kenapa dengan segera British hendak menyerahkannya?"

Gabnor Turnbull menjawab, "Ya!!! Memang British mahu tinggal lebih lama di negeri ini. Tetapi Bangsa-bangsa Bersatu mendesak bahawa semua tanah jajahan hendaklah dibebaskan."

John Nicholson yang baik tadi kini menetap di Sabah dan telah memeluk agama Islam. Dia telah dianugerahkan gelaran Datuk Sabah. Kini dikenali dengan Datuk Haji Mohammad Noor Nicholson bertugas di Syarikat Utusan Kinabalu di Kota Kinabalu.

Pada 14hb. Mac, 1959 saya pun berangkatlah dari Singapura dengan kapal terbang Syarikat Qantas (Propellor) dan sampai di London pada 15 Mac. Segala atur cara pemergian saya ke London diuruskan oleh Training officer, Mrs. Norah Wright, Secretariat Jesselton dengan

kerjasama British Council, Mr. Hardwick di Singapura. Di London pula saya dijaga oleh seorang pegawai British Council, Mr. Tommy Thomas. Pejabatnya di Davies's Street, London, W1.

**S**AYA mulai menghadiri kursus di bangunan Parlimen London selama dua minggu. Seramai 42 orang peserta mengikuti kursus itu. Masing-masing datang dari Afrika, Aden, India dan Fiji. Hanya saya seorang dari Asia Tenggara. Selepas kursus itu kami dihantar pula ke Belfast, Ireland guna menjalani kursus dua minggu juga yang berlangsung di Stormont House of Parliament. Selepas itu saya pun balik ke London untuk memulakan kursus dalam bahasa Inggeris.

Saya menjadi seorang pelajar yang sangat sibuk ketika itu. Pada sebelah petang saya mengambil bahagian pertanian bagi menambah pelajaran yang telah saya pelajari di Maktab Pertanian Serdang dulu. Sebelah malam pula saya belajar sains politik dari dua orang peguam yang berganti-ganti seorang satu malam. Saya menggunakan sepenuh masa saya untuk belajar dan menambah ilmu pengetahuan. Boleh dikatakan saya tidur empat jam sahaja satu malam. Sedikit masa rehat yang terluang habis saya gunakan di Hyde Park Corner dan di Marble Arch bagi mendengar pidato bebas dari siapa saja.

Saya memang rajin pergi ke Hyde Park Corner dan Marble Arch. Boleh dikatakan hampir tiap-tiap hari Sabtu dan Ahad. Selain dari mendengar pidato-pidato, saya juga suka memerhatikan kupu-kupu Orang Putih dan Orang Hitam yang berkeliaran di kawasan itu. Kumpulan mereka nampaknya macam ikan bilis - banyak dan murah. Dan pada ketika itu belum dikuatkuasakan undang-undang melarang wanita-wanita yang tidak bermoral membuat business secara bebas dan terbuka.

Saya kadang-kadang geli sendirian melihat telatah mereka. Dan saya masih ingat dan geli apabila salah seorang dari wanita-wanita genit menghampiri saya dan dengan tidak segan-segan lalu bertanya saya, "Hallo darling, short time?"

Saya berdiam diri dan senyum saja. Sekali sekala ada juga darah muda naik dan hampir-hampir hendak terpesong, tetapi cepat saya teringat, kalau-lah saya turut hawa nafsu muda, sudah pasti saya gagal dalam mencapai cita-cita sebenar saya datang ke London.

Datuk Alif bin O.K.K. Hj. Arshad dan Datuk Parman, ketika itu adalah guru dan belum bergelar Datuk sering menemani saya mengunjungi Hyde Park Corner. Kedua-dua cikgu itu ketika itu menjalani kursus perguruan di Redland College di Bristol. Datuk Alif telah meninggal dunia tahun 1976.

Mula-mula saya mendengar ucapan di Hyde Park dan Marble Arch saya berasa takut. Bidasan dan cercaan tidak berselindung lagi. Yang sering menjadi sasaran ialah kerajaan-kerajaan Afrika Selatan, Yugoslavia, Perancis, Jerman, Russia, Itali, Sepanyol, Amerika, China dan British. Kebanyakannya kritik-kritik mereka berkisar sekitar penjajahan. Mereka menuduh kumpulan penjajah mengadakan undang-undang dalam negara yang mereka duduki dan menekan orang-orang tempatan secara kuku besi.

Kadang-kadang saya geli hati mendengar hujah-hujah yang dikeluarkan. Umpamanya satu ketika dari satu sudut saya dengar seorang mengingatkan kerajaan British. Katanya, "Sepatutnya kerajaan British patut melambatkan memberi kemerdekaan kepada Kenya. Kalau-lah rakyat Kenya tidak diberi cukup masa untuk melengkapkan diri mereka sudah barang tentu nantinya Kenya akan dikuasai oleh bangsa India."

Soal yang sama juga ditimbulkan tentang membangunkan Pulau Fiji yang menuntut kemerdekaan dari

British. Majoriti penduduknya adalah orang keturunan India. Hujah-hujah mereka nanti dijawab pula oleh pihak lain. Dan dari satu sudut yang agak jauh sedikit ada pula saya terdengar seorang pemidato mengingatkan puak imperialis supaya segera memerdekaan tanah jajahan mereka, kalau tidak puak komunis akan mengambil kesempatan. Orang-orang berucap ada yang hitam, ada yang putih dan ada juga yang kuning. Begitu juga orang yang mendengarnya. Perkara yang diucapkan juga bermacam-macam, dari soal politik hingga hal masalah sosial dan sebagainya. Ada kalanya orang yang memberikan syarahan itu bercakap seperti orang gila, dan seringkali pula orang yang demikian sifatnya tadi membuat tuduhan kepada pemidato-pemidato yang lain sebagai gila.

Walaupun banyak juga perkara yang ditimbulkan di situ adalah perkara kosong, tetapi banyak juga perkara yang baik-baik yang boleh membuka fikiran kita. Saya tidak pernah menganggap pergi ke situ sebagai membuang masa. Banyak perkara dan persoalan dunia telah saya pelajari daripada mendengar ucapan-ucapan di situ.

**S**AYA sepatutnya berada di London selama dua tahun. Tetapi kerana kematian seorang ahli Exco kanan kerajaan Sabah, Phillip Lee Thau Sang, saya terpaksa balik ke Sabah. Ketika itu saya hanya baru kira-kira setahun saja di London. Pelajaran yang saya perolehi baru kira-kira separuh saja. Kepulangan saya itu adalah untuk sementara saja bagi menyelesaikan beberapa persoalan negeri berikut dengan kematian mendiang Phillip Lee. Saya diperlukan berada di Sabah kerana kehadiran saya boleh menyelesaikan beberapa masalah sepeninggalan Phillip Lee. Di samping itu juga mengalu-alukan kedatangan Gabenor baru Sir William Goode.

Ketika saya kembali, tahun 1960, suasana di Sabah nampaknya mulai rancak. Orang-orangnya sudah mula

cenderung untuk bergiat dalam politik. Dan persediaan saya pergi belajar ke London setahun lalu seolah-olah kena benar dengan keadaannya. Melihat kepada pergolakan itu maka rancangan pulang sekejap tadi menjadi pulang untuk selama-lamanya. Saya membatalkan rancangan untuk pulang semula ke London. Dalam saat seperti itulah pula YTM Tunku Abdul Rahman Putra mencadangkan pembentukan Malaysia dalam ucapannya kepada wartawan Asia di Singapura. Saya seperti orang mengantuk disorongkan bantal, lalu terus melibatkan diri dalam politik dan soal belajar di London sudah tidak timbul lagi. Dengan latar belakang seperti inilah saya menceburkan diri dalam politik dan dengan latar belakang ini jugalah saya hendak menjadi Yang Dipertua Negara. Adakah layak bagi saya memegang jawatan yang penting dalam Sabah yang merdeka dengan latar belakang pelajaran tadi?

Ahli-ahli Majlis Tertinggi USNO, mahu tidak mahu terpaksa menerima alasan yang saya berikan mengapa saya tidak boleh memilih jawatan Ketua Menteri ketika itu. Kebanyakan dari mereka memahami keputusan yang saya buat dan mereka seolah-olah nampak akan masalah yang bakal dihadapi. Dengan persetujuan merekalah maka saya menyetujui supaya Perikatan Sabah mengadakan mesyuarat bagi menentukan siapa jadi Yang Dipertua Negara dan siapa jadi Ketua Menteri.

Suatu yang nyata ialah Donald Stephens dan rakan-rakannya adalah berusaha keras untuk mendapatkan jawatan Ketua Menteri. Fikiran yang ada pada mereka tentunya sama saja dengan apa yang kami rasakan dalam USNO. Dan bila mesyuarat jawatankuasa Perikatan Sabah bermula saja, maka saya tidak teragak-agak lagi untuk memberitahu para anggota semua, bahawa USNO telah pun membuat keputusan untuk mengambil jawatan Yang Dipertua Negara.

Bukan main lagi seronoknya Donald. Dia segera bangun dan berpeluk-peluk dengan Peter Mojuntin.

Bahawa mereka sangat riang kerana memenangi satu perjuangan secara percuma. Air muka mereka jelas membayangkan betapa puas hatinya mereka akan perkembangan yang mereka sendiri tidak sangka itu.

Mereka memang tidak memikirkan bahawa mereka boleh dapat jawatan itu sebegitu mudah. Bagaimanapun mereka memang bercadang untuk memperjuangkannya. Dan kiranya ada perlawanan, maka belumlah dipastikan mereka boleh dapat jawatan itu.

Dengan adanya kerelaan dari pihak USNO untuk memberikan jawatan yang paling penting kepada UNKO itu, maka saya meminta Perikatan Sabah memasukkan dalam minit mesyuarat bahawa sebarang tindakan dan langkah yang hendak dilakukan oleh Ketua Menteri dan kabinet hendaklah terlebih dahulu dirundingkan dan disetujui oleh Yang Dipertua Negara. Perkara itu tidak termasuk dalam perlombagaan, tetapi atas dasar persetujuan sesama sendiri di kalangan kerabat Perikatan Sabah, maka eloklah perkara itu diadakan bagi membolehkan kerajaan berjalan secara kolektif. Kemahuan saya itu tidak sukar untuk disetujui dan inilah kekuatan yang ada pada saya bila saya memegang jawatan Yang Dipertua Negara.

Bagaimanapun persetujuan itu adalah satu "Gentleman agreement" saja. Saya tidak boleh buat apa-apa kiranya Ketua Menteri tidak dapat mematuhi kehendak itu. Ada tidaknya saya bolehlah merujuk perkara itu kepada parti, dan kiranya hal-hal seperti ini berlaku, yang terbayang ialah krisis.

**G**ABNOR William Goode terpaksa meninggalkan Sabah pada petang 15 September, 1963 sehari sebelum Malaysia lahir. Dia berangkat dari Pelabuhan Jesselton dengan kapal perang HMS Lion. Tempat yang dikosongkannya itulah terpaksa saya ambil. Tetapi saya

tidak jadi gabnor. Saya tidak jadi wakil mutlak kerajaan penjajah. Saya jadi Yang Dipertua Negara yang pertama bagi Sabah yang menjadi satu unit dari Persekutuan Malaysia.

Besoknya pada 16 September, 1963 suatu istiadat bersejarah yang gilang-gemilang telah diadakan di Padang Bandar Jesselton bagi mengisytiharkan kelahiran Malaysia dan Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia. Saya telah menjalankan acara mengangkat sumpah sebagai Yang Dipertua Negara dan Donald Stephens pula mengadakan acara mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri. Tun Razak yang datang membawa surat watikah perlantikan Yang Dipertua Negara dari Seri Paduka Yang Dipertuan Agung menyaksikan acara tersebut.

Dan dengan demikian secara rasmi saya pun dikira bersara dari politik yang baru saja saya ceburi. Tetapi bagaimanakah seorang yang sudah sebat dengan politik boleh memisahkan diri dari politik. Saya cuba diri saya untuk tidak melibatkan diri dalam perkara-perkara politik tetapi ternyata bahawa saya sangat gelisah.

Walaupun saya sudah dipisahkan dengan politik, tetapi saya sememangnya yakin dan sentiasa menaruh minat kepada soal-soal politik. Melaluinya saya kira saya dapat memberikan sumbangan dan khidmat yang lebih bermakna kepada negara. Dengan berfikir secara politik saja membolehkan setiap persoalan dapat saya fahami secara lebih tajam dan ini pula membolehkan saya bertindak lebih cepat dan tepat.

Saya berkhidmat sebagai Yang Dipertua Negara untuk satu penggal saja iaitu dua tahun. Memang dalam perundingan saya dengan Tun Razak pada mulanya dulu pun jawatan itu saya pegang sebagai sementara saja. Cuba saja satu atau dua penggal. Dan kalau saya dapat melaksanakannya untuk satu penggal, maka saya kira saya sudah memenuhi nasihat seorang yang saya kira sebagai pemimpin saya juga.

Mengapakah saya meninggalkan jawatan tersebut sedang saya beroleh banyak kemudahan dan keistimewaan? Jawapannya banyak yang boleh saya berikan, tetapi yang paling penting ialah setelah sekian lama menjadi Yang Dipertua Negara dan menduduki singgahsana yang tertinggi di Sabah itu, saya merasakan cara yang terbaik bagi saya memberikan khidmat kepada rakyat dan negara ialah dengan kembali aktif dalam politik.

Saya menjadi Yang Dipertua Negara dari tahun 1963 hingga 1965. Dua tahun lamanya. Dua tahun sebagai Yang Dipertua Negara adalah satu jangka waktu yang panjang juga dan ia bukan tidak menarik atau tidak memberikan apa-apa makna kepada saya dan kepada Sabah. Saya kadang-kadang sengaja memenungkan hal yang silam itu, dan bila dikenang kembali, tahun-tahun saya menjadi Yang Dipertua Negara, sebenarnya ia sangat banyak mematangkan lagi dunia dan tindakan politik saya secara langsung dan tidak langsung.

Istana yang saya duduk dan jawatan yang saya pegang itu menjadi satu sekolah tersendiri bagi saya dengan kejadian-kejadian politik itu sendiri sebagai gurunya. Berapa orangkah yang sempat bersekolah seperti saya itu?

**B**ILA saya mengambil alih jawatan penting itu saya punya seorang setiausaha sulit. Dia ialah orang kulit putih. Sudah terbayang kepada saya apa yang ditimbulkan oleh Tun Razak tentang sulit yang akan dihadapi oleh seorang Ketua Menteri kalau semua pegawai kerajaan terdiri dari orang Inggeris yang masing-masing ada kepentingan. Dan sebagai Yang Dipertua Negara pun nampaknya sudah memakai pegawai dari orang kulit putih juga. Apa yang dapat saya buat kerana saya baru dan saya pun belum tahu budi bicara pegawai yang bertugas terus dengan saya itu.

Robert Speddy nama Setiausaha Sulit saya itu. Di tangannya lah terletak segala hubungan saya dengan dunia luar. Sesiapa yang hendak bertemu dengan saya maka harus menghubunginya dulu. Saya sebenarnya suka dihubungi terus, tetapi kedudukannya sebagai Yang Dipertua Negara kononnya tidak membolehkan saya dihubungi terus disebabkan banyaknya soal protokol.

Seorang Yang Dipertua Negara hampir sama kedudukannya sebagai seorang raja. Malah bagi negeri seperti Sabah, kalau tidak ada Seri Paduka Yang Dipertuan Agung, seolah-olah sayalah rajanya. Bezanya seorang raja menjadi ketua negeri seumur hidup, tetapi Yang Dipertua Negara menjadi ketua negeri dari penggal ke penggal. Dan sebagai Yang Dipertua Negara saya tidak pernah bercadang untuk menjadi raja yang mengurung diri terpisah dari rakyat. Dari awal-awal lagi saya telah menerangkan kepada Speddy supaya memudahkan sesiapa saja rakyat jelata yang hendak bertemu dengan saya yang tujuannya hendak mengemukakan apa-apa masalah jua. Dengan itu istana yang saya diami akan dapat dijadikan seperti pejabat yang sentiasa boleh dikunjungi oleh orang ramai. Saya tahu bahawa saya sendiri sibuk, tetapi bertemu dengan rakyat jelata adalah satu kesukaan saya dan sebagai seorang ketua negeri, menemui orang ramai itu adalah suatu tugas.

Namun demikian saya sering menerima aduan dari orang ramai bahawa Robert Speddy selalu cuba mempersulit orang ramai hendak bertemu dengan saya. Aduan itu bertambah sering saya terima bila lebih lama saya menjadi ketua negeri. Akhirnya saya terpaksa bertindak ke atasnya dengan mengantikannya dengan orang lain. Saya timbulkan perkara ini kerana banyak orang menimbulkan prasangka terhadap tindakan saya terhadap Speddy itu.

Tindakan tadi bukan sekadar kerana hubungan saya dengan orang ramai terputus. Ada banyak lagi tugas atau perkhidmatannya yang tidak memuaskan hati saya

terutama cara-cara dia mengendalikan urusan-urusan rasmi.

Seorang ketua negeri yang berperlembagaan nampaknya seperti tungkul saja. Itulah anggapan setengah orang. Mereka fikir seorang ketua negeri tidak mempunyai apa-apa kerja kerana kononnya segala-galanya dilakukan oleh ahli pentadbir seperti Ketua Menteri atau Setiausaha Kerajaan. Anggapan itu sebenarnya silap. Seorang ketua negeri selain dari tugas rasmi menemui rakyat sesuai dengan sifatnya pelindung rakyat dan perlembagaan, terpaksa juga menghadapi fail-fail, urusan surat menyurat dan lain-lainnya. Segala yang diluluskan oleh kabinet dan oleh kerajaan memerlukan pengesahan dari saya. Kerja menurunkan tanda tangan saja kadang-kadang cukup untuk melenguh dan mengkakukan tangan saya. Dan bila tanda tangan hendak diturunkan, bukanlah boleh ditenyeh begitu saja. Kita terpaksalah mengetahui maksud dan kandungannya terlebih dahulu.

Robert Speddy nampaknya tidak belajar teknik bagaimana hendak memudahkan saya menghadapi segala tugas itu. Bila ada fail-fail dan surat-surat yang memerlukan perhatian saya, maka segala-galanya diletakkan begitu saja di meja saya. Dia tidak menyertakan sebarang ringkasan, penjelasan atau nota seolah-olah memaksa saya membaca semua sekali kandungan fail-fail itu. Kalau fail itu sebuah saja tidak juga membebankan, tetapi kadang-kadang memang banyak urusan yang harus saya perhatikan. Saya tentunya tidak boleh menghabiskan seluruh masa saya menghadapi fail-fail itu saja. Banyak lagi urusan kerajaan yang harus saya lakukan.

Sering saya nasihatkan supaya dia menyatakan ringkasan dan menyertakan penjelasan terhadap sebarang masalah yang disuakan bagi meringankan cara bekerja saya. Saya nasihatkan dia supaya mengubah sikap dan cara bekerjanya. Amaran juga pernah saya beri. Tetapi dia tidak mengendahkan. Maka jalan yang terbuka ialah

menamatkan khidmatnya dan dia saya gantikan dengan Encik Kamaruddin seorang anak Perak.

Penyingkiran Speddy itu tidak disenangi oleh kabinet Sabah. Saya tidak faham mengapa dan apa hubungannya antara dia dengan kabinet maka dia dikira begitu penting. Langkah saya menyingkirkan Setiausaha Sulit saya itu menjadi isu di luar dan hubungan saya yang tidak baik dengannya itu bukanlah rahsia. Tetapi seorang Yang Dipertua Negara masakan tidak boleh memilih seorang setiausaha sulit yang difikirkannya lebih sesuai. Saya kira saya telah mengambil langkah yang betul dan Encik Kamaruddin kemudiannya telah melakukan khidmat yang sangat memuaskan. Setidak-tidaknya kesulitan saya yang tercetus dari cara bekerja Speddy itu adalah satu dari kesulitan yang banyak yang pernah diramalkan oleh Tun Razak ketika saya hendak memastikan sama ada saya akan jadi Yang Dipertua Negara atau Ketua Menteri. Saya masih ingat pesan Tun Razak, "Semua pegawai terdiri dari orang-orang Inggeris, bukan senang kerana mereka juga ada kepentingan ...."

**H**UBUNGAN saya dengan Donald Stephens nampaknya kian tegang. Bukanlah menjadi rahsia lagi seorang Yang Dipertua Negara tidak ada persefahaman dengan seorang Ketua Menteri. Lagi lama saya duduk di kerusi ketua negeri itu, maka lagi banyak pula bibit pertentangan saya dengannya. Aduan-aduan tentang tindak tanduknya sering saya terima. Aduan itu bukan saja datangnya dari orang Islam dari USNO - saya akui merekalah yang paling ramai datang menemui saya - malah orang-orang keturunan Cina dan lain-lain kaum minoriti juga ramai yang datang menyatakan tidak puas hatinya dengan cara Stephens bermain politik. Antara yang paling kerap diadukan ialah rancangan pembangunan

banyak tertumpu ke kawasan Kadazan dan orang-orang beragama Kristian saja. Ramai juga yang mengadukan dan tidak puas hati dengan pembinaan gereja yang agak banyak, sedang masjid dan rumah-rumah ibadat yang lain diabaikan. Saya juga menerima maklumat tentang missi-missi Kristian yang sangat pesat manakala perkembangan lain-lain agama tidak diberikan perhatian. Apakah peranan Islam sebagai agama rasmi negara langsung tidak memberi apa-apa erti kepada kerajaan Sabah.

Kerana Stephens telah saya kenali lama dan dia pernah saya kira sebagai sahabat saya juga, maka saya nasihatkan dia supaya bersikap lebih adil dan bijak. Saya minta beliau memberikan perhatian sama kepada masalah lain-lain kaum dan agama. Tetapi dalam hubungan selanjutnya memang antara kami sering terdapat perbezaan pendapat.

Stephens merasakan tidaklah lagi perlu bagi setiap keputusan kabinet harus mendapat perhatian dan persetujuan dari saya dulu. Stephens tidak memandang berat akan "gentleman agreement" yang dicatatkan dalam minit mesyuarat Perikatan Sabah dulu. Mungkin perkara itu kecil baginya, tetapi bagi saya ia sangat besar ertinya, dan saya menuntut keputusan Perikatan Sabah itu dihormati. Mungkin kemahuhan Tun Datu Mustapha bin Datu Harun sebagai seorang manusia biasa boleh tidak dilayan, tetapi minit dan keputusan parti tidak boleh dipandang ringan. Kerana yang memerintah adalah parti, maka keputusan parti hendaklah dihormati.

Stephens tidak sedar bahawa kabinetnya tidak terdiri dari anggota UNKO saja. Kabinetnya terdiri dari anggota-anggota dari lain parti termasuk USNO. Dia tidak sedar bahawa menteri-menterinya banyak berjumpha saya mengadukan telatahnya. Antara menteri yang kerap datang mengadu kepada saya ialah Datuk Harris Salleh, Menteri Kewangan.

Donald Stephens sebagai sifatnya Ketua Menteri yang dipilih oleh parti ternyata tidak lagi menghormati kehendak lain-lain anggota parti dalam Perikatan. Saya sudah pasti yang dia tidak lagi mahu merundingkan sesuatu dengan saya, dan saya memang dari awal telah menyatakan yang saya tidak mahu jadi seorang patung atau tunggul saja, maka langkah-langkah yang tegas mesti saya ambil. Stephens sebenarnya lupa bahawa saya walaupun tidak dibolehkan aktif dalam politik, tetapi saya adalah asalnya orang politik.

PERKARA terakhir sekali yang saya lakukan dan yang dikira mencetuskan perpecahan yang sangat hebat ialah tentang peristiwa Budget Report 1964. Stephens telah menyediakan ucapan dasarnya untuk saya bacakan untuk persidangan Dewan Negeri. Saya meneliti ucapan dasar itu bersama-sama penasihat-penasihat saya. Datuk Harris ikut sama. Datuk Harris dalam hal ini sangat penting kerana dia sebagai Menteri Kewangan mengetahui banyak masalah dalam perkara belanjawan yang hendak dibincang itu. Akhirnya saya membuat keputusan untuk tidak membaca ucapan itu.

Saya membuat keputusan untuk merangka sendiri ucapan saya. Dan saya sangat beruntung kerana seorang pegawai yang dipinjamkan oleh kerajaan pusat Federal Secretary Tan Sri Yap Kee Aik dapat membantu saya. Kami bekerja siang malam mengumpulkan maklumat dan merangka ucapan itu. Yap Kee Aik adalah seorang yang sangat ahli dalam menyediakan ucapan yang sangat penting. Ucapan yang saya rangka itu bukanlah sekadar ditulis semula dengan kandungan yang sama, tetapi ia adalah yang lain sekali. Bertentangan dengan yang asal yang diluluskan oleh Ketua Menteri.

Ucapan belanjawan itu sebenarnya disediakan oleh Datuk Harris kerana dia adalah menteri kewangan yang bertanggungjawab dengan perkara itu. Tetapi Datuk Harris tidak berupaya untuk menentang kehendak Donald. Oleh itu dia sentiasa mengharapkan saya bertindak walaupun dia tahu saya dengan kedudukan sebagai Yang Dipertua Negara tidak wajar mencampuri urusan politik. Kalau hal-hal seperti itu dapat dihadapi oleh anggota kabinet seperti Datuk Harris misalnya, maka tidaklah perlu saya melanggar bidang kuasa yang sudah ditetapkan. Saya sendiri adalah mengerti tentang pantang larang dan peraturan yang patut dilakukan oleh seorang yang berkedudukan penting seperti saya ketika itu.

Ucapan kerajaan Donald yang tidak saya setujui itu ialah ia tidak menitik-beratkan perpaduan rakyat dan pembahagian projek yang adil kepada mereka. Ia memberikan peruntukan yang menonjol kepada golongan Kristian. Saya seperti yang sering ditegaskan bukanlah menentang peruntukan untuk Kristian, tetapi projek-projek yang sama hendaklah diperuntukkan juga kepada pengikut-penganut agama lain. Jelas sangat Donald mengutamakan kawasan-kawasan yang ramai orang-orang Kadazan Kristian. Kadazan yang bukan Kristian, Dusun, Murut, Cina dan Melayu adalah dikira sebagai rakyat kelas dua. Dan demikianlah kira-kira semangat yang terkandung dalam ucapan itu yang disediakan oleh kerajaan Donald.

Inilah yang saya tidak dapat terima dan saya tidak mungkin bertolak ansur. Saya tidak berupaya untuk memejamkan mata dan memekakkan telinga. Walaupun saya sepatutnya boleh membantah kepada Donald terhadap ucapannya itu dan memintanya membuat ucapan yang lain, tetapi saya sudah melihat gerak geri yang ada pada pemimpin-pemimpin UNKO ketika itu tidak mungkin melayan kehendak saya. Mereka jelas memperlihatkan sikap untuk mempermainkan USNO dan tidak menghormati muafakat Perikatan Sabah dan langsung tidak menimbang-

kan sikap toleransi saya yang bersedia menerima jawatan Yang Dipertua Negara yang bidang kuasanya adalah terhad kalau dibandingkan dengan bidang kuasa yang ada pada seorang Ketua Menteri. Sikap itu mereka tunjukkan sesudah saya berkali-kali menyatakan pandangan saya kepada Donald dan rakan-rakannya. Ternyata cara mereka menyediakan ucapan itu tidak memperlihatkan semangat muhibah.

Ucapan yang saya sediakan itu adalah mementingkan semangat perpaduan dan muhibah sesama rakyat. Setiap suku kaum mendapat peruntukan dan pembahagian projek yang sama rata. Orang Melayu tidak terasa yang mereka diketepikan, orang Kadazan pula tidak merasa yang mereka kurang, dan demikian juga orang-orang Cina.

Bila hari sidang belanjawan tiba, saya masih ingat akan peristiwa penting itu. Semua orang kelihatan riang ketika memasuki dewan. Dan saya melihat wajah Donald dan rakan-rakannya merah padam mendengar ucapan yang saya sampaikan adalah berlainan dengan yang disediakannya. Mereka seolah-olah tidak berselera hendak bercakap-cakap bila sidang itu ditangguhkan. Dan saya ketika selesai membacakan ucapan itu teringatkan peristiwa Donald dan Peter Mojuntin berpeluk-peluk sama sendiri pada hari saya memberitahu Perikatan Sabah bahawa USNO memilih jawatan Yang Dipertua Negara. Apa erti mereka berpeluk-peluk itu? Dan sekarang tibalah masa yang mereka tidak boleh bergembira lagi.

Janganlah ada orang memikirkan yang saya sangat gembira melakukan perbuatan yang mengecewakan Donald dan rakan-rakannya itu. Sesungguhnya saya sangat berat untuk melakukannya dan saya sangat sedih mengambil jalan yang sungguh luar biasa itu. Saya sedar bahawa dengan sikap itu menjadikan kerusi Yang Dipertua Negara itu terlalu panas untuk diduduki. Krisis perlembagaan sudah terbayang dan apa lagi yang hendak dikatakan dengan krisis politik yang akan menunggu. Semuanya itu

sudah saya duga, dan apakah saya boleh bergembira dengan segala kepayahan yang hendak dihadapi bagi sebuah daerah yang baru mencapai kemerdekaan. Tetapi jalan lain nampaknya tidak ada, maka saya sebagai orang politik tidak dapat hendak membiarkan Donald membuat sesuka hatinya terhadap kemerdekaan yang sama-sama dicapai itu.

Ucapan itu betul-betul laksana ledakan sebiji bom bagi kerajaan Sabah. Kerajaan Sabah di bawah pimpinan Donald Stephens sudah tidak senang lagi dengan kedudukan saya sebagai Yang Dipertua Negara dan saya sendiri pun tidak lagi dapat menerima sebuah kerajaan seperti yang ditunjukannya selama ini. Hari itulah bermulanya perang terbuka antara saya dengan kerajaan Donald. Donald mendapat sokongan dari sahabat-sahabatnya dari Sarawak seperti Datuk Stephen Kalong Ningkan, Ketua Menteri dan James Wong.

James Wong ternyata sangat lantang. Dia tidak segan-segan lagi menyalahkan saya dalam kenyataan-kenyataan dan tulisan-tulisannya. Dia mengecam saya mencampuri urusan politik. Saya sendiri tidak tahu apa pula haknya untuk mencampuri urusan politik Sabah. Bagaimanapun saya tahu bahawa apa yang memberanikan Donald melakukan segala sikap yang tidak menghormati orang-orang USNO selama ini ialah kerana dia mempunyai ramai rakan-rakan di Sabah, Sarawak dan Singapura. Dan sesungguhnya Donald, saya percaya lebih tertarik kepada politik Singapura daripada politik Kuala Lumpur. Datuk Stephen Kalong Ningkan dan James Wong juga adalah orang-orang yang terpesona dengan karisma Lee Kuan Yew. Mereka mempunyai tanda-tanda yang lebih bersedia menyengutukan diri dengan Singapura daripada Semenanjung Malaysia.

JAMES Wong yang memihak kepada Donald itu telah mengusahakan supaya krisis Sabah itu dapat diselesaikan walaupun dia terus menerus mengecam saya. Dia diterima oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak untuk menjadi orang tengah. Tunku telah membawa kami ke Kuala Lumpur untuk satu majlis penyelesaian. Pertemuan itu diadakan di Jabatan Perdana Menteri iaitu di pejabat Tunku. Hadir sama ialah Tun Razak, Tun Dr. Ismail, James Wong, Donald dan saya.

James Wong hadir sama kerana dia kononnya menjadi orang tengah untuk mendamaikan krisis itu, tetapi ternyata dia dalam setiap detik memihak kepada Donald. Dia menyalahkan saya dalam semua masalah, dan hingga dalam pertemuan itu sendiri pun dia menyatakan yang dia tidak dapat hendak berbuat apa-apa kerana kononnya saya tidak mahu mematuhi peraturan tidak boleh mencampuri politik.

Saya merasakan majlis itu adalah seolah-olah mahkamah yang hendak membicarakan saya. Dan saya terasa bahawa saya adalah keseorangan dalam bilik itu. Saya tidak tahu apa sikap Tunku dan saya tidak tahu apa sikap Tun Razak dan Tun Dr. Ismail. Donald bagaimanapun mempunyai teman iaitu James Wong. Saya mengambil sikap untuk memberanikan diri menghadapi keadaan itu walau apa pun yang terjadi.

Tunku sebagai sikapnya Perdana Menteri dan bapa dalam majlis itu memarahi saya kerana mencampuri urusan politik. Sebagai Yang Dipertua Negara atau ketua negeri dalam sebuah negeri berperlembagaan maka adalah wajar menjauhkan diri dalam perkara-perkara politik. Saya tahu akan bahayanya seseorang ketua negeri atau ketua negara mencampuri urusan politik. Saya menyedari dan mematuhi apa yang dinasihatkan oleh Tunku itu. Tetapi masalah yang ada di Sabah ketika itu telah memaksa saya mencampuri urusan politik walaupun saya tahu bidang-bidang kuasa yang boleh saya sentuh.

Tunku menasihatkan saya supaya balik berdamai dengan Stephens dan lain kali jangan lagi mencampuri urusan politik. Nasihat Tunku itu betul, tetapi saya bagaimanapun terpaksa mengemukakan hujah-hujah saya mengapa saya melanggar bidang kuasa yang ditetapkan itu. Saya sesungguhnya sangat gembira kerana Tunku telah memberikan peluang kepada saya untuk membela diri. Di sinilah letaknya kelebihan musyawarah kalau seorang ketua seperti Tunku mahu memberi peluang membela diri kepada seorang yang sudah didapatinya secara terang melanggar peraturan yang ditetapkan.

Walaupun saya tidak dibenarkan mencampuri urusan politik, tetapi setiap orang seharusnya faham bahawa saya sebelum menjadi Yang Dipertua Negara adalah seorang ahli politik. Tetapi apa yang saya tuntut cuma mahu Ketua Menteri mematuhi atau menghormati "gentleman agreement" yang dipersetujui oleh Perikatan Sabah sebelum saya menyerahkan kuasa Ketua Menteri kepada UNKO atau khususnya kepada Donald Stephens. Saya mahu dia menghormati keputusan Perikatan Sabah yang menghendaki supaya setiap perkara yang hendak diputuskan oleh kabinet hendaklah terlebih dahulu dirundingkan dengan Yang Dipertua Negara. Ia telah tidak dipatuhi oleh Donald Stephens.

Tunku menjelaskan memang benar ada gentleman agreement, tetapi ia tidak tercatat dalam perlumbagaan. Oleh itu tidak dapat kita hendak berbuat sesuatu yang tidak ada dalam perlumbagaan. Bagaimanapun saya menghujah bahawa dalam masalah ini gentleman agreement itu wujud lebih dulu dari perlumbagaan Sabah. Dan tujuan saya membuat gentleman agreement itu dulu pun adalah untuk menutup segala kelemahan yang ada dalam perlumbagaan dan kelemahan-kelemahan lain yang terdapat di mananya.

Donald dan orang lain tidak bercakap apa-apa. Hanya saya dan Tunku saja berhujah. Saya terpaksa mengambil

sikap yang cergas kerana ia menentukan kedudukan saya. Sesudah sekian lama berunding akhirnya Tunku menasihatkan supaya saya berdamai dengan Donald Stephens.

Saya sendiri tidak tahu mengapa kali itu saya sungguh nekad dan tidak bersedia mematuhi nasihat Tunku. Pada hal Tunku adalah saya anggap sebagai bapa saya sendiri dan saya sering mematuhi kehendak dan nasihatnya. Permintaannya supaya berdamai semula dengan Donald telah saya tolak.

Saya tidak sedar mulut saya mengucapkan satu kalimah yang sangat memarahkan Tunku. Dengan sepotong ayat yang saya keluarkan itu menyebabkan Tunku menyinga. Dia menghempas bekas rokok yang ada di atas meja di hadapannya. Saya tidak menyangka yang Tunku boleh marah sampai begitu. Serentak dengan itu Tunku bangun dari kerusinya dan meninggalkan kami. Dia pergi ke bilik air. Saya tidak tahu apakah dia pergi ke bilik air kerana dia memang terpaksa pergi ke situ atau dia pergi ke situ kerana hendak menghilangkan perasaan marahnya dan dengan itu dapat memikirkan sesuatu bagi mengatasi masalah itu.

Tun Razak yang duduk di sebelah saya sambil batuk-batuk kecil menunjukkan isyarat supaya jangan meneruskan sikap menghujah Tunku ketika itu lagi. Tetapi Tun Dr. Ismail sambil menghisap paipnya menggenyitkan matanya dan dengan isyarat yang ditunjukkannya itu bolehlah saya fahamkan sebagai menyuruh lawan lagi.

Kami semua tidak dapat hendak mengeluarkan fikiran yang khusus ketika itu. Dan saya masih ingat akan kata-kata Tunku sebentar tadi. Ketika dia menghentakkan bekas rokok ke mejanya dia berkata dengan keras, "Tidak pernah lagi saya jumpa orang yang keras kepala macam awak ...."

Bilik itu sunyi seketika. Suasana seolah-olah buntu. Kalau Tunku sudah tidak bersedia menyambung perbincangan, maka jalan yang terbuka ialah meminta jasa baik Tun

Razak dan Tun Dr. Ismail saja lagi. Dan memang Tun Razak adalah tempat kami meruiukkan sesuatu bila tiba kepada keadaan buntu seperti itu. Agak lama juga Tunku berada di bilik air. Saya kira dia sengaja lama-lama sikit berada di situ untuk menenangkan rasa marahnya dan untuk memberi peluang kepada kami merundingkan satu jalan keluar. Tun Razak tentunya akan mencari jalan untuk meredakannya.

Bagaimanapun Tunku yang keluar dari bilik air itu tidaklah dalam keadaan marah lagi. Dia tenang dan sentiasa senyum seperti watak yang sering ditunjukannya itu. Belum sempat dia duduk di kerusinya dia bersuara, "....beginilah...."

Dan bila dia duduk saja dia pun mengemukakan cadangannya, "Donald Stephens terpaksalah berhenti dari menjadi Ketua Menteri secara sukarela, tetapi Donald Stephens boleh jadi menteri kerajaan pusat. Bagaimana?"

Donald terus menangis macam kanak-kanak. "Saya anggap Tunku sebagai bapa saya sendiri. Saya patuh apa Tunku kata ...." Demikian jawab Donald dalam teriak tangisnya itu. Suasana senyap seketika kerana terharu dengan Donald yang sedang menangis itu. Tetapi dengan suasana itu krisis perlombagaan Sabah itu sudah dapat diselesaikan.

Tunku telah membentuk satu kementerian Hal Ehwal Sabah merangkap Pertahanan Awam untuk Donald Stephens.

**M**ASALAHNYA sekarang ialah siapakah yang akan menjadi Ketua Menteri baru. Saya tentunya tidak boleh serta merta menggantikan Donald Stephens. Kerana kalau saya mengantikannya ketika itu juga, maka nanti akan timbul lagi pertentangan dengan orang-orang yang menyokong Stephens yang bilangannya agak ramai

juga. Dan ketika itu saya masih ingat akan nasihat Tun Razak dulu bahawa segala pegawai-pegawai penting di Sabah masih terdiri dari pegawai Inggeris.

Saya berunding lagi dengan Tun Razak selepas itu untuk memutuskan siapa yang akan dipilih menjadi Ketua Menteri. Keputusan yang kami ambil ialah mengambil orang ketiga dari parti yang ketiga dalam Perikatan Sabah juga iaitu seorang tokoh dari SCA iaitu Persatuan Cina Sabah. Tun Razak menyerahkan kepada saya mencari seorang pemimpin yang sesuai. Saya kembali ke hotel untuk memikirkan siapakah yang munasabah yang dapat diterima oleh masyarakat Sabah dan oleh pemimpin di Kuala Lumpur.

Tiba-tiba saya teringat akan Peter Lo, seorang tokoh SCA yang banyak membantu Perikatan Sabah untuk mencapai kemerdekaan melalui Malaysia. Dia kebetulan ketika itu berada di Kuala Lumpur. Saya panggil dia serta merta dan dia sangat terperanjat bila saya cadangkan kepadanya untuk menjadi Ketua Menteri. Dia tidak pernah memikirkan untuk menjadi seorang Ketua Menteri kerana selama ini pihaknya memang tidak pernah terhitung dalam senarai orang-orang yang hendak merebut jawatan itu. Dia berkata, "Kalau Tun percaya sama saya, saya terima saja."

Dalam suasana seperti itu masyarakat Sabah boleh ditenangkan kalau kita menerima seorang yang tidak memihak ke mana-mana. Peter Lo adalah seorang anggota SCA yang baik dan sederhana. Orang-orang Kadazan yang pro Stephens ketika itu tentunya tidak dapat menerima mana-mana tokoh USNO menjadi Ketua Menteri yang baru. Dan orang USNO pula yang baru saja menghadapi perlumbaan politik dengan UNKO tentunya payah juga untuk menerima seorang Kadazan. Permusuhan antara kaum di kalangan Bumiputera sangat mendalam ditanamkan oleh Donald Stephens ketika itu. James Wong dan segala tukang cucuk dari Singapura juga tentu agak senang

kerana seorang berketurunan Cina telah dipilih menjadi Ketua Menteri. Sabah kembali tenang bila Peter Lo diumumkan untuk menjadi Ketua Menteri baru, dan saya terus juga dengan tugas saya sebagai Yang Dipertua Negara.

Meskipun krisis sudah berakhir, tetapi pengalaman sebagai Yang Dipertua Negara baru kira-kira setahun lebih saja saya pegang itu cukup memberi saya pengalaman dan sebagai orang politik, pengalaman itu meyakinkan saya lagi bahawa jawatan Yang Dipertua Negara itu cukup panas bagi saya dan perlu saya kosongkan segera. Ternyata peranan yang ingin saya mainkan sebagai Yang Dipertua Negara bagi kepentingan negara dan rakyat telah menimbulkan berbagai masalah. Politik nampaknya tidak boleh dicuri-curi bila ada waktu lapang. Politik perlu dimainkan sepenuh masa dan saya memutuskan yang saya mesti kembali menjadi orang politik sepenuh masa semula. Kini menunggu masa yang sesuai.

**K**EINGINAN untuk berundur dari jawatan itu telah lama saya fikirkan. Kembali kepada perhimpunan agung USNO dalam bulan Mei/Jun 1964, saya telah membayangkan keinginan saya untuk berhenti dari menjadi Yang Dipertua Negara bagi menumpukan soal politik. Boleh dikatakan seluruh anggota Majlis Tertinggi USNO menyokong hasrat saya itu. Hanya Datuk Harris Salleh yang tidak bersetuju kerana pada perkiraannya bahawa sebagai Yang Dipertua Negara saya boleh memberikan lebih banyak khidmat yang lebih berfaedah.

Saya sudah memegang jawatan itu dan tentulah saya tahu sejauh mana peranan yang dapat saya mainkan. Dan saya kira Datuk Harris mempunyai muslihatnya sendiri dalam perkara ini. Boleh jadi kalau saya kekal sebagai Yang Dipertua Negara, maka dengan sendirinya dia boleh menjadi orang penting dalam politik USNO. Ada kemungkin-

nan dia bersikap demikian kerana bercita-cita untuk merebut jawatan Ketua Menteri itu sendiri. Dan kalau itulah niatnya ternyata dia akhirnya berjaya mengejar cita-citanya itu walaupun tidak melalui USNO.

Dan untuk jadi parti BERJAYA dinamakan berjaya kerana cita-cita saya yang lama itu sudah berjaya pada hari ini walaupun melalui kesukaran.

Bagi saya sendiri politik Bumiputera Sabah ketika itu sangat mengecewakan. Parti-parti Bumiputera bercakaran sesama sendiri. Ini tidak memberi apa-apa faedah langsung kepada mereka, sebaliknya ia menguntungkan lain-lain pihak. Keadaan Bumiputera masih tidak ada bezanya dengan keadaan sebelum merdeka. Mereka saling bermusuhan antara satu suku dengan suku kaum yang lain, malah bertambah buruk. Percantuman antara UNKO dan Pasok Momogun bersatu menjadi UPKO dalam tahun 1964 menajamkan lagi perpecahan atau krisis yang sedia ada. Dengan sendirinya kaum Bumiputera kini terbahagi kepada dua kumpulan yang besar iaitu Bumiputera Islam yang berkumpul di bawah USNO dan Bumiputera bukan Islam yang berkumpul di bawah UPKO.

Saya memang dari awal lagi menginginkan supaya semua pihak bersatu dalam sebuah parti saja. Alangkah baiknya kalau mereka dapat bermuafakat dan bekerjasama untuk membaiki nasib mereka sendiri. Alanglah cerahnya nasib masa depan mereka kalau mereka boleh mencapai kata sepakat sesuai dengan mimpi yang diidam-idamkan ketika hendak mencapai kemerdekaan dulu. Bukankah semasa hendak mencapai kemerdekaan Sabah melalui Malaysia dulu setiap pihak dapat melupakan sama ada mereka Kadazan, Murut, Dusun, Melayu ataupun Islam, Budha dan juga Kristian? Semangat itu nampaknya sudah hampir dibinasakan dalam masa beberapa ketika saja Donald menjadi Ketua Menteri.

USNO sendiri ikut mencemaskan saya. Masalah yang besar ialah ia tidak punya pemimpin yang dapat diterima

oleh semua pihak. Tokoh-tokoh baru ada, tetapi mereka terkemuka di kawasan masing-masing saja. Mereka memerlukan peluang dan masa sedikit lagi bagi membolehkan setiap orang Sabah mengenali mereka. Keadaan inilah yang banyak mendorongkan saya ingin semula kembali ke dalam arena politik.

MENJELANG pertengahan tahun 1965 saya telah membulatkan tekad saya bahawa saya tidak akan menyambung semula perkhidmatan saya sebagai Yang Dipertua Negara. Bagaimanapun hasrat saya ini belum pula saya nyatakan secara terbuka. Dan saya menunggu saat yang sesuai. Kiranya ia saya nyatakan secara terbuka, ia nanti menimbulkan banyak spekulasi. Dan saya sesungguhnya tidak suka sangat melihat sebarang ramalan teritang kedudukan saya dan tentang keadaan politik Sabah. Segala spekulasi itu tidak banyak mendatangkan faedah, malah ia boleh menimbulkan beberapa perkara yang tidak difikirkan pula.

Hasrat saya itu saya pendamkan dalam hati saja. Hanya pada suatu pagi - 15 September 1965 - saya memberitahu isteri saya (Toh Puan) Rahmah, "Mari kita pulang ...."

"Pulang ke mana?" tanya isteri saya.

"Pulang ke rumah kita sendiri! Aku mahu berhenti jadi Yang Dipertua Negara ...." terang saya lagi. Saya tahu isteri saya terpinga-pinga. Dia pun mengemas apa yang patut untuk pulang ke rumah sendiri.

Sesudah itu saya pun memanggil setiausaha saya Kamaruddin memintanya menelefon Pengiran Ahmad Rafei, Timbalan Yang Dipertua Negara. Pengiran Ahmad Rafei langsung tidak tahu apa tujuan dia dipanggil. Dia memang sentiasa saya panggil kerana saya suka berbincang dan mendengar buah fikirannya. Pukul empat petang Pengiran Ahmad Rafie yang tidak tahu apa-apa itu

pun datang.

Saya tidak mahu membuang masa dan tidak lagi mahu bertanya apa-apa darinya. Saya beritahu kepadanya, "Bersiap esok."

Dia bertanya kebingungan, "Bersiap apa, Tun?"

"Besok kamu mengangkat sumpah menjadi Yang Dipertua Negara." Saya tidak perlu mendengar fikirannya lagi.

Lama juga memandang muka dan menenung mata saya. Saya tahu Pengiran Ahmad Rafei memang terkejut dengan perkhabaran itu. "Tun tentu mahu bergurau saja," dia cuba mendapatkan kepastian dari saya.

"Masakan bergurau," saya cuba meyakinkannya. "Saya sudah pun menyuruh Rahmah berkemas. Kami mahu pulang hari ini juga."

Dia menjelaskan, "Tetapi saya tidak pernah diberitahu."

"Memang sengaja tidak mahu diberitahu."

Pengiran Ahmad Rafei memang belum bersedia dan dia sendiri memberitahu bahawa pakaian yang hendak digunakan untuk mengangkat sumpah tak ada. Memang benar dia belum bersedia. Tetapi hal itu saya terangkan kepadanya tidak penting. Pakaian yang baru tidak penting. Pakaian yang lama tetapi lengkap tentunya ada.

Yang menggelisahkan beliau sebenarnya bukanlah kerana dia diberi masa suntuk atau dia tidak punya pakaian. Tetapi saya faham yang menjadi tumpuannya ketika itu ialah betapa gelisahnya hendak memegang satu jawatan yang sangat penting. Amanah rakyat dan negara. Lebih dari itu adalah amanat Allah. Tanggungjawab yang amat besar.

Dalam suasana dia yang tidak pasti, antara percaya dan tidak itulah waktu radio menyiarkan berita pun tiba. Saya minta saja Pengiran mendengar warta berita dari radio. Pagi tadi juga keputusan saya itu saya nyatakan kepada Ketua Menteri dan beritanya sekali dikeluarkan.

Berita itu menyebut Pengiran Ahmad Rafei akan mengangkat sumpah untuk menjadi Yang Dipertua Negara yang baru menggantikan saya yang tidak menyambung lagi perkhidmatan itu bagi penggal kedua.

Esoknya pada 16 September, 1965 Sabah dan rakyatnya beroleh Yang Dipertua Negara kedua. Senang benar bertukaran kuasa berlaku. Dan saya dengan izin Allah menjadi orang awam yang bebas, dan bebas pula untuk berpolitik. Kerana berhenti itu pun satu tindakan politik, maka tidak perlu lagi bagi saya mencari satu detik baru untuk memulakan politik. Politik saya itu berjalan secara automatik.

Naskhab Pemeliharaan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
28 DECEMBER 1983